

**UMNO  
TEMPAH  
MAUT?**

## **MENGENAI PENGARANG**

**Tarikh & Tempat Lahir:**  
12 Ogos 1941. Kepala Batas, P. Pinang.

**Pendidikan:**  
Peringkat SPM

**Pekerjaan:**  
Penerbit & Editor Perunding

**Pengalaman:**  
Sidang Pengarang Warta Mingguan,  
Utusan Zaman dan Mingguan Malaysia.  
Pengarang URTV dan Majalah Kritik.  
Columnist dalam Mingguan Kota,  
dan Mingguan Politik.

**Hasil Karya:**  
**Novel:**  
Peristiwa Patah Dahan.  
Debar Dalam Gempa Naga-Naga.

**Politik:**  
UMNO Jalan Seribu Liku Skandal BMF. Kontlik  
Istana dan Parlimen. Dilema Barisan Nasional  
Mengapa Datuk Musa Letak Jawatan?  
Analisa Pilihanraya Umum '86.  
Shahrir Lawan Mahathir?  
BN & APU Siapa Berkuaasa?  
Mahathir Machiavelli Malaysia?  
Antara Mimpi & Harapan.  
Analisis Pilihanraya Umum '90.  
UMNO Tempah Maut?

**Buku Umum:**  
Gapena Antara Politik & Sastera

**Kegiatan Sosial:**  
Setiausaha Persatuan Penulis Pulau Pinang & Sb. Prai.  
Ketua Satu Angkatan Penulis Kreatif Selangor.  
AJK Bendahan & Pemeriksa Kira-kira Gapena.

**Anugerah:**  
**Pelita Bangsa**, anugerah Persatuan Penulis  
Negeri Pulau Pinang (2PNP) 1989.

# **UMNO TEMPAH MAUT?**

**ZAKRY ABADI**



**Syarikat S. Abdul Majeed**  
\_\_\_\_\_  
**Bahagian Penerbitan**

KEMASUKAN UMNO KE SABAH

Syarikat S. Abdul Majeed  
2210 Malayan Mansion  
Jalan Masjid India  
50100 Kuala Lumpur

**Hakcipta Terpelihara:** Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa bentuk dan dengan apa cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Cetakan Pertama 1991  
© Hakcipta: Zakry Abadi

M  
324. 2595U  
ZAK

Diatur huruf oleh:  
*Grafik Set,*  
28A, Jalan Mawar, Taman P. Ramlee,  
53000 Kuala Lumpur.

570180

Dicetak oleh  
Polygraphic Marketing Sdn. Bhd.  
Lot 14, Jalan 1, Kawasan Perusahaan, Cheras Jaya  
Balakong, Batu 11, 43200 Cheras,  
Selangor Darul Ehsan.

## PENDAHULUAN

SU kemasukan Sabah ke dalam Persekutuan Malaysia dan konflik kepimpinan politik antara Kota Kinabalu dengan Kuala Lumpur, tidak habis-habis diperkatakan oleh mereka yang terlibat dan oleh mereka yang berminat di dalam pergolakan politik di Malaysia. Isu-isu ini menjadi lebih kontroversial menjelang Pilihanraya Umum 1990 yang lalu, terutamanya apabila parti pemerintah Sabah (PBS) yang diberi mandat memerintah negeri tersebut untuk tempoh lima tahun yang akan datang, telah mengisyiharkan partinya keluar daripada Barisan Nasional dan menyokong konsep Gagasan Rakyat.

Tindakan PBS itu menimbulkan kontroversi dan konflik yang menggemparkan di kalangan kepimpinan politik, terutama pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Ini kerana tindakan PBS keluar daripada Barisan Nasional menjelang saat-saat pilihanraya itu, dianggap sebagai suatu percubaan untuk menikam Barisan Nasional dari belakang. Akibat daripada tindakan parti PBS pimpinan Datuk Sri Joseph Pairin Kitingan itu, pemimpin UMNO telah mengambil tindakan balas dengan menukuhan UMNO di negeri Sabah.

Di dalam buku ini, saya cuba membuat beberapa sorotan dan analisis berhubung dengan isu-isu tersebut, berdasarkan sejarah, geografi, sosio-budaya dan realiti politik semasa yang wujud di negeri Sabah dan yang ada hubungkaitnya dengan Semenanjung dan pembentukan negara Malaysia.

Berdasarkan sorotan dan analisis ini, pembaca akan mendapat suatu gambaran yang lebih jelas tentang sebab-sebab mengapa isu Sabah dan konflik kepimpinan politik antara Kuala Lumpur dengan Kota Kinabalu ini terus menerus terjadi, dan pembaca juga akan dapat membuat kesimpulan yang tersendiri sama ada selepas kemasukan UMNO ke negeri Sabah itu nanti, konflik kepimpinan politik antara kedua-dua pihak itu dapat dihentikan atau tidak.

Berasaskan fenomena sejarah dan realiti politik semasa inilah juga, saya terpaksa menyatakan pendirian dan pendapat bahawa kita sebenarnya telah tidak memberikan perhatian yang serius dan tidak membuat penghayatan dan tindakan yang jujur terhadap kewujudan Sabah di dalam Persekutuan Malaysia. Kedudukan geografinya, suasana persekitarannya, sosio-budayanya, realiti politik dan cara hidup serta falsafah perjuangannya dan persetujuan-persetujuan yang dicapai semasa pembentukan Malaysia dulu, telah tidak kita lihat dan tafsirkan menurut pola-pola dan keadaan yang sebenar.

Kepada kita, Sabah tidak lebih daripada salah sebuah negeri yang sama tarafnya dengan negeri-negeri lain di Semenanjung, sedangkan menurut keadaannya yang sebenar, Sabah seperti juga dengan Sarawak, mempunyai beberapa *commitment* yang amat luas dan berbeza dengan negeri-negeri lain di dalam Persekutuan Malaysia. Ini tidak pernah mendapat perhatian dan penghayatan kita. Oleh yang demikian apabila perspektif kita terhadap negeri-negeri tersebut terpesong dari sifat dan bentuknya yang sebenar, maka kita sering kali jadi melatah dan membuat tanggapan-tanggapan yang negatif apabila negeri-negeri tersebut, terutamanya apabila Sabah membuat pelbagai rungutan, tuntutan dan ancaman terhadap kerajaan Pusat. Akibatnya bagi kebanyakan kita, Sabah seolah-olah *Singapura* atau *Israel* di dalam Malaysia.

Keadaan dan perspektif kita ini sampai pada kemuncaknya, apabila dalam tahun 1985-86, kerajaan negeri tersebut yang lebih dua dekad diperintah oleh kepimpinan parti Bumiputera Islam, jatuh kepada sebuah parti politik yang didukung oleh Bumiputera yang bukan Islam. Selepas kejatuhan tersebut, pandangan, anggapan dan perspektif kita terhadap pemerintahan Sabah itu menjadi lebih kabur, tidak jelas dan mengelirukan. Kejatuhan dua pemerintahan Bumiputera Islam dan kemunculan sebuah parti politik yang dipimpin oleh golongan Bumiputera bukan Islam itu, menyebabkan faktor suku kaum dan agama diseret kembali ke dalam kancan kontflik kepimpinan politik dan polarisasi antara kaum. Ini dicetuskan berikutan wujudnya dakwaan bahawa kerajaan PBS yang memerintah Sabah sekarang menekan golongan Bumiputera Islam. Sebagai reaksi kepada dakwaan ini, sebuah parti politik di Semenanjung, UMNO telah dirancang penubuhannya di negeri tersebut bagi menyaingi pengaruh parti PBS dan mempertahankan kewujudan golongan Islam di Sabah.

## KEMASUKAN UMNO KE SABAH

Berdasarkan fenomena ini, saya telah cuba membuat sorotan dan analisis bagi memperlihatkan betapa di dalam persepektif kita yang mengelirukan terhadap negeri Sabah itu, kita terjebak kepada satu perangkap yang amat merbahaya di dalam visi kita untuk membentuk sebuah negara Malaysia yang bersatu padu.

Di dalam buku ini, saya telah memberikan beberapa perspektif tentang sejarah masa lampau dan realiti politik semasa di negeri Sabah itu dan memberikan beberapa tafsiran, pandangan dan sanggahan bagi membetulkan semula perspektif dan tanggapan kita terhadap kedudukan Sabah dan *commitmentnya* di dalam Persekutuan Malaysia, yang selama ini telah tidak kita berikan perhatian dan penghayatan yang serius.

Sudah pasti di dalam percubaan saya untuk meletakkan perspektif yang sebenar terhadap sifat, bentuk dan kedudukan Sabah di dalam Persekutuan Malaysia itu, fikiran-fikiran saya mungkin dianggap konservatif, jumud, tidak berpandangan jauh, tidak komited dengan kepentingan perjuangan UMNO dan sebagainya. Malah saya mungkin dianggap sebagai seorang yang anti kepada perubahan atau enggan untuk mengubah sesuatu. Jikalau anggapan yang serupa ini dikemukakan kepada saya, saya menerima dengan penuh sedar dan insaf bahawa sebagai seorang yang prihatin terhadap perjuangan UMNO untuk mendukung cita-cita Kebangsaan Melayu, demi mempertahankan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara, saya berpendapat bahawa percubaan kepimpinan UMNO untuk membawa parti itu ke negeri Sabah, sebagai tidak mencerminkan kematangan dan tanggungjawab untuk membentuk dan mempertahankan integrasi nasional antara Sabah dengan Semenanjung.

Saya berpendirian bahawa dalam usaha untuk membetulkan perspektif, sikap, pandangan dan anggapan yang mengelirukan terhadap negeri Sabah itu, kita seharusnya mengutamakan misi dan visi untuk mempertahankan perpaduan kebangsaan lebih daripada hanya menekankan kepada unsur perkauman, konsep dan ideologi politik tertentu. Saya berkeyakinan bahawa unsur-unsur perkauman, konsep dan ideologi politik tertentu boleh berubah mengikut perkembangan masa, sama dengan pemimpin politik boleh pergi dan boleh datang dan aktivis politik juga boleh masuk dan keluar parti, tetapi perpaduan kebangsaan sebagai suatu saham kepada kekuatan bangsa, kekuatan negara dan keutuhan agama akan terus kekal menjadi impian di dalam sebuah

negara yang merdeka. Motivasi perpaduan ini tentulah tidak ada kena mengena dengan konsep dan ideologi politik tertentu.

Berdasarkan pendirian dan sikap inilah, buku ini saya tulis dan kemukakan kepada pembaca. Saya menyedari bahawa di dalam usaha saya untuk mengubah sikap, pandangan dan perspektif yang sebenar terhadap negeri Sabah itu, buku ini bukanlah sebuah buku yang lengkap, menganggupi keperluan *pengetahuan empiris* atau berdasarkan kronologi *klasifikasi, perbandingan* dan *kuantitatif*, sebagaimana lazimnya terdapat di dalam buku-buku yang bercorak ilmiah.

Bagaimanapun jikalau isi kandungan buku ini boleh dijadikan asas dan perbincangan awal tentang betapa perlunya diwujudkan satu pendekatan baru terhadap keperluan bagi meletakkan Sabah di dalam posisi dan kondisinya yang sebenar di dalam Persekutuan Malaysia di samping mencari formula-formula baru untuk mewujud dan mengekalkan integrasi nasional dan kesinambungan sejarah antara Sabah dengan Semenanjung, maka saya kira, objektif buku ini akan tercapai. Langkah mengejut tetapi penuh nasionalistik yang diambil oleh Ketua Menteri Sabah Datuk Sri Pairin Kitingan bagi membentuk kerjasama antara parti PBS dengan USNO di tengah-tengah kontrakdisi ini bukan saja satu keputusan dan tindakan yang rumit tetapi juga satu kesabaran dan pengorbanan yang payah.

Sudah tentu perubahan politik dan pengorbanan parti PBS itu tidak boleh dilihat dari sudut *racial enclave* atau kekalahan moral di dalam politik. Ia harus diterima sebagai sesuatu yang cukup relevan di dalam moral politik dan kerana itu kita harus bersedia untuk memberikan kesempatan kepada rakyat Sabah menyusun dan mengatur program pemerintahan mereka sendiri tanpa gangguan dan penglibatan pihak luar.

Mudah-mudahan buku ini boleh memberi manfaat kepada pembaca, terutamanya di dalam usaha kita membina bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu padu.

Kuala Lumpur,  
10hb. Mac, 1991.

– Zakry Abadi.

## KANDUNGAN

1.	Pendahuluan	v
2.	Keputusan Pilihanraya	1
3.	Gagasan Malaysia dalam Sejarah	27
4.	Kemasukan UMNO ke Sabah	54
5.	Sikap & Perjuangan Rakyat Sabah	82
6.	Pemulihian Integrasi Nasional	104
7.	Bibliografi	135
8.	Indeks	136

**SINGKATAN NAMA-NAMA PERTUBUHAN YANG  
DIBICARAKAN DALAM BUKU INI**

1. UMNO - United Malays National Organization.
2. USNO - United Sabah National Organization.
3. UNKO - United National Kadazan Organization.
4. NPMO - National Pasok Momogun Organization.
5. UPKO - United Pasok-Kadazan Organization.
6. BERJAYA - Bersatu Rakyat Jelata Sabah.
7. PBS - Parti Bersatu Sabah.
8. SCA - Sabah Chinese Association.
9. USIA - United Sabah Islamic Association.
10. PAS - Parti Islam Se Malaysia.
11. DAP - Democratic Action Party.
12. AKAR - Angkatan Keadilan Rakyat.
13. PRS - Parti Rakyat Sabah
14. SUPP - Sarawak United People's Party.
15. MCA - Malaysia Chinese Association
16. MIC - Malaysia Indian Congress.
17. SDP - Sepakat Democratic party.
18. NASMA - Parti Nasionalis Malaysia.
19. PANAS - Parti Negara Sarawak
20. PRB - Parti Rakyat Brunei
21. PAP - People's Action Party

## KEMASUKAN UMNO KE SABAH

Khas untuk anak-anakku  
**Sezali • Suzana • Halkel**

## Bab 1

# KEPUTUSAN PILIHANRAYA

◆ Apa yang saya lakukan ini adalah untuk kebaikan dan faedah orang-orang Kadazan/Dusun sendiri di samping bagi kepentingan Sabah yang sangat-sangat saya cintai. ♦

– Donald Stephens.

**K**EMENANGAN Parti Bersatu Sabah atau ringkasnya PBS di dalam dua pilihanraya yang berasingan, iaitu Pilihanraya Negeri pada 16 dan 17 Julai dan Pilihanraya Umum pada 20 dan 21 Oktober 1990 lalu, memberikan pelbagai makna dan tafsiran kepada perkembangan politik di negeri tersebut dan kaitannya dengan pergolakan politik di Malaysia.

Dalam pergolakan politik di negeri Sabah, kemenangan 36 kerusi Dewan Undangan Negeri oleh PBS dan 12 kerusi oleh USNO, mencerminkan kehendak politik tiga suku kaum terbesar di negeri di Bawah Bayu itu, iaitu kehendak suku kaum Kadazan/Dusun Kristian, kehendak suku kaum Cina dan kehendak suku kaum Bumiputera Islam.

Sabah yang mempunyai penduduk berjumlah 1.4 juta orang, terdiri daripada kira-kira 40% Bumiputera Islam, 40% suku kaum Kadazan/Dusun yang sebahagian besarnya beragama Kristian dan 20% suku kaum Cina. Secara relatifnya, peratusan penduduk suku kaum yang tersebut di atas adalah campuran daripada pelbagai suku kaum yang terdiri dari 20 jenis suku kaum lain yang menganut pelbagai agama, termasuk Islam, Kristian, Buddha dan sebagainya, termasuk juga di sini mereka yang masih tidak beragama.

Kemenangan PBS di dalam kedua-dua pilihanraya itu adalah kemenangan ketiga bagi parti tersebut di peringkat Negeri, dan kemenangan kedua bagi peringkat Parlimen. Dalam Pilihanraya Negeri tahun 1985 lalu, PBS memenangi 25 kerusi, USNO 16 kerusi, BERJAYA 6 kerusi dan PASOK 1 kerusi. Dalam pilihanraya tahun 1986, PBS meningkat kemenangannya kepada 34 kerusi, USNO turun 12 kerusi, BERJAYA juga turun 1 kerusi dan SCCP 1 kerusi. Dan dalam pilihanraya bulan Julai tahun lalu, PBS terus meningkatkan prestasinya dengan berjaya memenangi sebanyak 36 kerusi dan USNO 12 kerusi. Lain-lain parti telah tidak memenangi sebarang kerusi.

Dalam pilihanraya kecil berikutnya dengan kematian calon PBS di Sipitang dan perletakan jawatan calon USNO di Sulabayan, pada 8 dan 9 Disember 1990 lalu, keputusannya adalah sama juga, iaitu calon PBS menang semula di Sipitang dan calon USNO menang semula di Sulabayan.

Kemenangan calon-calon PBS kali ini mencerminkan peningkatan prestasi yang cukup baik. Sekalipun jumlahnya lebih satu kerusi berbanding dengan tahun 1986 lalu, namun kemenangan kesemua calonnya adalah solid tanpa disertai oleh calon-calon dari parti lain seperti yang berlaku sebelumnya dan seperti yang berlaku di dalam beberapa buah parti politik yang lain di Sabah.

Bercakap mengenai sejarah Pilihanraya Negeri di negeri Sabah sehingga membawa kepada kemenangan PBS sebanyak tiga kali berturut-turut itu, ia sesungguhnya amat menarik untuk dibahas dan dibuat analisis. Ia menarik kerana dalam kesinambungan sejarah politik di negeri itu, kita dapat melihat bahawa ada tiga dekad pergolakan politik yang mencetuskan pelbagai isu dan sikap di dalam ciri-ciri kepimpinan politik yang berbeza-beza di negeri tersebut. Menurut pengulas-pengulas politik Sabah, perbezaan di dalam kepimpinan politik di negeri itu terbahagi kepada dua ciri, iaitu ciri-ciri kepimpinan yang berjuang untuk mencapai kekuasaan politik dan ciri-ciri kepimpinan yang berjuang

untuk mencapai kepentingan diri sendiri.

Semenjak Sabah mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia pada tahun 1963, kedua-dua ciri kepimpinan yang serupa ini sentiasa saja wujud. Ciri-ciri kepimpinan ini pada peringkat awalnya kelihatan berlaku di dalam kepimpinan USNO, UPKO dan SCA, iaitu tiga buah parti politik yang bercorak perkauman yang duduk di dalam komponen parti Perikatan yang memerintah Sabah ketika itu. USNO yang dipimpin oleh Tun Datu Mustapha mewakili majoriti Islam, sementara UPKO (Gabungan UNKO dan Pasok Momogun) yang dipimpin oleh Donald Stephens (Allahyarham) dan Datuk G.S. Sundang mewakili suku kaum Kadazan/Dusun yang bukan Islam dan SCA pimpinan Peter Lo mewakili suku kaum Cina.

Pada masa itu pergolakan politik dan isu perkauman yang dibangkitkan, pada asasnya berkisar kepada dominan agama dan kepercayaan tradisi. Ketiga-tiga pihak ini begitu kuat berpegang kepada dominan agama dan kepercayaan tradisi mereka sendiri. Mereka begitu yakin bahawa dengan dominan agama dan kepercayaan tradisi ini, mereka boleh menguasai politik di Sabah, terutamanya apabila kerajaan Pusat telah melantik Tun Datu Mustapha sebagai Yang Dipertua Negara, sementara Donald Stephens pula dilantik menjadi Ketua Menteri.

Bagaimanapun kedua-dua pemimpin ini, akibat perbezaan agama dan kepercayaan, telah gagal membentuk sebuah kerajaan negeri yang stabil. Tun Datu Mustapha menuduh Donald Stephens telah tidak memenuhi janjinya untuk membentuk kabinet kerajaan yang berlambangkan pelbagai suku kaum, sementara sebagai Ketua Menteri, Donald Stephens pula menganggap kabinet yang dibentuknya adalah untuk tujuan pembangunan.

Akibat krisis keyakinan dan kepercayaan ini, kerajaan Pusat akhirnya terpaksa memindahkan Donald Stephens ke kabinet Pusat dan dilantik menjadi Menteri Perhubungan Sabah, sementara pemimpin SCA, iaitu Peter Lo telah

dilantik menjadi Ketua Menteri. Pertukaran jawatan ini menyenangkan sedikit hati Tun Datu Mustapha, tetapi kepada Donald Stephens, perpindahannya ke Pusat itu amat tidak menyenangkannya.

Selepas Pilihanraya Negeri tahun 1967, jawatan Ketua Menteri Sabah akhirnya dipegang pula oleh Tun Datu Mustapha. Ini berlaku berikutan dengan kekalahan pemimpin SCA Peter Lo di dalam pilihanraya tersebut dan kesemua calon-calon UPKO yang bertanding di dalam pilihanraya itu menyertai parti USNO. Penyertaan kesemua calon-calon UPKO yang menang ke dalam parti USNO itu adalah sebagai satu langkah bagi mengurangkan ketegangan di dalam politik perkauman. Dan Donald Stephens dengan penuh kecewa dan hampa telah membubarkan parti UPKO pada bulan Disember 1967.

Ketika mengumumkan pembubaran parti UPKO tersebut, Donald Stephens berkata, *"apa yang saya lakukan ini adalah untuk kebaikan dan faedah orang-orang keturunan Kadazan dan Dusun sendiri di samping bagi kepentingan Sabah yang sangat-sangat saya cintai."*

Tindakan membubarkan parti UPKO, iaitu sebuah parti perkauman Kadazan dan Dusun yang asalnya gabungan dari parti UNKO dan PASOK MOMOGUN itu, menandakan bermulanya satu detik perubahan baru di dalam pergolakan politik di negeri Sabah. Dengan pembubaran kedua-dua parti di dalam gabungan tersebut ia menandakan bahawa konsep perjuangan politik yang berteraskan perkauman yang sempit telah mula terhakis di kalangan orang-orang Kadazan, Dusun, Murut, Rungus dan lain-lain di negeri Sabah. Donald Stephens telah mengambil tindakan yang berani sehingga untuk suatu tempoh, popularitinya sebagai pemimpin salah satu suku kaum terbesar di negeri itu telah merosot.

Malangnya kesedaran yang mula ditunjukkan oleh bekas pemimpin UPKO itu telah tidak disedari oleh pemimpin USNO Tun Datu Mustapha. Dengan kuasa politik yang ada

kepada dirinya itu, beliau terus mengamalkan bukan saja konsep perkaumannya itu, tetapi juga memperluaskan kuasa autokrasi dan kepentingan diri sendirinya secara lebih meluas. Saya akan bercakap hal ini seterusnya dalam bab yang akan datang.

Penubuhan parti BERJAYA dan kejayaan parti itu menumbangkan parti USNO di dalam Pilihanraya Negeri dalam tahun 1976, adalah penjelmaan daripada satu era baru di dalam aliran politik di Sabah. Konsep perjuangan politik yang berteraskan dominan agama dan kepercayaan tradisi telah mulai berakhir. Era baru yang dimaksudkan ialah bahawa perjuangan politik di negeri itu telah bertukar kepada corak politik berbilang kaum.

Bagaimanapun kemenangan parti BERJAYA di bawah kepimpinan Datuk Harris Salleh tidak dapat bertahan lama. Jikalau Tun Datu Mustapha dapat mempertahankan USNO selama 10 tahun (1967 – 1976), Datuk Harris juga dapat bertahan hanya untuk tempoh 9 tahun saja (1976 – 1985). Dan jikalau kejatuhan Tun Datu Mustapha akibat pelaksanaan dasar perkauman, kekuasaan autokrasi dan kepentingan diri sendiri, maka kejatuhan Datuk Harris Salleh juga akibat kezaliman, diktatorship dan penyelewengan kuasa. Ini bermakna bahawa politik Sabah bukan saja menolak konsep perkauman, dominan agama dan kepercayaan tradisi, tetapi juga politik Sabah menolak konsep autokrasi, kezaliman, diktatorship dan penyelewengan kuasa.

Kejayaan parti PBS menumbangkan parti BERJAYA di dalam Pilihanraya Negeri Sabah dalam tahun 1985 – 1986, dengan sendirinya menunjukkan bahawa kesemua elemen yang saya sebutkan tadi telah ditolak oleh majoriti rakyat Sabah. Dalam tempoh lima tahun 1986 – 1990, PBS diberi mandat berkuasa, rakyat Sabah pada keseluruhannya telah menerima bahawa PBS adalah sebuah parti politik yang lebih baik daripada USNO dan BERJAYA memerintah Sabah. Ini dibuktikan melalui Pilihanraya Negeri dan

Pilihanraya Parlimen yang diadakan baru-baru ini, di mana PBS telah diberi mandat sekali lagi untuk berkuasa di negeri Sabah untuk lima tahun yang akan datang.

Dalam tempoh lima tahun yang lalu, kepimpinan PBS secara umumnya, tidak menunjukkan sifat-sifat kepimpinan yang autokrasi, bertindakan secara zalim terhadap sesuatu kaum tertentu dan melakukan penindasan dan menekan kepada sesuatu pihak tertentu. Apa yang sering kita dengar ialah adanya tuduhan-tuduhan daripada kalangan pemimpin Islam tertentu yang menuduh bahawa kepimpinan PBS telah melakukan perbuatan-perbuatan tidak adil kepada agama Islam di samping pengwujudan pengaruh agama Kristian yang lebih meluas di negeri Sabah.

Sebenarnya dari segi objektif dan realistik, apa yang mungkin dianggap tidak adil dan berat sebelah itu adalah berpunca daripada kita melihat dan menilainya dari lubang tempurung perkauman, atau apa yang disebut '*racial enclave*'. Penilaian dari sudut yang subjektif ini tidak dapat dielakkan kerana berasaskan *racial enclave* ini, apakah sesuatu kaum manoriti itu diperintah oleh sesuatu kaum atau pelbagai kaum majoriti yang lain, apa lagi jika kaum-kaum majoriti yang memerintah itu berlainan kebudayaan dan agama daripada kaum manoriti tadi, maka apa saja yang dilakukan oleh kaum-kaum pemerintah itu akan sentiasa dianggap tidak adil dan buruk oleh kaum manoriti yang kena perintah itu.

Perbezaan pandangan dan anggapan yang buruk seperti ini bukan saja berlaku di negara kita, khasnya di Sabah, tetapi juga berlaku di negara-negara lain seperti di Filipina, di India, di Thailand dan lain-lain negara, malah termasuk di Semenanjung Malaysia sendiri.

Orang-orang Islam Moro di Pulau Jolo di Filipina, orang-orang Islam di selatan negeri Thai dan lain-lain negara di mana mereka menjadi golongan minoriti Islam, sentiasa merasa suku bangsanya ditekan dan ditindas oleh pemerintah yang majoriti atau bukan Islam. Peristiwa

pelampau Hindu yang mahu merobohkan sebuah masjid di Ayodhya India bagi didirikan sebuah kuil Hindu sehingga mencetuskan kekacauan agama adalah satu contoh yang boleh kita lihat berdasarkan *racial enclave* tadi.

Di Semenanjung Malaysia sendiri, penentangan yang bersifat *racial enclave* ini sentiasa saja terjadi di kalangan suku kaum tertentu. Mereka diapi-apikan oleh puak-puak pelampau agama yang melihat bahawa pemerintah Barisan Nasional telah menjalankan kerja-kerja yang tidak adil bagi bangsa dan agama mereka. Yang lebih ironisnya sementara parti PAS menuduh kerajaan Barisan Nasional telah menjalankan kerja-kerja mungkar yang berlawanan dengan agama Islam, pemimpin-pemimpin agama Kristian pula menganggap bahawa kerajaan yang sama, lebih mengutamakan Islam daripada agama-agama lain. Kontradiksi ini tentulah menimbulkan pelbagai prejudis yang lain.

Seorang Pengarah Penyelidikan Katholik dan Setiausaha Agung Majlis Perunding agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh di Malaysia, Dr. Paul Tan pernah berkata di dalam sebuah kertas kerjanya bahawa '*di Malaysia, agama amat halus terjalin dengan bangsa, politik dan ekonomi, sehingga mustahil untuk berbicara mengenai yang satu tanpa menyentuh yang lain.*' Oleh yang demikian, katanya, '*meski apa pun yang terjadi, kita mesti berdiri bersama membina Malaysia sebagai sebuah negara yang kuat dan maju, bukan saja menerusi puji-pujian dan sokongan bagi apa yang baik dan betul, tetapi juga menerusi pendirian berani kita menentang ketidakadilan dan kepalsuan.*'

Di dalam hubungan ini, apa yang mungkin boleh kita bahaskan di sini ialah sama ada UMNO mahu mewujudkan terus sikap prejudis atau permusuhan dengan PAS khasnya dan PBS khususnya di Sabah, kita perlulah mengkaji semula kedudukan politik orang-orang Islam di Sabah. Sudah pasti bahawa jika sikap prejudis, buruk sangka dan amalan permusuhan yang patut menjadi pilihan kita, maka jalan

keluarnya bukanlah penyelesaian dan perdamaian yang dapat kita capai. Sebaliknya penentangan dan konfrantasi akan terus menerus berlaku. Ini tentulah berlawanan dengan dasar perpaduan yang hendak kita bina bagi mencapai kestabilan, kemakmuran dan kebahagiaan menerusi proses integrasi nasional di kalangan pelbagai kaum di dalam kedua-dua wilayah ini.

Bagi saya mengkaji semula kedudukan politik orang-orang Islam di Sabah lebih berguna dan berfaedah daripada mencetuskan permusuhan di kalangan pemimpin pelbagai kaum. Dengan membuat kajian semula, kita akan dapat melihat betapa jatuh bangunnya perjuangan politik orang-orang Islam di Sabah sendiri, terutamanya di dalam tempoh tiga puluh tahun yang lalu. Kajian ini amat penting untuk menilai semula akan kelemahan dan kelebihan mereka. Melalui hasil kajian ini kita akan dapat menentukan segala perancangan, tujuan dan matlamat serta objektif yang boleh kita capai bagi tempoh sepuluh atau dua puluh tahun yang akan datang. Soal prejedis dan permusuhan tadi perlulah dikesampingkan.

Dalam tempoh dua dekad yang lampau (1965 – 1985) di mana ketika itu kepimpinan Islam membentuk kuasanya di Sabah, rakyat di negeri tersebut, pada umumnya berada di dalam sebuah pemerintahan yang tidak stabil. Kepimpinannya lebih banyak berasaskan tamak haloba, birokrasi politiknya kucar kacir dan sistem pemerintahannya bersifat kuku besi.

Kebanyakan pemimpin politik Sabah ketika itu, sama ada pemimpin USNO atau BERJAYA, tidak mengamalkan konsep demokrasi yang sebenar. Tidak memberikan kebebasan kepada rakyatnya untuk mengembangkan bakat dan kebolehan secara terbuka, terutamanya kepada rakyat yang bukan Islam.

Kepimpinan Islam di negeri itu seolah-olah tidak menyedari bahawa di samping majoriti bukan Islam lebih banyak daripada orang-orang Islam sendiri, orang-orang

bukan Islam juga sedang memerhatikan gelagat dan tingkah laku kepimpinan Islam yang menjalankan kuasa menurut hawa nafsu mereka sendiri. Ini menyebabkan orang-orang bukan Islam merasakan diri dan hak mereka dinafikan, kepentingan agama dan masa depan mereka kurang dipedulikan. Akibatnya timbulah anggapan buruk bahawa kepimpinan Islam di negeri itu tidak boleh dibiarkan terus berkuasa. Suatu masa nanti, kekuasaan mereka harus dijatuhkan.

Anggapan dan tanggapan buruk ini timbul akibat daripada apa yang telah saya sebutkan tadi, iaitu kekuasaan yang berasaskan ciri-ciri kepimpinan yang berjuang untuk mencapai kepentingan diri sendiri dan ciri-ciri kepimpinan yang berjuang untuk mencapai kekuasaan politik semata-mata, tanpa mengira kepentingan bangsa, negara dan perpaduan yang lebih menyeluruh.

Pemimpin-pemimpin yang boleh dikelaskan sebagai mengamalkan ciri-ciri kepentingan diri sendiri ini, termasuklah antara lain Tun Datu Mustapha Dato' Harun; Ignatius Malanjun, Edward Sinsua, Datuk Harris Salleh, Datuk Mark Koding dan lain-lain, sementara pemimpin-pemimpin yang memperjuangkan ciri-ciri kepimpinan untuk berkuasa ialah antara lain, Donald Stephens, Peter Mojuntin, Datuk Dr. James Ongkili dan juga pemimpin PBS Datuk Sri Joseph Pairin Kitingan sendiri.

Bagi pemimpin golongan pertama, terutamanya kepimpinan Tun Datu Mustapha sendiri, arus politik di negeri Sabah menjurus ke arah suatu bentuk pemerintahan yang bercorak feudal. Sifat-sifat feudalisme ini dibentuk oleh Tun Mustapha dengan kerjasama seorang peguam daripada Semenanjung, iaitu Syed Kechik Syed Mohamad, Datuk Dzulkifli Abdul Hamid, orang kuat Tun Datu Mustapha sendiri dan seorang pegawai lain dari Semenanjung, iaitu Setiausaha Tetap Persekutuan di Sabah, Encik Rozhan Kuntom.

Bermula dari tahun 1967, penguasaan politik Tun

Mustapha kelihatan amat jelas. Stephens terpaksa membubarkan UPKO dan memaksakan ahli-ahlinya memasuki USNO walaupun sebahagian besarnya tidak bersetuju dengan tindakan pemimpin mereka itu. SCA pula terpaksa berpuas hati dengan situasi yang ada dan demi untuk kepentingan perniagaan orang-orang Cina, parti itu terpaksa bekerjasama dengan Tun Mustapha.

Dalam tempoh empat tahun (1967 – 1970), keadaan pergolakan politik di Sabah menjadi agak tenang. Tun Mustapha telah memperlihatkan bakat kepimpinannya yang bercorak fuedal itu. Melalui USIA, iaitu sebuah badan agama Islam yang ditubuhkan di negeri itu dan melalui Yayasan Sabah, iaitu sebuah yayasan yang ditubuhkan oleh Syed Kechik bagi memajukan sosio-ekonomi dan pelajaran anak-anak Sabah, negeri Sabah seolah-olah sedang mengorak langkah ke era pembangunan, sedang hakikat sebenarnya era tersebut lebih menonjolkan arah '*political base*' kepada Tun Datu Mustapha sendiri.

Penubuhan Yayasan Sabah bertujuan untuk menyusun rancangan pembangunan ekonomi, pelajaran, kemasyarakatan, kebajikan dan sebagainya. Bagi mencapai objektif ini, ribuan ekar kayu balak yang menjadi barang eksport telah digunakan oleh Syed Kechik sebagai modal pusingannya, tetapi apa yang lebih menguntungkan ialah bahawa Syed Kechik akhirnya muncul sebagai seorang jutawan yang paling kaya selepas Tun Mustapha di Sabah ketika itu. Sebuah istananya yang tersergam indah di sebuah bukit di pinggir Kota Kinabalu begitu menyakitkan mata orang-orang Sabah melihatnya.

Begitu juga penubuhan USIA yang bertujuan untuk mengembangkan pendidikan agama Islam di negeri Sabah, menjadi sebuah badan agama yang ditakuti oleh sebahagian besar rakyat Sabah kerana badan itu, secara relatifnya, membuat pelbagai paksaan untuk mengislamkan rakyat yang tidak beragama di samping menjadikan mereka sebagai penyokong-penyokong USNO.

Selepas Pilihanraya Negeri pada tahun 1971, kemuncak pemerintahan autokrasi Tun Mustapha telah sampai pada klimaks. Selepas pemerintahan berparlimen dipulihkan akibat kekacauan 13 Mei, 1969 di Semenanjung, keputusan pilihanraya di Sabah itu menunjukkan bahawa kesemua 32 buah kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan dimenangi oleh USNO. Tun Mustapha muncul sebagai wira politik Sabah yang tidak ada tolok bandingnya ketika itu.

Dengan kedudukannya yang amat kuat itu, Tun Mustapha telah mempergunakan segala kuasa yang ada kepadanya untuk memperbuat apa saja sehingga akhirnya merosakkan asas dan objektif USNO itu sendiri. Dalam sebuah buku yang ditulis oleh Mohd. Yusuf Jalil berjudul '*Matinya Parti Berjaya*', penulis tersebut menyatakan antara lain:

*"Pemborosan oleh Tun Datu Mustapha dan kefoya-foyaan hidupnya di luar dan di dalam negeri, menyebabkan beliau sendiri tidak mengawal urusan-urusan negeri. Beliau tidak menjadikan dirinya sebagai pemimpin yang membina, seajar dengan arus pembangunan, seolah-olah beliau merasa sudah mencukupi karismenya saja mengawal dan memberi insentif kepada rakyat. Kemewahan berlebihan – didapati daripada hutan balak kepunyaannya sendiri. Pendapatan Tun Mustapha daripada balak dianggarkan bernilai sejuta ringgit sebulan dan beliau dianggap salah seorang yang paling kaya di dunia.*

*"Beliau menggunakan wang kerajaan dan membeli 13 buah kapal terbang antara tahun 1974 – 1975. Dua buah jet Grumann sentiasa digunakannya untuk keluar negeri tanpa ada sangkut pautnya dengan urusan kerajaan. Dua buah jet ini pun tidak mencukupi baginya, lalu beliau memesan dua buah Boeing 707 yang dinilaiakan \$83.8 juta, yang mana salah sebuah daripadanya diubahsuaikan pula bahagiannya supaya menjadi sebuah kamar mewah. Di antara projeknya yang dikatakan membazir ialah apabila beliau*

*menggunakan wang kerajaan untuk menimbulus laut seluas 400 ekar di pantai Kudat, iaitu berhampiran dengan tempat kediamannya. Projek ini telah menelan belanja \$65 juta dan tidak diketahui dengan jelas tujuannya, selain daripada yang bersangkutan dengan kehendak peribadinya."*

Jikalau fakta di dalam buku Yusuf Jalil ini boleh kita gunakan sebagai laporan dan bahan bukti, kita boleh membuat kesimpulan betapa pemimpin USNO itu telah menyalahgunakan kuasa dan penyelewengan dengan bertindak mengikut konsep autokrasi yang wujud di dalam dirinya. Akibat daripada kelakuan dan tindakannya ini, hubungannya dengan pemimpin Pusat di Kuala Lumpur mulai renggang dan tidak memuaskan. Begitu juga kedudukan pemerintahan antara USNO dengan SCA juga mulai goyang dan ketidaktentuan.

Fenomena ini menjadikan kedudukan Tun Datu Mustapha di dalam keadaan kacau bilau dan serba salah. Beliau merasakan bahawa kerjasama dan sokongannya kepada kerajaan Pusat selama ini tidak dihargai. Segala ikhtiar dan usahanya untuk melaksanakan rancangan dan cita-citanya telah dipatahkan oleh Kuala Lumpur.

Akibatnya beliau mengambil keputusan merancang suatu tindakan yang mengejutkan Kuala Lumpur, iaitu mengemukakan satu cadangan pemisahan Sabah daripada Malaysia melalui sebuah Kertaskerja berjudul '*Kedudukan Masa Depan Sabah Dalam Malaysia*'. Kertaskerja itu telah dibentangkannya di dalam satu perjumpaan Jawatankuasa Tertinggi USNO dalam bulan April 1975 di Kota Kinabalu.

Cadangan pemisahan Sabah daripada Malaysia itu bukan saja mengejutkan tetapi juga menimbulkan pelbagai spekulasi, persoalan dan tanda tanya, baik di Sabah maupun di Kuala Lumpur.

Rancangan tersebut bukan saja dikira bertentangan dengan Perjanjian Malaysia dan berbahaya dari segi

integrasi nasional serta keselamatan negara, tetapi juga ia menggambarkan bahawa orang yang selama ini menyokong kuat penyertaan Sabah di dalam Persekutuan Malaysia telah berubah sikap.

Jikalau ketika projek penubuhan Malaysia dulu tidak mendapat sokongan bulat daripada Donald Stephens, Datuk G.S.Sundang dan Peter Lo, maka kini sikap Tun Mustapha juga telah berubah. Beliau juga, nampaknya, telah cuba memihak kepada pemimpin Kadazan dan pemimpin orang-orang Cina di Sabah.

Antara sebab-sebab mengapa Tun Mustapha merancang pemisahan Sabah daripada Malaysia itu, mengikut pengkaji-pengkaji politik berpunca dari *enam* sebab terpenting yang gagal diperjuangkannya di dalam kerajaan Pusat pimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak. *Keenam-enam* sebab itu ialah:

1. *Kegagalannya mendapatkan pinjaman \$100 juta daripada kerajaan Pusat.*
2. *Kegagalannya mendapatkan kebenaran kerajaan Pusat untuk membuat pinjaman US\$600 juta dengan pengusaha-pengusaha minyak Arab.*
3. *Kegagalannya mendapatkan royalti minyak antara 10% sehingga 20% daripada penjualan minyak oleh Petronas.*
4. *Kegagalannya hendak menjawat jawatan Ketua Menteri Sabah dan Menteri Pertahanan Malaysia sekaligus di bawah kabinet Tun Abdul Razak.*
5. *Kegagalannya menentang niat Tun Abdul Razak yang mahu mengadakan hubungan diplomatik dengan Beijing.*
6. *Dan, Pada pertimbangannya, kedudukan Sabah di dalam Malaysia lebih menguntungkan kerajaan Pusat sendiri.*

Sikap yang diambil oleh Tun Mustapha berasaskan rancangan pemisahan Sabah dan kegalannya mendapatkan apa yang dihajatinya itu menyebabkan kedudukannya sebagai pemimpin politik di negeri Sabah mulai terancam. Tun Abdul Razak yang ketika itu menjadi Perdana Menteri, terpaksa pula mencari satu jalan lain bagi menghentikan niat buruk Tun Mustapha itu. Jikalau tidak, dan jikalau rancangan itu dibiarkan begitu saja, kemungkinan Sabah juga akan keluar daripada Malaysia seperti Singapura yang telah keluar dari Persekutuan tersebut sepuluh tahun sebelum itu bukanlah sesuatu yang mustahil.

Oleh yang demikian sebelum rancangan itu menjadi nyata, Tun Razak telah berikhtiar mewujudkan dua cara bagi menggagalkan niat buruk Tun Mustapha itu.

Pertama berusaha memencarkan kepimpinan Tun Mustapha di Sabah dan kedua menujuhan sebuah parti politik yang baru di Sabah bagi mengalahkan parti USNO.

Tun Razak mendapat tahu bahawa rancangan Tun Mustapha itu sebenarnya tidak dipersetujui oleh beberapa orang pemimpin politik di Sabah, termasuk Donald Stephens sendiri, Peter Mojuntin, Datuk Harris Salleh, Datuk Mohd. Noor Mansor, Datuk Dr. James Ongkili, Peter Lo dan beberapa orang pemimpin USNO yang lain.

Mereka bukan saja tidak bersetuju dengan cara-cara dan taktik yang diambil oleh Tun Mustapha itu, tetapi juga mereka tidak bersetuju dengan cara-cara kepimpinan politik beliau yang bercorak feudal dan autokratik itu.

Tun Razak menyedari bahawa dengan adanya unsur-unsur pertentangan di kalangan kepimpinan politik di negeri Sabah itu sendiri, langkah-langkah memencarkan Tun Mustapha boleh diambil, walaupun di peringkat Pusat, Tun Mustapha mempunyai hubungan yang baik dengan Tunku Abdul Rahman Putra (Almarhum), Datuk Harun Haji Idris, Tan Sri Ghazali Shafie, Datuk Taib Mahmud dan beberapa orang pemimpin yang lain.

Tun Abdul Razak sendiri, ketika menghadapi krisis ini, sedang berhadapan pula dengan krisisnya dengan Ketua Pemuda UMNO Datuk Harun Haji Idris. Ini menjadikan suatu cabaran yang besar selepas beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri selepas peristiwa 13 Mei 1969.

Jalan singkat yang penuh dramatik untuk mengikis pengaruh Tun Mustapha di Sabah ialah dengan mengadakan pemuaafakan di kalangan pemimpin-pemimpin politik di Sabah yang tidak bersetuju dengan sikap beliau itu, untuk menubuhkan parti politik yang baru di negeri tersebut.

Parti politik itu hendaklah ditubuhkan segera bagi merebut kekuasaan politik di negeri Sabah sebelum Tun Mustapha dapat melaksanakan niat buruknya tadi.

Akhirnya dengan persetujuan Donald Stephens dan Datuk Harris Salleh, sebuah parti politik baru yang diberi nama *Bersatu Rakyat Jelata Sabah* atau ringkasnya BERJAYA telah ditubuhkan pada 15 Julai 1975, dengan Donald Stephens atau nama Islamnya Tun Fuad Stephens menjadi Presiden parti dan Datuk Harris Salleh menjadi Setiausaha Agungnya.

Penubuhan parti BERJAYA, pada peringkat awalnya menghadapi pelbagai kesulitan dan masalah. Bukanlah mudah dengan menubuhkan sebuah parti baru lalu boleh menumbangkan parti USNO yang telah berkuasa itu, terutamanya menghapuskan karisme Tun Datu Mustapha yang telah lama bertapak kuat itu.

Beberapa percubaan 'lompat melompat' di dalam parti, undi tidak percaya, perletakan jawatan dan pilihanraya kecil dan sebagainya telah cuba dijalankan, tetapi ternyata ia masih menemui kegagalan.

Penarikan diri daripada Tun Fuad Stephens, Datuk Haris Salleh, Peter Mojuntin, Salleh Sulung, Mohd. Noor Mansor dan beberapa orang pemimpin lain daripda USNO ke dalam BERJAYA masih juga tidak berupaya memusnahkan

kredibiliti Tun Mustapha yang ampuh itu.

Akhirnya setelah kerajaan Negeri dibubarkan dan satu pilihanraya baru diadakan pada bulan April 1976, barulah parti BERJAYA benar-benar dapat mengalahkan USNO. Itupun hanya mencapai kemenangan sebanyak 28 kerusi saja daripada 48 buah kerusi yang dipertandingkan. Bakinya sebanyak 20 kerusi lagi masih dimenangi oleh parti USNO.

Dengan pelbagai taktik dan helah yang dijalankan oleh BERJAYA, akhirnya 8 orang calon USNO telah melompat masuk ke dalam parti BERJAYA. Ini membolehkan parti BERJAYA pimpinan Tun Fuad Stephens dan Datuk Haris berjaya menjadi pemerintah Sabah menggantikan USNO pimpinan Tun Datu Mustapha yang tidak disenangi oleh Tun Abdul Razak itu.

Sebenarnya jikalau kita meneliti peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam parti USNO dan parti BERJAYA itu, kita boleh membuat tanggapan bahawa kemenangan BERJAYA juga lebih dilihat sebagai satu kemenangan tipu helah politik untuk merebut kuasa di tangan seorang pemimpin yang masih berkuasa.

Sekalipun begitu, kegagalan Tun Mustapha mempertahankan kuasanya menandakan berakhirnya suatu bentuk pemerintahan yang bercorak feudal, kepentingan diri sendiri dan berteraskan agama dan kepercayaan tradisi. Ini kerana parti BERJAYA yang baru ditubuhkan itu tidak lagi bercorak perkauman, dominan agama dan kepercayaan tradisi. Ia merupakan sebuah parti berbilang kaum. Malah penubuhannya lebih bertujuan untuk menjatuhkan USNO kepimpinan Tun Mustapha saja.

Sebagai sebuah parti yang ditubuhkan untuk tujuan menjatuhkan sebuah parti yang lain, BERJAYA sebenarnya tidak mempunyai asas yang kuat dan ideologi politik yang boleh dipertahankan.

Parti itu tidak mempunyai perancangan yang teliti untuk membentuk haluan politik yang dominan serta kepimpinan

yang boleh mencipta satu keperibadian rakyat Sabah yang lebih mantap dan kukuh.

Kejayaan BERJAYA menumbangkan USNO boleh dianggap sebagai kejayaan Tun Abdul Razak untuk menolak kepimpinan Tun Datu Mustapha yang dianggap feudal dan autokratik itu. Ini kerana pada akhirnya, rakyat Sabah yang keluar daripada mulut buaya (USNO), masuk pula ke dalam mulut harimau (BERJAYA).

Di tengah-tengah sorak sorai kepimpinan BERJAYA yang baru hendak membentuk kuasa itu, tiba-tiba satu tragedi yang menyedihkan telah berlaku. Seramai lima orang pemimpin BERJAYA, termasuk presidennya Tun Fuad Stephens dan Peter Mojuntin telah menempuh maut di dalam satu nahas helikopter yang jatuh terhempas berhampiran dengan Kota Kinabalu.

Peristiwa yang berlaku pada 6 Jun 1976 itu (kira-kira dua bulan selepas pilihanraya), telah menamatkan sebahagian dari pemimpin BERJAYA yang dulunya bersama Tun Mustapha di dalam USNO. Mujurlah nahas itu tidak melibatkan pemimpin-pemimpin lain seperti Datuk Harris Salleh, Mohd. Noor Mansor, Dr. James Ongkili dan lain-lain.

Dan dalam satu Kongres parti BERJAYA yang diadakan dalam bulan Mac tahun 1977 berikutnya, Datuk Harris Salleh telah dipilih dengan sebulat suara menjadi Presiden BERJAYA dan sekaligus menjadi Ketua Menteri Sabah yang keempat, selepas Donald Stephens, Peter Lo dan Tun Datu Mustapha.

Malangnya dalam tempoh lebih kurang 9 tahun (1976 – 1985), parti BERJAYA yang dipimpin oleh Datuk Harris Salleh itu bukanlah saja gagal memperbaiki kelemahan-kelemahan seperti yang berlaku di zaman pemerintahan USNO dulu, bahkan di bawah kepimpinannya, beliau telah muncul sebagai pemimpin yang dianggap diktator, zalim, kejam dan sebagainya.

Idealisme kepimpinan seperti yang dikehendaki oleh rakyat dan pembangunan sosio-ekonomi seperti yang dikehendaki oleh sesuatu bangsa yang merdeka, nampaknya bukan saja tidak dapat dicapai dan dilaksanakan oleh kepimpinan parti BERJAYA, malah sebaliknya seluruh struktur pembangunan negeri Sabah menjadi kucar-kacir, kacau-bilau dan tidak menentu.

Ini pertama-tamanya bukan saja kerana parti BERJAYA tidak mempunyai asas yang kuat dan ideologi politik tertentu, tetapi personaliti Datuk Harris sendiri sebagai pemimpin, tidak melambangkan kepimpinan yang berwibawa, cekap, amanah dan boleh diharapkan. Visi dan missi perjuangannya tidak jelas sama sekali dan setiap rakyat sama ada keturunan apa yang disebut Melayu Islam, Kadazan Kristian, Cina Buddha atau lain-lain peribumi ananisme, tidak boleh bergantung harap kepadanya.

Parti BERJAYA yang dipimpin oleh Datuk Harris menjadi sebuah parti politik 'carca-murba' tanpa ideologi, tanpa prinsip perjuangan dan tanpa disiplin dan etika moral. Datuk Harris dituduh sebagai pemimpin politik yang angkuh, bongkak, diktator, zalim dan kejam di bawah seorang penasihatnya Lim Guan Sing yang dikatakan amat berkuasa di dalam BERJAYA ketika itu.

Sepanjang pemerintahan BERJAYA, kepimpinan parti dan kerajaan dipenuhi oleh pelbagai korupsi, pilih kasih, penyelewengan, ugut mengugut, tekan menekan, tindas menindas dan sebagainya di kalangan kerajaan dan rakyat. Sebahagian daripada pemimpin BERJAYA, seolah-olah hilang pedoman, gelap mata, seperti kera dapat bunga, penuh kerakusan dan tamak haloba, merebut pelbagai peluang kekayaan yang melimpah di negeri Sabah tanpa dikawal oleh peraturan, legal dan etika yang sepatutnya dipertahankan.

Hampir keseluruhan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan Pusat sebanyak \$2 ribu juta (tidak termasuk peruntukan tahunan yang ditetapkan oleh kerajaan Pusat),

di dalam Rancangan Malaysia Ketiga kepada Sabah telah dihabiskan begitu saja atas nama pembangunan yang tidak bermakna. Pelbagai kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh pelbagai perbadanan kerajaan seperti syarikat-syarikat koperasi KPD, KORAS, KO-NELAYAN, KOSAN, KOJASA dan sebagainya yang dikendalikan oleh pemimpin-pemimpin BERJAYA yang tidak berpengetahuan dan pengalaman, menyebabkankekayaan bumi dan laut Sabah habis dibungkas begitu saja oleh mereka yang berlagak pemimpin tanpa hasil yang menguntungkan rakyat. Sehingga tahun 1974, Datuk Harris sendiri, dikatakan, memiliki 30 buah syarikat perniagaan dan mempunyai hutan kayu balak seluas 1,167 batu persegi. Ini tidak termasuk harta-hartanya yang ada di Pulau Labuan.

Semua gejala yang dilakukan oleh kepimpinan parti BERJAYA ini telah diperhatikan oleh rakyat dengan penuh kecewa, hampa dan marah.

Kerajaan Pusat juga telah memerhatikan gelagat dan kelakuan pemimpin-pemimpin BERJAYA yang rakus, erotik dan buruk itu.

Dalam satu Perhimpunan Agung UMNO tahun 1978 di Kuala Lumpur, seorang aktivis UMNO Haji Sulaiman Palestin yang bertanding menentang kepimpinan Datuk Hussein Onn (Allahyarham Tun) sebagai Presiden UMNO selepas kematian mengejut Tun Abdul Razak dalam tahun 1976, telah mengecam kepimpinan Barisan Nasional yang seolah-olah gagal mengendalikan kepimpinan Datuk Harris Salleh di dalam BERJAYA.

Kecaman tersebut berasaskan sebelum Sidang Kemuncak Asean tahun 1978, Datuk Harris telah mengadakan rundingan dengan Presiden Marcos dari Filipina dan Presiden Suharto dari Indonesia berhubung dengan soal tuntutan Filipina ke atas Sabah dan persahabatan Sabah dengan Indonesia tanpa terlebih dulu merujuk kepada Wisma Putera. Inilah salah satu langkah yang dibuat oleh seorang Ketua Menteri yang seolah-olah

tidak tahu protokol dan urusan diplomatik negara.

Seperti juga dengan nasib Tun Mustapha, Datuk Harris juga menghadapi nasib yang sama. Jikalau Tun Mustapha dijatuhkan oleh Datuk Harris dan kawan-kawannya akibat kerakusan kuasa, autokrasi dan feudalisme, maka kejatuhan Datuk Harris di dalam tahun 1985 adalah di atas tindakan dan akibat perbuatannya sendiri. Jikalau Tun Mustapha dijatuhkan oleh kawan-kawannya sendiri, maka Datuk Harris juga dijatuhkan oleh kawan-kawannya sendiri juga. Dan jikalau Tun Mustapha memerintah Sabah selama 10 tahun, Datuk Harris pula hanya berjaya memerintah Sabah selama lebih kurang 9 tahun saja.

Satu perkara yang unik dan menghairankan pemerhati-pemerhati politik di negara ini ialah bagaimana gejala politik boleh tumbuh dan mati di negeri Sabah.

Bagi negeri Sabah, parti politik boleh tumbuh dan boleh hilang begitu sahaja. Parti yang baru tumbuh itu biasanya diwujudkan untuk mematikan parti yang lama, yang dianggap tidak berguna lagi. Dan anehnya, mereka yang menubuhkan parti baru itu terdiri daripada beberapa orang pemimpin lama yang tidak sebulu dengan pemimpin parti yang lama. Hasilnya setiap parti baru yang diwujudkan boleh pula berjaya mengalahkan parti yang lama.

Di Semenanjung, pertumbuhan parti politik yang baru agak sukar untuk tumbuh dan berkembang, apa lagi untuk menewaskan parti politik yang lama. Beberapa buah parti politik yang ditubuhkan seperti parti KITA, SDP, NASMA dan malah Semangat 46, AMIPF dan sebagainya tidak berjaya bukan saja untuk berkembang tetapi juga gagal untuk menewaskan parti-parti lain yang lama berkuasa.

Kebanyakan daripada parti-parti politik yang baru ini telahpun berkubur tanpa nisan, kecuali PAS dan DAP yang dapat terus bertahan.

Dalam Pilihanraya Negeri Sabah dalam tahun 1985 dan 1986, parti BERJAYA yang dipimpin oleh Datuk Harris Salleh

telah tumbang kepada sebuah parti politik yang baru ditubuhkan kira-kira sebulan juga, iaitu sama usianya dengan parti BERJAYA ketika ia menumbangkan parti USNO dahulu.

Parti baru yang berjaya mengalahkan parti BERJAYA itu diberi nama *Parti Bersatu Sabah* atau ringkasnya PBS, dipimpin oleh seorang Peguam dan bekas sahabat Datuk Harris sendiri, iaitu Datuk Sri Joseph Pairin Kitingan, Datuk Mark Koding dan lain-lain pemimpin parti yang lama.

Di bawah ini diperturunkan keputusan dan kedudukan parti-parti yang bertanding di dalam Pilihanraya Negeri Sabah bagi tahun 1985, 1986 dan 1990 untuk menungan kita bersama, iaitu keputusan dan kedudukan bagi parti-parti politik di Sabah dalam tempoh lima tahun yang lalu:

#### **KEPUTUSAN DAN KEDUDUKAN PILIHANRAYA NEGERI SABAH DALAM MASA LIMA TAHUN**

Tahun	PBS	USNO	BERJAYA	SCCP	JUMLAH
1985	25	16	6	1	48
1986	34	12	1	1	48
1990	36	12	0	0	48

Catatan: Dalam tahun 1986, dua orang calon USNO dan seorang calon SCCP yang berjaya, telah melompat masuk ke dalam parti PBS.

Kemenangan parti PBS di dalam pilihanraya tahun 1985 dan 1986, lebih dilihat sebagai kemenangan Pairin Kitingan sendiri. Ini kerana sebelum parti PBS diwujudkan, Datuk Pairin sendiri adalah bekas seorang Menteri di dalam pemerintahan BERJAYA. Akibat perselisihan faham dengan Datuk Harris Salleh dalam tahun 1984, beliau telah menyahut cabaran meletakkan jawatannya sebagai wakil rakyat kawasan Tambunan.

Dalam pilihanraya kecil pada 12 Disember 1984 berikutnya, Datuk Pairin telah berjaya mempertahankan kerusinya itu. Dan kemenangan Pairin ini dianggap sebagai suatu kebangkitan seorang pemimpin yang telah tertekan

dan bermulanya satu lagi era baru di dalam politik di negeri Sabah.

Bagaimanapun anggapan yang lebih besar dan menyeluruh ialah bahawa kemenangan PBS di dalam kedua-dua pilihanraya itu adalah kemenangan rakyat bagi menumpaskan corak pemerintahan politik yang diktatorship, perkauman dan kepentingan diri sendiri.

Dengan kemenangan tersebut juga bermakna bahawa satu aliran baru yang menekan kepada prinsip perjuangan nasionalisme bagi tiga suku kaum terbesar di Sabah telah mulai terbina.

Aliran politik yang berteraskan kepentingan kaum, agama dan kepercayaan tradisi seperti yang dilakukan oleh Tun Datu Mustapha, Tun Fuad Stephens dan aliran politik yang berasaskan kerakusan kuasa dan diktatorship seperti yang dilakukan oleh Datuk Harris Salleh, Datuk Mark Koding dan Datuk James Ongkili (sekadar menyebut beberapa nama), tidak lagi diterima oleh majoriti rakyat Sabah. Sekalipun PBS dikatakan parti yang berteraskan suku kaum Kadazan/Dusun Kristian, namun kepimpinan parti tersebut tidaklah menunjukkan sangat ciri-ciri kepimpinan seperti yang diamalkan oleh Tun Mustapha dan Datuk Harris serta tokoh-tokoh politik Sabah yang lain.

Keputusan Pilihanraya Negeri dan Parlimen yang baru lalu seolah-olah membuktikan kebenaran kepada anggapan tadi.

Malah kemenangan PBS itu menunjukkan bahawa rakyat Sabah memerlukan kepimpinan politik yang lebih berwibawa, dedikasi dan intelektual. Rakyat Sabah tidak lagi memerlukan kepimpinan autokrasi, feudal, diktatorship dan tamak haloba. Mereka juga tidak mahu lagi pemimpin-pemimpinnya terikat oleh petunjuk dan arahan daripada pemimpin Pusat di Kuala Lumpur semata-mata.

Untuk tempoh lima tahun yang lalu, rakyat Sabah secara keseluruhannya telah menikmati kebebasan yang terbuka,

merasa harga diri mereka dimuliakan dan menikmati pembangunan ekonomi, pelajaran, sosial dan pengamalan budaya serta agama yang disamaratakan tanpa dibelenggu oleh pelbagai tekanan, hasutan dan penindasan. Mereka bukan saja boleh bercakap dan bergerak secara bebas, boleh menganut dan mengamalkan kepercayaan dan agama secara lebih terbuka, tetapi mereka juga boleh mengembangkan bakat, kreativitas dan produktiviti secara meluas dan kolektif.

Mengapa semua ini boleh terjadi? Dan mengapa pula sebaliknya timbul tuduhan setengah-tengah orang bahawa pemerintahan PBS telah menekan golongan Islam di Sabah? Sejauh manakah benarnya tuduhan ini? Adakah dengan menggiatkan pengembangan agama Kristian lebih aktif dari dulu, maka ia bermakna menekan golongan Islam?

Setakat ini saya masih belum nampak dengan jelasnya bahawa pemerintahan PBS telah menekan golongan Islam. Kegiatan Mubaligh-mubaligh Kristian dan pertumbuhan gereja dan kuil di merata tempat di negeri Sabah, tidak boleh kita tolak begitu saja semata-mata kerana kita penganut agama Islam. Di dalam zaman USNO dan BERJAYA dulupun, kegiatan-kegiatan Islam dan pertumbuhan masjid dan surau juga dibangunkan di merata tempat, tetapi orang-orang Kristian tidak pula menuduh bahawa kerajaan USNO dan BERJAYA menekan Kristian secara terang-terangan.

Secara rasionalnya, pengembangan sesuatu kepercayaan dan agama ada hubungkaitnya dengan penganut dan pemerintahan di negeri itu sendiri. Jikalau pemerintah di negeri itu penganut Islam, maka Islamlah yang akan diberi keutamaan. Demikian sebaliknya, apa yang berlaku di Sabah sekarang adalah berpunca daripada kejatuhan pemimpin Islam itu sendiri, maka sesiapa saja mendapat sokongan rakyat, ia akan melaksanakan tugasnya untuk memenuhi kepercayaan dan keyakinan agamanya sendiri.

Tetapi secara relatifnya, selagi agama Islam tidak dihalang berkembang di negeri itu, kita tidak boleh mengandaikan bahawa agama Islam telah ditekan. Ini kerana pertumbuhan gereja dan kuil yang dibangunkan di negeri itu, hanya dibina di kawasan-kawasan yang bukan didiami oleh majoriti Islam.

Oleh yang demikian kita tentulah tidak boleh menganggap bahawa gereja dan kuil itu sebagai menekan agama Islam.

Perlu diterima hakikat bahawa sementara pemerintahan PBS menyediakan peruntukan lebih \$36 juta untuk pembangunan Islam di Sabah, pengembangan maju mundurnya agama Islam di Sabah bukan saja tanggungjawab pemimpin Islam di dalam PBS itu sendiri, tetapi juga oleh orang-orang Islam di negeri itu sendiri, bukannya orang lain dan tidak juga daripada orang-orang Kristian atau Nasrani, Hindu, Buddha dan sebagainya.

Beberapa tuduhan yang dilaporkan dan dikenakan kepada beberapa orang pemimpin politik di negeri itu, seperti tuduhan rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang dikenakan kepada Datuk Pairin sendiri, adiknya Dr. Jeffery Kitingan, Datuk Herman Luping, Datuk Bernard Dompok, Joseph Kurup, Lawrence Gimbang, Kadoh Agundong, Steven Kutai, Dr. Maximus Ongkili dan lain-lain, sebahagiannya sehingga buku ini ditulis, masih bersifat laporan dan tuduhan semata-mata. Kecuali Datuk Herman Luping yang diberi amaran oleh mahkamah dan penahanan Dr. Maximus di bawah Akta (ISA), lain-lain tuduhan masih belum dibuktikan kesahihannya oleh mahkamah.

Selagi pihak mahkamah belum menentukan kesalahan mereka, maka selagi itulah kita tidak boleh mendahului hukuman dengan mengatakan mereka bersalah. Adalah tidak wajar bagi sesiapa mempersoalkan kejujuran atau kecurangan mereka, selagi pihak Polis, pihak BPR dan pihak mahkamah belum membuktikan kesalahan mereka.

Di dalam hubungan ini saya tidak akan berkata bahawa apa yang dilakukan oleh kepimpinan PBS itu sebagai benar

semuanya. Dan saya tidak boleh memihak kepada sesiapa yang melakukan kesalahan, kerana kebenaran dan keadilan akan tetap berdiri sendiri.

Kebenaran dan keadilan ini bukan saja terlaksana melalui undang-undang, tetapi juga terlaksana melalui politik yang berteraskan demokrasi.

Di dalam hal ini, pemilihan rakyat Sabah terhadap parti PBS itu, sekalipun sebahagian pemimpinnya didakwa sebagai rasuah, menyeleweng dan menghasut, tetapi ia haruslah diperhatikan dengan penuh serius dan bertanggungjawab, kerana kita tidak bersetuju atas nama demokrasi, kita menyalahgunakan undang-undang dan kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan.

Kesimpulan dari bab ini, kita boleh membuat kesimpulan bahawa selepas USNO dan BERJAYA ditolak oleh majoriti rakyat Sabah, parti PBS sedang mendapat sokongan yang luas daripada rakyat. Sekalipun parti itu telah keluar daripada komponen Barisan Nasional, dan sekalipun kepimpinan parti itu dikenakan pelbagai tuduhan oleh pihak yang berkuasa di bawah ISA dan BPR, namun setakat ini, segala tindakan tersebut agak sukar menjelaskan kekuasaan PBS, atau akibat dari tuduhan-tuduhan tersebut, rakyat di negeri itu akan kembali menyokong USNO atau BERJAYA atau apa sajanya parti alternatif yang lain. Saya menjangka rakyat Sabah akan terus menyokong PBS, sekalipun dengan sokongan itu, hubungan integrasi nasional dengan Semenanjung menjadi lebih sukar dan rumit.

Anggapan dan ramalan ini bukanlah sesuatu yang kosong. Juga ia bukanlah suatu dakyah atau propaganda politik semata-mata. Saya bukan aktivis parti politik tertentu, kerana itu saya tidak terikat oleh pandangan dan ideologi politik yang berbau sentimen.

Apa yang saya nampak dan ramalkan ini adalah berasaskan tinjauan dan penyelidikan yang saya lakukan di negeri Sabah sendiri. Terpulanglah sama ada kita mahu

percaya atau tidak. Sebagai penulis, saya berpendirian bahawa realiti adalah ibu segala laporan dan kenyataan.

Realiti yang saya maksudkan di sini ialah bahawa majoriti rakyat Sabah lebih terpesona dengan pemerintahan PBS dan sentimen mereka terhadap parti tersebut amatlah kuat sekali. Hanya sebahagian kecil daripada rakyat yang kecewa dan gagal di dalam perjuangan politik mereka saja yang terus menerus menimbulkan masalah dan kesulitan dan ini amat merbahaya, sebab kekacauan di dalam sesuatu persepsi boleh menjurus kepada anarki.

Bab 2

## GAGASAN MALAYSIA DALAM SEJARAH

6 ...The British and Malaya Governments have now decided in principle that, subject to the necessary legislation that, the propose Federation of Malaysia should be brought into being by 31st August, 1963.❷

— Kenyataan bersama

**S**EBELUM saya menyorot lebih jauh mengenai pergolakan politik dan peranan kepimpinan politik di negeri Sabah semenjak tiga dekad yang lalu sehingga sekarang, ada baiknya jika kita melihat sepantas lalu akan latar belakang dan sejarah yang membawa kepada terbentuknya Sabah di dalam Persekutuan Malaysia.

Latar belakang dan sejarah Sabah ini amat penting kita tinjau terlebih dulu, sekalipun secara ringkas, bagi membolehkan kita membuat sesuatu kesimpulan terhadap pergolakan tersebut, di samping jika mungkin, kita boleh pula membuat sesuatu pandangan atau saranan tertentu jika kita mahu berbuat demikian.

Meninjau kembali latar belakang sejarah negeri Sabah, kita harus menerima hakikat bahawa Sabah seperti juga dengan Sarawak adalah salah sebuah negeri yang agak unik dan berbeza jika dibandingkan dengan latar belakang sejarah negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Oleh yang demikian, sebelum kita membuat sesuatu kesimpulan, kita terpaksa meninjaunya di dalam tiga peringkat. Peringkat pertama ialah mengenai latar belakang sejarah rumpun Melayu.

Peringkat kedua ialah mengenai latar belakang dan objektif gagasan penubuhan Malaysia. Dan peringkat ketiga ialah mengenai peranan Sabah di dalam Persekutuan Malaysia.

Tanpa meninjau ketiga-tiga aspek ini kita agak sukar untuk membuat sebarang kesimpulan atau pun sebarang saranan.

### 1. RUMPUN MELAYU

Sebelum gagasan pembentukan Malaysia dikemukakan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj dalam bulan Mei 1961 di Singapura, gagasan yang serupa itu sebenarnya telahpun dikemukakan oleh beberapa pihak sebelum itu. Oleh yang demikian bolehlah dikira gagasan Tunku itu merupakan lanjutan daripada beberapa gagasan sebelumnya, iaitu suatu gagasan awal dalam kerangka penyatuan Dunia Melayu di Asia Tenggara.

Gagasan ini boleh memberikan kemungkinan yang cukup besar bagi mewujudkan semula impian penyatuan '*rumpun Melayu*' di rantau Asia Pasifik yang sekian lama terputus akibat belbagai penjajahan Eropah yang telah menjajah rantau ini sejak ratusan tahun yang lampau.

Penyatuan ini dirasakan penting di dalam rangka kerjasama politik, kebudayaan, agama, ekonomi dan ketenteraan bagi mempertahankan dan menghadapi cabaran-cabaran dunia luar yang sedang melanda di Asia Tenggara selepas Perang Dunia Kedua yang lalu, iaitu selepas hampir kesemua negara-negara rumpun Melayu di rantau ini mencapai kemerdekaan daripada penjajahan Perancis, Belanda, Portugis, Amerika dan British.

Dalam tahun 1897 yang lalu, idea penyatuan *Dunia Melayu-Polinesia* secara lebih luas, telahpun dibahaskan di dalam Parlimen Hawaii di Honolulu. Tetapi perbincangan tersebut tidak menghasilkan sebarang keputusan yang konkret.

Tiga tahun sebelum itu, iaitu di dalam tahun 1894, seorang Pengarah Syarikat Borneo Utara, Lord Brassey, juga pernah mencadangkan agar Kerajaan British yang menaungi dan memerintah tanah jajahannya di Asia Tenggara menggabungkan kesemua tanah jajahannya di Borneo dengan Negeri-negeri Melayu dan Negeri Selat supaya menjadi lebih besar, tetapi cadangan tersebut telah ditolak oleh pemegang-pemegang saham syarikat tersebut.

Selepas itu, Pesuruhjaya Agung British di Asia Tenggara, Malcolm MacDonald juga pernah mencadangkan penyatuan yang serupa, tetapi cadangan itu juga telah ditolak oleh Kerajaan British.

Pada akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20, beberapa orang pejuang nasionalis Melayu di Filipina, Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu juga, telah melanjutkan cetusan-cetusan idea yang serupa, tetapi scopnya jauh lebih luas daripada apa yang dicadangkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman itu. Jose Rizal dan Apolinario Mabini, dua orang penggerak revolusi Filipina misalnya, telah mengungkapkan pembebasan dan penyatuan negara-negara Melayu dengan mencetuskan gagasan '*Federation Malaya*' dalam tahun 1890-an.

Selepas itu, kira-kira 34 tahun kemudian, Muhammad Yamin dari Indonesia, cuba mencetuskan pembinaan konsep '*Indonesia Raya*', sementara Ibrahim Yaakub dari Semenanjung Tanah Melayu telah memperjuangkan pula gagasan '*Melayu Raya*', iaitu gabungan Tanah Melayu dan Indonesia.

Kira-kira dalam masa yang sama, seorang lagi anak muda Filipina yang pintar di College of Law, Universiti Filipina, bernama Wenceslao Q. Vinzon, telah memukau lebih ratusan rakannya di kampus akan cita-citanya mahu mewujudkan satu kesatuan semua daerah Dunia Melayu-Polinesia yang diistilahkannya sebagai '*Malaysia*' dan gagasan ini, katanya, bukanlah satu gagasan baru, malah

ia pernah wujud sejak zaman Sriwijaya dan Majapahit dulu lagi.

Akhir-akhir ini pun, seorang lagi pejuang nasionalisme Melayu di Malaysia yang amat gigih, Prof. Datuk Ismail Hussein, Pengarah Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Ketua Satu Gabungan Persatuan-persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), telah dengan amat giatnya melanjutkan tradisi cita-cita perjuangan pengwujudan *Dunia Berbahasa Melayu* yang amat unik itu.

Walaupun perjuangan tokoh terakhir ini bersifat relatif kecil, iaitu yang berbentuk penyatuan bahasa saja tanpa melibatkan kerjasama politik, agama, ekonomi dan ketenteraan seperti yang menjadi inti perjuangan nasionalis-nasionalis Melayu lain sebelumnya, namun perjuangan beliau ini mempunyai erti yang besar di dalam gagasan dan penyatuan ini.

Dalam sebuah koleksinya, Prof. Datuk Ismail Hussein berkata, antara lain:

*"Pada kita sekarang ada ungkapan 'Dunia Melayu Inti', dan 'Dunia Berbahasa Melayu', ada 'Dunia Rumpun Melayu' dan ada 'Dunia Melayu Polinesia' - yang tiap satunya walaupun saling bertindih, melambangkan alamnya sendiri. 'Dunia Melayu Inti' adalah dunia yang kita hidup di Malaysia atau di Brunei, atau pada kelompok-kelompok Melayu-Islam di pelbagai daerah pesisiran di Nusantara.*

*"Di dalam 'Dunia Melayu' ini, Islam dengan kebudayaan Melayu dianggap seolah-olah sinonim, seerti, masing-masing tak dapat dipisahkan. Di dalam dunia itu 'masuk Melayu' adalah 'masuk Islam' atau sebaliknya. Di samping itu pada abad ke-20 ini, telah terbina dengan amat nyata pula 'Dunia Berbahasa Melayu' yang merangkumi masyarakat pada negara-negara yang telah mengambil Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. iaitu Brunei*

## KEMASUKAN UMNO KE SABAH

*Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura - ini ditambah pula dengan kelompok-kelompok masyarakat berbahasa Melayu di negara Thai, Filipina, Burma dan Sri Lanka.*

"Tidak semua mereka yang berada di dalam 'Dunia Berbahasa Melayu' terdiri daripada kalangan rumpun Melayu - ada kelompok-kelompok masyarakat imigran dari India dan Cina, dan tidak semua mereka di dalam dunia ini beragama Islam - ada sekitar 15% yang beragama lain, iaitu agama Buddha, Hindu, animis dan Kristian. Kemudian dunia Melayu yang lebih besar lagi ialah 'Dunia Rumpun Melayu' yang merangkumi juga bangsa Melayu-Filipina yang sebahagian besarnya beragama Kristian, juga merangkumi peribumi Formosa atau Taiwan sekarang, yang kebanyakannya masih animis, dan istilah Melayu yang terbesar sekali tentulah yang dalam 'Dunia Melayu Polinesia' yang merangkumi segala-galanya, juga suku bangsa peribumi di puluhan ribu kepulauan di Lautan Pasifik, termasuk Madagaskar di Lautan Hindi. Hampir-hampir kelompok Melayu di Luar Nusantara bukanlah Muslim. Jelaslah dari sini apa yang dikatakan Melayu itu amat luas ragamnya - bangsa itu terbesar pada sekitar suku muka bumi, dan yang seolah-olah menyatukan mereka semua ialah samudra yang maha luas, dan satu macam ingatan pada kesatuan asal usul zaman lampau yang hampir pupus."

- Petikan daripada  
Koleksi Ismail Hussein,  
1988.

Empat macam istilah Dunia Melayu yang disebutkan oleh Prof. Datuk Ismail Hussein ini menggambarkan pelbagai macam latar belakang sejarah dan hubungkaitnya dengan ribuan suku kaum yang berteraskan Melayu serumpun yang mendiami di pelbagai daerah di Asia Tenggara.

Daerah *rumpun Melayu* ini bukan saja meliputi Tanah Melayu, Indonesia, Borneo, Filipina dan Sri Lanka saja, bahkan sempadan Benua Melayu, asalnya, meliputi juga Segenting Kera, selatan Vietnam, Cambodia, Burma dan lain-lain, yang pada satu masa dahulu pernah membina kerajaan-kerajaan kuno yang mengagumkan seperti Funan, Campa, Dvarati, Chaiya, Tenangsari dan Tambaralinga.

Pada masa ini sempadan Benua Melayu di sebelah utara ini sudah pun musnah, kecuali di sebelah selatan, di mana sebahagian daripada *rumpun Melayu* yang masih ada ini sedang digoda oleh gelombang antara kejayaan dan kemusnahan.

Berasaskan susur galur dan latar belakang sejarah *rumpun Melayu Polynesia* inilah, maka gagasan pembentukan Malaysia seperti yang dicetuskan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman itu menjadi kontroversial.

Objektif gagasan tersebut tentulah dapat difahami dengan mudah, iaitu ia bertujuan untuk, sekurang-kurangnya, menyatukan kembali sebahagian daripada *rumpun Melayu* yang telah berpecah akibat penjajahan Eropah di dalam satu kesatuan yang asal.

Penyatuan yang serupa ini dianggap penting bagi mengembalikan semula kegemilangan *rumpun Melayu*, atau setidak-tidaknya ia dapat menjadi cabaran kepada perkembangan-perkembangan politik yang berlaku di rantau ini.

Cadangan ini juga sebenarnya adalah susulan daripada cadangan seorang pemimpin Bumiputera Islam di Sabah ketika itu, iaitu Tun Datu Mustapha yang dalam tahun 1958 mahukan supaya negeri-negeri di Borneo dicantumkan dengan Persekutuan Tanah Melayu, tetapi oleh kerana pada masa itu Malaya baru saja mencapai kemerdekaan, Almarhum Tunku Abdul Rahman belumlah lagi mahu

bersedia mencetuskan idea atau gagasan tersebut sehingga ke tahun 1961.

Saya percaya juga bahawa cita-cita Tunku untuk mewujudkan negara Malaysia itu ialah dengan harapan bahawa Brunei yang kaya dengan minyak dan Singapura sebagai pusat pelabuhan perdagangan yang utama di Asia Tenggara, boleh membawa Malaysia menjadi tunggak yang penting kepada ekonomi negara.

Selain dari itu, pembentukan Malaysia juga bertujuan untuk menahan gelombang kebangkitan Parti Komunis yang pada masa itu sedang bergerak hebat untuk menanam kefahaman komunisme di kalangan rakyat di Asia Tenggara, terutamanya di Singapura di mana golongan kiri yang berfaham komunis sedang cuba menekan kestabilan politik Lee Kuan Yew pemimpin Singapura.

Sekurang-kurangnya begitulah saya fikir apa yang ada di dalam kepala Tunku ketika itu.

## 2. PENUBUHAN MALAYSIA

Masalah besar yang merumitkan pembentukan Malaysia seperti yang kita lihat di dalam sejarahnya, bukanlah terletak kepada gagasan yang amat murni itu.

Almarhum Tunku, ketika membuat cadangan tersebut mempunyai pandangan yang jauh. Cadangan tersebut telahpun mencapai kejayaan. Ini berbeza dengan Lord Brassey, Malcolm MacDonald, Jose Rizal, Apolinario Mabini, Muhammad Yamin, Ibrahim Yaakub dan Vinzon yang hanya bermimpi untuk penyatuan rumpun Melayu serantau sedangkan hasilnya tidak tercapai.

Tunku dengan segala kebolehan dan kebijaksanaannya telah berjaya mewujudkan sebuah negara baru yang dimimpikan oleh nasionalis-nasionalis Melayu sebelumnya.

Tetapi pembentukan Malaysia sebagai suatu gagasan,

bukanlah satu perkara yang mudah. Kegagalan nasionalis-nasionalis Melayu membentuk penyatuan Melayu seperti yang mereka cita-citakan, mungkin berpunca daripada pelbagai faktor yang difikirkan akan terjadi selepas gagasan itu dibentuk. Sebab itulah mereka tidak melanjutkan gagasan tersebut.

Gagasan penubuhan Malaysia itu sebenarnya tidak seratus peratus disokong oleh pemimpin pelbagai kaum yang ada di pulau Borneo ketika itu.

Pada peringkat awalnya beberapa orang pemimpin tempatan seperti Ong Kee Hui Pengurus Sarawak United People Party (SUPP); A.M. Azahari pemimpin Parti Rakyat Brunei, Donald Stephens pemimpin United National Kadazan Organization (UNKO) dan pemimpin Sarawak National Party (SNAP) Stephen Kalong Ningkan telah membentuk Barisan Bersatu (United Front) untuk menentang gagasan Malaysia itu.

Pemimpin PAP di Singapura, Encik Lee Kuan Yew, pemimpin Parti Negara Sarawak (PANAS) Abang Haji Mustapha dan pemimpin Bumiputera Islam di Sabah, Tun Datu Mustapha Harun yang menjadi Presiden USNO, bagaimanapun telah menyokong gagasan tersebut.

Selain daripada tentangan dan sokongan dari dalam ini, tentangan dari luar juga telah timbul. Pemerintah Filipina dan pemerintah Indonesia telah menentang gagasan yang murni itu.

Pada umumnya penentangan tersebut berpunca daripada pelbagai faktor. Antara faktor-faktor tersebut, termasuk realiti politik, latar belakang penduduk, tindakan dan keputusan yang tergesa-gesa, motivasi penubuhan tersebut, kepentingan dan akibatnya kepada negara-negara jiran dan sebagainya.

Kesemua alasan ini tidak dihiraukan oleh Tunku ketika gagasan ini mahu dijadikan kenyataan. Di Tanah Melayu,

parti Buruh berkehendak supaya Tanah Melayu bercantum dulu dengan Singapura, sebelum membawa ketiga-tiga wilayah Borneo itu masuk ke dalam Persekutuan Malaysia.

Pro dan kontra mengenai gagasan pembentukan Malaysia itu telah menyebabkan timbulnya pemberontakan di Brunei, di mana beberapa orang anggota *Parti Rakyat Brunei* yang dipimpin oleh A.M. Azahari dan Zaini Haji Ahmad telah menentang gagasan tersebut atas alasan sebahagian besar dari kawasan Sabah itu kepunyaan Sultan Brunei dan *parti Rakyat Brunei* bercadang mahu menubuhkan sebuah *Kesatuan Negeri-negeri Borneo Merdeka* (termasuk Sabah dan Sarawak).

Di Filipina timbul desakan peniaga-peniaga yang diketuai oleh Osmena yang menuntut supaya kerajaan Filipina mengambil balik hak ke atas Sabah atas alasan negeri itu adalah kepunyaan Sultan Sulu kerana dulunya sebahagian besar daripada tanah di negeri Sabah yang dimiliki oleh Sultan Sulu itu diberikan oleh Sultan Brunei.

Sementara di Indonesia pula pemerintahan Soekarno telah menentang gagasan tersebut atas alasan bahawa penubuhan Malaysia adalah satu bentuk penjajahan baru, di mana ia akan menjadi alat kepada pertubuhan SEATO yang boleh mengancam keselamatan Indonesia.

Bagi memecahkan kebuntuan dan kesulitan ini, beberapa orang pemimpin kaum dan politik di Sabah dan Sarawak telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang diberi nama *Malaysia Solidarity Consultative Committee* atau Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (MSCC), bagi membincangkan idea penubuhan Malaysia itu.

Jawatankuasa ini telah mengemukakan sebuah memorandum yang mengandungi cadangan Perlembagaan Malaysia, termasuk di dalamnya pelbagai cadangan, tuntutan dan syarat-syarat asas kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia.

Memorandum tersebut telah diserahkan kepada sebuah Suruhanjaya yang dibentuk oleh British dan kerajaan Tanah Melayu bernama Suruhanjaya Lord Cobbold. Suruhanjaya ini telah ditugaskan untuk meninjau pendapat dan hasrat rakyat kedua-dua negeri itu.

Dalam tinjauan yang dibuat selama tiga bulan (April - Jun 1962), Suruhanjaya itu mendapati bahawa satu pertiga daripada penduduk Sabah (Sarawak tidak saya sentuh di sini), telah bersetuju menyokong pembentukan Malaysia, satu pertiga lagi menyokong tetapi dengan pelbagai syarat, sementara satu pertiga yang lain dibahagikan kepada dua golongan. Golongan pertama, mahukan Sabah merdeka dulu sebelum memasuki Malaysia, sementara satu golongan lagi mahukan kerajaan British terus memerintah Sabah.

Berdasarkan tinjauan tersebut dan berdasarkan memorandum yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Malaysia Solidarity Consultative Committee tadi, Suruhanjaya Cobbold berpendapat bahawa pada umumnya rakyat Sabah bersetuju bergabung di dalam Persekutuan Malaysia.

Sebuah Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) telah dibentuk oleh wakil kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, wakil kerajaan British, wakil Sarawak dan wakil Sabah bagi menyusun dan menggubal Perlembagaan Malaysia yang baru.

Pendapat suruhanjaya ini telah ditentang oleh kerajaan Indonesia dan kerajaan Filipina. Mereka berpendapat bahawa rumusan suruhanjaya tersebut tidak menunjukkan persetujuan rakyat Sabah dan Sarawak sepenuhnya, lalu melalui penubuhan Maphilindo yang ditubuhkan oleh Malaia, Indonesia dan Filipina kemudiannya, mereka telah bersetuju meminta supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu membentuk satu misi atau apa yang dinamakan *United Nations Malaysia Mission*, bagi mengesahkan sama ada pilihanraya dan pungutan suara yang dijalankan oleh

Suruhanjaya Cobbold itu benar atau tidak.

Selepas missi Bangsa-bangsa Bersatu melawat Sabah dan Sarawak untuk meninjau dan mengkaji laporan Suruhanjaya Cobbold itu, Pertubuhan tersebut akhirnya bersetuju mengeluarkan satu kenyataan yang berbunyi:

*'Rakyat kedua-dua negeri itu telah bertindak penuh kesedaran mengenai status mereka, berbangga untuk merdeka melalui Malaysia'.*

Berasaskan kenyataan PBB inilah maka dalam bulan Ogos 1962, kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan British telah mengumumkan satu kenyataan bersama di London, yang antara lain berbunyi:

*"... The British and Malaya Governments have now decided in principle that, subject to the necessary legislation, that the propose Federation of Malaysia should be brought into being by 31st. August, 1963."*

Pengesahan Bangsa-bangsa Bersatu dan pengumuman yang dibuat oleh kerajaan British dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu itu masih juga tidak memuaskan pihak Indonesia dan Filipina.

Mereka berpendapat bahawa tentangan yang dibuat oleh United Front yang ditubuhkan dulu itu telah tidak diberikan perhatian dan pertimbangan yang wajar. Begitu juga pendapat dan pandangan negara-negara jiran seperti Indonesia, Filipina dan Brunei tidak dipedulikan langsung.

Mereka juga berpendapat bahawa peranan Bangsa-bangsa Bersatu dan cara-cara kenyataan itu dibuat dan diputuskan telah tidak mengikut prosuder persetujuan awal.

Bagaimanapun oleh kerana Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sudah mengesahkan persetujuan rakyat di kedua-dua negeri itu bahawa mereka mahu menyertai Malaysia,

maka kerajaan Perikatan di Persekutuan Tanah Melayu bersama-sama dengan kerajaan Sabah, Sarawak dan Singapura terus juga melaksanakan resolusi tersebut.

Berdasarkan pengumuman bersama itu, Malaysia akhirnya berjaya dibentuk pada 16 September, 1963 dan bukannya bersama pada 31 Ogos tahun yang sama, sebagaimana yang ditetapkan di dalam kenyataan bersama itu.

Ini disebabkan oleh laporan yang sepatutnya dapat disiapkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu tidak dapat diselesaikan sebelum 31hb. Ogos, 1963.

Sebaik-baik saja negara baru Malaysia ditubuhkan, Indonesia terus melancarkan konfrantasi, Filipina memutuskan hubungan diplomatik dan Parti Rakyat Brunei telah menjalankan pemberontakan untuk memperjuangkan terus Kesatuan Negeri-negeri Borneo merdeka melalui perjuangan gerila.

Kemasukan Sabah di dalam pembentukan Persekutuan Malaysia, dari segi legalnya, mempunyai beberapa ciri perbezaan dengan negeri-negeri yang lain di Semenanjung.

Perbezaan ini bukan saja terletak kepada pengertian bahawa Sabah dan Sarawak mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia, tetapi juga kedua-dua negeri tersebut bersama-sama dengan negeri-negeri lain di Semenanjung telah membentuk apa yang dinamakan Persekutuan Malaysia.

Selain dari perbezaan ini, Sabah dan Sarawak juga mempunyai beberapa kuasa automi tertentu di dalam bidang-bidang kuasa tertentu yang tidak terdapat di negeri-negeri lain di Semenanjung.

Perbezaan-perbezaan ini bertujuan untuk melindungi beberapa perkara tertentu yang berkaitan dengan kepentingan kedua-dua negeri berkenaan.

Antara perkara-perkara yang telah dicadang dan dipinda di dalam Perlembagaan baru Malaysia itu, antara lain ialah mengenai Agama, Imigrasi, Pelajaran, Kerakyatan, Dewan Undangan Persekutuan, Perlembagaan Negeri, Kuasa Membuat Undang-undang, Tanah, Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan, Peruntukan Kewangan, Pilihanraya, Kehakiman, Perkhidmatan Awam, Bahasa Kebangsaan, Hak Istimewa Bumiputera, Peraturan-peraturan Dalam Masa Peralihan, Undang-undang Yang Ada Masa Ini, Perjanjian-perjanjian Kewangan atau Bantuan Teknik Antarabangsa dan Perlindungan Perlembagaan.

Berasaskan pindaan-pindaan ini, maka bidang kuasa yang diperolehi oleh Sabah bukan saja berbeza dengan negeri-negeri lain di Semenanjung, malahan ia lebih luas lagi bidang kuasanya.

Sesungguhnya pindaan-pindaan yang berbeza itu merupakan satu peruntukan Undang-undang yang istimewa kepada negeri Sabah sendiri. Bagaimanapun sehingga ini, segala pindaan tersebut tidak dipraktikkan sepenuhnya, sementara setengah-tengah peruntukan yang difikirkan tidak sesuai lagi, ia telah dikaji dan dipinda semula dari masa ke semasa.

### 3. PERANAN SABAH DALAM MALAYSIA

Kemasukan Sabah di dalam pembentukan Malaysia di dalam rangka yang lebih luas mempunyai signifikasinya yang amat penting, terutamanya di dalam impian penyatuan *Dunia Melayu* seperti yang telah saya sebutkan di awal bab ini tadi.

Penyatuan ini, sekalipun tidak melibatkan Indonesia, Filipina dan lain-lain negara serumpun seperti yang dimimpikan oleh beberapa orang nasionalis Melayu yang lain, namun penyertaan Sabah, termasuk juga Sarawak, ke dalam pembentukan Malaysia itu, sekurang-kurangnya ia dapat menyatukan beberapa buah wilayah rumpun Melayu

yang selama ini terpisah oleh pelbagai penjajahan Barat.

Malangnya selepas gagasan Malaysia dibentuk, dua buah wilayah lain yang sepatutnya menjadi keluarga penting di dalam gagasan itu seperti Brunei, telah menarik diri akibat beberapa syarat yang tidak dapat dipenuhi.

Dan Singapura keluar daripada Persekutuan itu selepas dua tahun menjadi anggotanya (1963 - 1965) akibat perbezaan politik dan konflik perkauman Melayu-Cina yang amat menonjol.

Sebenarnya jika dilihat daripada rentetan peristiwa dan jangka waktu penubuhan Malaysia itu, kita mendapati bahawa segala krisis yang terjadi, baik ketika gagasan itu sedang dibentuk dulu, mahupun konflik kepimpinan yang terjadi sekarang, sebahagian besarnya bolehlah dikatakan berpunca daripada tempoh dua tahun yang diperuntukkan bagi membentuk negara baru itu dikira amat pendek. Ini bertentangan dengan cadangan wakil Kerajaan British yang mahukan tempoh pembentukan Malaysia itu diberi masa sehingga lima tahun.

Dua tahun (1961 - 1963) tidaklah memadai untuk menentukan dan menyelesaikan beberapa perkara yang rumit dan memerlukan masa yang lebih panjang, terutamanya yang melibatkan soal sikap rakyat di kedua-dua negeri berkenaan, pembentukan integrasi nasional dan penerimaan negara-negara jiran yang mempunyai perbezaan politik, ekonomi, ketenteraan dan geografi. Apalagi dalam masa yang sama telah timbul penentangan pihak pemerintah Indonesia yang disokong oleh parti Komunis China dan Russia dan tuntutan Filipina terhadap Sabah.

Gejala ini menyebabkan tindakan pembentukan Malaysia itu menjadi amat kacau dan terburu-buru. Tidak hairanlah akibat dari fenomena ini, penubuhan Malaysia tidak mencapai objektif sepenuhnya.

Tanpa kemasukan Brunei dan keluarnya Singapura, gagasan Malaysia seolah-olah menjadi tempang dan tidak berfungsi seperti yang dicita-cita oleh Almarhum Tunku dan nasionalis-nasionalis Melayu sebelumnya.

Saya sebutkan masalah 'masa yang terlalu pendek' bagi merancang dan membentuk penubuhan Malaysia itu adalah kerana berasaskan kepada realitet politik yang wujud ketika itu dan latar belakang sejarah penduduk yang berbagai-bagai suku kaum dan beranikaragaman kebudayaan yang berbeza-beza, telah tidak mungkin mencapai kesefahaman dan penyatuan secara mendadak.

Fenomena ini sesungguhnya amat penting dilihat dan diteliti terlebih dulu sebelum sesuatu rancangan serupa itu dapat dilaksanakan di dalam masa yang singkat. Inilah sebahagian daripada punca kenapa sambutan yang positif dan menyeluruh tidak diberikan oleh rakyat Sabah kepada Suruhanjaya Cobbold itu.

Itulah sebabnya, antara lain mengapa hanya satu pertiga saja rakyat Sabah yang betul-betul menyokong pembentukan Malaysia sebagaimana yang disebutkan oleh Suruhanjaya Cobbold itu. Sudah tentu dalam masa yang pendek ini tidak mungkin memberikan kesempatan yang seluas-luasnya kepada rakyat Sabah menimbangkan buruk baiknya. Dan ini tentulah tidak sama dengan masa yang pendek yang dicapai oleh Persekutuan Tanah Melayu ketika mencapai kemerdekaan daripada penjajah British dulu.

Sokongan yang kecil ini tidak bermakna bahawa majoriti rakyat Sabah telah menolak gagasan tersebut. Haruslah diingat bahawa pada masa itu sebahagian besar daripada rakyat di kedua-dua negeri itu masih belum 'celik huruf' sepenuhnya.

Mereka belum memahami sepenuhnya ertinya sebuah kemerdekaan dan maknanya sebuah *rumpun Melayu*.

Menurut laporan Lord Cobbold, perangkaan penduduk negeri Sabah pada tahun 1960 tidak tercatit langsung adanya orang Melayu di negeri itu. Dan kerana itulah sebabnya sehingga Malaysia dibentuk pada tahun 1963, tidak sebuah pun sekolah Melayu yang didirikan di negeri Sabah. Oleh sebab itu pemerintahan Inggeris yang ada pada ketika itu, dikira wajar untuk terus memerintah. Berasaskan sikap konservatif inilah terdapat dua pertiga penduduk Sabah ketika itu, masih was-was mahu menyokong pembentukan Malaysia.

Hubungan *rumpun Melayu* di dalam suasana realitet politik yang seperti ini, menjadi tidak mudah untuk tumbuh dan berkembang. Hubungan tersebut bukan saja harus wujud di atas asasnya yang asal dan kuat, tetapi juga ia harus terpancar di dalam keseluruhan struktur penghidupan rakyat bawahan dan atasan.

Dalam konteks ini, hubungan suku kaum Peribumi Sabah yang berlainan dan berbeza itu dengan orang Melayu dan kaum imigran di Semenanjung yang juga berlainan dan berbeza-beza itu tidak mungkin dapat diintegrasikan di dalam waktu yang singkat. Apalagi jika di dalam proses pembentukan integrasi nasional ini, terdapat pelbagai percanggahan fikiran dan kepentingan di dalam konsep politik dan di dalam prinsip agama yang berbeza.

Tidak terdapat suku kaum Kadazan/Dusun, Bajau, Murut, Rungus, Kedayan, Bisaya dan sebagainya di Semenanjung. Demikian juga sebaliknya tidak terdapat suku kaum asli seperti Sakai, Semang, Jakun, Senoi dan sebagainya di Sabah. Perbezaan suku kaum Peribumi antara kedua wilayah seperti ini bukan saja menyulitkan pengintegrasian nasional, tetapi juga amat payah untuk menjalin perasaan persaudaraan yang lebih kukuh antara keduanya. Apalagi pula ditambah dengan masalah kebudayaan, agama dan geografi serta iklim yang berbeza-beza.

Semenjak Sabah mencapai kemerdekaan, masalah

besar yang menyulitkan integrasi nasional dengan Semenanjung, terletak kepada sebahagian besarnya berhubung dengan sikap kepimpinan dan pembentukan integrasi nasional ini.

Rakyat Sabah tidak sepenuhnya menerima rakyat Semenanjung sebagai saudaranya yang senegara. Sebahagian dari mereka yang dulunya menentang pembentukan Malaysia, menganggap orang-orang Semenanjung yang berhijrah ke Sabah sebagai rakus dan penjajah kepada Sabah, sementara sebahagian daripada rakyat Semenanjung pula menyifatkan rakyat Sabah sebagai 'bodoh-bodoh somborg'.

Anggapan kedua-dua pihak ini, bagaimanapun, telah mulai berubah justeru saki bakinya masih ada. Akibat pembangunan ekonomi yang pesat dan perkembangan pendidikan yang sudah meluas, rakyat Sabah mulai merasa bahawa diri mereka tidak boleh dianggap 'bodoh-bodoh somborg' lagi. Mereka mulai merasa bahawa kedudukan sosio-ekonomi mereka jauh lebih baik daripada setengah-tengah rakyat di Semenanjung sendiri.

Malah sebahagian daripada mereka yang terlalu nasionalistik dengan suku kaumnya sendiri merasa bahawa adalah lebih baik, bagi kepentingan Sabah sendiri, ia tidak harus selamanya bergantung kepada Kerajaan Pusat di Kuala Lumpur semata-mata.

Mereka mulai melihat negara-negara jiran mereka yang kecil seperti Brunei dan Singapura boleh membentuk negaranya sendiri. Mengapa tidak dengan Sabah?

Sikap dan pandangan ini sebenarnya berlawanan dengan semangat dan impian nasionalis-nasionalis Melayu sebelumnya.

Adalah jelas bahawa sikap dan semangat ini bersifat '*racial enclave*' seperti yang saya sebutkan di dalam bab yang pertama tadi. Sudah tentu bahawa sikap ini tidak

akan membawa keuntungan jangka panjang di dalam integrasi nasional yang lebih luas. Tetapi di dalam percaturan politik di negeri Sabah sendiri, cetusan sikap yang serupa ini kadangkala boleh menjadikan 'political base' yang paling baik kepada seseorang tokoh politik di negeri itu.

Kejayaan dan kejatuhan yang pernah diterima oleh kedua-dua pemimpin Islam di Sabah seperti Tun Datu Mustapha dan Datuk Harris Salleh, sebahagian besarnya berpunca daripada sifat-sifat '*racial enclave*' ini.

Untuk tempoh 19 tahun (1966–1985), Tun Mustapha dan Datuk Harris telah memainkan elemen-elemen perkauman yang sempit ini untuk mempertahankan kerakusan kuasa politik mereka.

Jika mereka lemah dan memerlukan pertolongan, mereka akan bergantung dan menerima arahan daripada Kuala Lumpur. Sebaliknya, apabila mereka beroleh kejayaan atau mengalami tekanan dan kejatuhan, mereka akan mengancam dan mengutuk kepimpinan Pusat. Mereka akan menghasut rakyat supaya membenci kepimpinan Kuala Lumpur.

Fenomena ini menjadi semacam tradisi bagi kepimpinan politik di negeri Sabah.

Sebaliknya sikap perkauman yang sempit ini hampir-hampir tidak terjadi di negeri Sarawak. Sejak negeri itu menjadi sebahagian daripada Malaysia, tidak ada tandanya buruk yang dicetuskan oleh pemimpin atau rakyat di negeri itu.

Hubungan integrasi nasional antara Sarawak dengan Semenanjung pun kelihatan tenang dan aman. Demikian juga dengan Brunei dan Singapura, sekalipun keduanya berjiran dan pernah menjadi keluarga di dalam Persekutuan Malaysia, hubungan pemimpin dan rakyat mereka dengan Malaysia amat baik sekali.

## KEMASUKAN UMNO KE SABAH

Sebenarnya sikap dan kelakuan politik seperti ini tidak akan bertahan lama. Mereka akan dijatuhkan oleh kawan dan lawan mereka sendiri, atau kalau tidak dijatuhkan oleh kawan dan lawan mereka sendiri, mereka akan dijatuhkan oleh rakyat mereka sendiri.

Tun Mustapha dijatuhkan oleh Datuk Harris, sahabatnya sendiri dan Datuk Harris juga akhirnya dijatuhkan oleh Datuk Pairin Kitingan (sahabatnya juga) dengan sokongan majoriti rakyat.

Di luar negeri, kita lihat Puan Benazir Bhutto telah jatuh di Pakistan dan di Britain, kita lihat Puan Margaret Thatcher juga telah jatuh. Tidak syak lagi kejatuhan mereka adalah kerana kawan dan lawan mereka juga.

Kenaikan dan kejatuhan seseorang pemimpin politik berpunca daripada pelbagai sebab. Sebab utama yang sering mengakibatkan kejatuhan ialah berpunca daripada sikap perkauman dan berpandangan sempit seperti ini.

Di negeri Sabah, sikap politik yang berteraskan Islam atau Kadazan Kristian masih boleh digunakan, tetapi pemahaman yang sempit sehingga mengetepikan kepentingan suku-suku kaum yang lain telah menjadi punca utama mengapa kepimpinan politik di negeri itu boleh jatuh.

Di dalam keadaan seperti ini, kedudukan kepimpinan PBS di negeri Sabah menjadi sukar untuk digugat. Ini kerana sekalipun dasar perjuangan PBS berteraskan Kadazan/Dusun Kristian, namun secara umumnya perjuangan PBS lebih banyak diarahkan kepada konsep perpaduan pelbagai kaum.

Kepimpinan parti itu didukung oleh pelbagai suku kaum, termasuk juga Bumiputera Islam dan Cina. Dasar ini sama dengan dasar BERJAYA dulu, di mana sekalipun dasarnya adalah untuk kepentingan Melayu/Islam, namun perjuangannya adalah juga untuk kepentingan pelbagai kaum.

## KEMASUKAN UMNO KE SABAH

Tuduhan-tuduhan bahawa PBS 'anti Islam' atau 'anti Melayu dan Semenanjung' sebenarnya masih boleh dipertikaikan. Tuduhan tersebut pada dasarnya diselindungi oleh sifat-sifat kekecewaan dan kedengkian setengah-tengah pemimpin politik USNO dan BERJAYA yang telah tewas di dalam pilihanraya yang lalu.

Jikalau perbandingan tuduhan ini boleh kita buat, maka ketika USNO memerintah Sabah dahulu, orang Kadazan/Dusun juga telah membuat tuduhan bahawa kepimpinan USNO juga bersifat 'anti Kristian'. Demikian juga di dalam pemerintahan BERJAYA, kepimpinan parti itu juga bukan saja dituduh sebagai 'anti Kristian', bahkan dituduh pula sebagai 'anti Islam'.

Tuduhan-tuduhan yang bertimbang balik ini disebabkan oleh sikap dan tindakan Tun Mustapha dan Datuk Harris sendiri yang sering bercanggah dengan kepentingan pelbagai kaum, terutamanya yang bukan Islam.

Demikianlah apabila Datuk Pairin yang bukan Islam berkuasa di Sabah sekarang dengan mendirikan pelbagai gereja di merata kawasan, pemimpin-pemimpin Islam yang kecewa tadi telah membuat pelbagai tuduhan kepada kepimpinan parti itu sedangkan ketika masjid, surau dan pengislaman beramai-ramai dilakukan di zaman USNO dan BERJAYA dulu, orang-orang Kristian tidak pula menentang dan menimbulkan kehebohan dengan pelbagai tuduhan yang boleh menjelaskan integrasi pelbagai kaum.

Mungkin pula pada suatu masa nanti, jikalau parti orang-orang Cina memerintah Sabah, orang Islam dan Kristian pula akan menuduh bahawa kepimpinan politik Cina menekan dan menindas orang Islam dan Kristian.

Tradisi yang bersifat tuduh menuduh dan berhasad dengki seperti ini tidak mungkin dapat dihapuskan selagi ada pihak yang tidak mengaku bahawa kekalahannya partinya adalah kerana tidak disokong oleh rakyat sendiri.

## KEMASUKAN UMNO KE SABAH

Selagi penolakan rakyat dianggap sebagai permainan hanky-panky daripada parti-parti politik yang lain, selagi itulah tuduhan yang bersifat hasad dengki ini tidak dapat dielakkan.

Di Semenanjung, tuduhan yang bersifat hasad dengki ini sudah menjadi perkara biasa. Sejak PAS menjadi parti alternatif orang-orang Melayu, kepimpinan UMNO sentiasa saja dikecam dan dituduh dengan pelbagai tuduhan.

Sejak Almarhum Tunku, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn, tuduhan yang semacam ini sudah menjadi perkara biasa di dalam politik. Malah di dalam zaman Mahathir sekarang pun, tuduhan yang lebih buruk hanya menjadi 'makanan biasa' kepada kepimpinan UMNO itu.

Di dalam hubungan ini, salah satu aspek terpenting yang harus dijaga bagi mempertahankan integrasi nasional antara Sabah dengan Semenanjung, ialah dengan mengurangkan politiking atau konflik kepimpinan antara pemimpin Negeri dengan pemimpin Pusat.

Jikalau sifat tuduh menuduh itu sering dilemparkan antara satu sama lain, maka gejala tersebut akan menjadi 'fuel' kepada konflik nasional yang lebih luas.

Pada umumnya kita terpaksa menerima hakikat bahawa rakyat Sabah telah memilih parti PBS untuk berkuasa di negeri itu. Oleh yang demikian, kita tidaklah wajar menimbulkan lagi pelbagai tuduhan bahawa kepimpinan parti tersebut sebagai anti Islam, anti Melayu atau anti Semenanjung, kerana kita menyedari bahawa dengan membuat tuduhan-tuduhan tersebut, kita seolah-olah menafikan hakikat realiti politik dan konsep demokrasi yang wujud di negeri itu dan kita seolah-olah tidak menyedari bahawa Bumiputera Islam hanya berjumlah 40% saja di negeri itu.

Soal sama ada Bumiputera Islam di Sabah telah ditekan atau ditindas, saya fikir tidak timbul, kerana selain dari

tuduhan-tuduhan tersebut lebih bersifat hasad dengki dan mainan politik, kepimpinan Islam di dalam PBS sendiri tidak mungkin hanya menjadi pak angguk saja dan membiarkan bangsa dan agama mereka dipermainkan oleh orang lain.

Saya tidak percaya orang-orang seperti Datuk Ahmad Baharum Titingan, Encik Zaki Haji Gusmiah, Datuk Lajim Haji Okin, dan lain-lain pemimpin di dalam PBS lebih mementingkan dan kedudukan diri mereka sendiri saja tanpa mempedulikan langsung kepentingan bangsa dan agama Islam di negeri Sabah.

Sebagai contoh misalnya sejak parti PBS berkuasa dan memerintah negeri Sabah lebih lima tahun yang lalu, parti itu telah memperuntukkan kira-kira lebih daripada \$36.8 juta bagi perbelanjaan membangunkan pelbagai sektor di dalam usaha meninggikan syiar Islam. Tahun lalu saja kerajaan Negeri telah membelanjakan kira-kira \$26 juta, termasuk perbelanjaan membayai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan kali yang 21 di Kota Kinabalu pada bulan Mac 1989 lalu.

Selain daripada peruntukan yang agak besar ini, kegiatan pendakwahan Islamiah di Sabah juga sedang giat dijalankan di merata tempat dan menurut perangkaan yang didapati, setiap bulan tidak kurang daripada 50 orang penduduk Sabah yang memeluk agama Islam.

Usaha meninggikan syiar Islam ini, bagaimanapun tidak digembar-gemburkan seperti dulu. Ia terus menerus dijalankan berdasarkan hukum syarak tanpa merih-rendahkan kepada orang lain. Oleh yang demikian publisiti mengenainya tidak banyak diketahui orang.

Bagaimanapun dengan tidak membuat sebarang publisiti, pemimpin politik Islam yang bukan di kalangan PBS telah mendakwa bahawa pemimpin Islam di dalam PBS tidak berbuat apa-apa, lalu mereka telah membuat pelbagai

tuduhan dan fitnah. Sebenarnya perpecahan di kalangan umat Islam di Sabah, sebahagian besarnya berpunca daripada ketidakpercayaan dan berhasad dengki di kalangan pemimpin Islam sendiri terhadap isu-isu seperti ini.

Mereka lebih mementingkan diri sendiri, melihat diri mereka saja yang betul dan pandai, sementara orang lain semuanya bodoh dan salah. Umumnya kebanyakannya daripada mereka ini bukanlah ahli jemaah atau orang yang bertakwa kepada Allah. Agama bagi mereka adalah alat atau slogan untuk membuat kekayaan, sementara politik pula bagi mereka ialah parti mana yang boleh memberikan mereka kedudukan dan pangkat yang baik, maka parti politik itulah menjadi pegangan mereka.

Sebab itulah kita sering melihat kebanyakannya pemimpin politik di negeri Sabah sering saja lompat melompat di dalam parti seperti kera di atas pokok. Jikalau kita mengikuti perkembangan parti-parti politik di negeri itu, kita boleh menyenaraikan nama-nama mereka yang sering lompat melompat seperti ini.

Dalam hubungan ini sokongan penduduk Cina terhadap parti PBS tidak boleh dipersalahkan kepada mereka. Mereka sudah lama menyokong USNO dan BERJAYA sebelum PBS dapat berkuasa. Tetapi kepimpinan USNO dan BERJAYA telah memusnahkan kepercayaan mereka. Mereka dijadikan sebagai kaum yang tidak memberi sumbangan kepada kemajuan Sabah. Mereka menjadi kaum yang diketepikan di pinggiran. Sebab itulah mereka mengalihkan sokongan kepada parti politik PBS. Sekurang-kurangnya untuk tempoh lima tahun yang lalu, tanggungjawab PBS terhadap suku kaum Cina tidak seburuk USNO dan BERJAYA dulu.

Apa yang menjadi isu menarik berhubung dengan pemerintahan PBS di Sabah sekarang ialah wujudnya tuduhan bahawa PBS bersikap 'anti Semenanjung'

sehingga menyebabkan parti itu keluar daripada Barisan Nasional. Kedua-dua itu menjadi faktor utama mengapa pemimpin Barisan Nasional di Kuala Lumpur mahu mengembangkan UMNO di negeri Sabah. Dengan membawa UMNO ke Sabah, parti itu diharap dapat membantu USNO menumbangkan parti PBS yang celupar itu.

Sebenarnya dari segi yang tersurat, kita tidak mendapati adanya kenyataan-kenyataan rasmi daripada pemimpin PBS untuk merancang memusuhi Semenanjung atau berura-ura mahu mengeluarkan Sabah daripada Persekutuan Malaysia.

Apa yang mungkin boleh dipersoalkan ialah bahawa sikap 'anti Semenanjung' itu bukanlah perkara baru dan rancangan pemisahan Sabah dengan Persekutuan Malaysia itu hanya dirancang secara sulit oleh beberapa orang tertentu di dalam satu pertubuhan apa yang dinamakan *Pertubuhan Pembebasan Rakyat Sabah* (SPLO).

Beberapa orang pemimpinnya telahpun ditahan oleh pihak berkuasa di negeri tersebut dan ini termasuklah Timbalan Ketua Eksekutif Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS) Dr. Maximus Ongkili, adik kepada bekas Menteri Kehakiman, Dato Dr. James Ongkili dan orang kanan Datuk Sri Pairin Kitingan sendiri.

Adik kepada Datuk Pairin, Dr. Jeffery Kitingan juga dikatakan terlibat di dalam kes yang serupa, tetapi beliau tidak ditahan, sebaliknya dituduh rasuah sebagai Pengarah Yayasan Sabah. Dr. Maximus bagaimanapun kini telah dibebaskan.

Sebenarnya usaha mengeluarkan Sabah dari Malaysia, ini pun bukanlah perkara baru. Isu ini bukan saja boleh dituduh kepada PBS saja, tetapi juga boleh dianggap benar dibuat oleh beberapa pihak sebelum ini. Sebagai contoh misalnya, pem-berontakan Brunei yang meletus ketika

Malaysia dibentuk dulu, juga berpunca daripada dorongan Parti Rakyat Brunei mahu memisahkan Sabah daripada Malaysia.

Tun Mustapha sendiri, ketika menjadi Ketua Menteri Sabah dulu (saya telah menyebutkannya dalam bab pertama) telah juga dengan terang-terang mahu berpisah dengan Malaysia. Datuk Harris Salleh juga telah mengkritik dan mempertikaikan kepimpinan Pusat sejak Dr. Mahathir Mohamad memegang jawatan Perdana Menteri dan menuduh kerajaan Pusat tidak memihak kepada parti BERJAYA, terutama ketika parti itu jatuh ke tangan parti PBS dalam tahun 1985 dan 1986 lalu.

Kesimpulannya, sejak Tun Fuad Stephens, Peter Mojuntin, Datuk G.S. Sundang, Tun Mustapha, Datuk Harris Salleh dan kini di bawah pemerintahan PBS, spekulasi bahawa Sabah akan keluar daripada Persekutuan Malaysia, menjadi isu dan persoalan hangat dan tidak habis-habisnya diperkatakan.

Spekulasi ini sebenarnya agak sukar mencapai kejayaan. Ini kerana mengikut Perjanjian Malaysia bab 7 yang bermaksud antara lain sesbuah negeri seperti Sabah dan Sarawak tidak boleh keluar daripada Persekutuan Malaysia begitu saja. Negeri-negeri tersebut hanya boleh keluar melalui undi dua pertiga daripada ahli-ahli Parlimen yang bersetuju dengannya.

Memandang bahawa kerusi Parlimen bagi Sabah hanya sebanyak 20 buah saja daripada 180 buah kesemuanya, maka rancangan memisahkan negeri itu daripada Persekutuan Malaysia menjadi amat mustahil dilaksanakan.

Apa yang mungkin boleh memisahkan negeri itu dengan Semenanjung ialah dengan pihak ahli-ahli Parlimen Semenanjung sendiri menyokong dan mengeluarkan negeri itu melalui undi dua pertiga atau dengan kehendak pemimpin Pusat seperti apa yang dilakukan oleh Tunku

Abdul Rahman terhadap Singapura dulu.

Sudah tentu dalam keadaan yang seperti sekarang, rancangan pemisahan tersebut tidak mungkin boleh terjadi.

Persoalan 'anti Semenanjung' dalam erti yang lebih luas sekarang, hanya berkisar kepada persoalan kompleksiti antara pemimpin Pusat dengan pemimpin Negeri berhubung dengan soal sikap kepimpinan dan masalah beberapa tuntutan kerajaan Negeri yang tidak ditunaikan oleh kerajaan Pusat.

Selain dari itu, persoalan 'anti Semenanjung' ini juga berpunca daripada bahawa sejak Sabah merdeka di dalam Malaysia, berlakulah penghijrahan beramai-ramai orang-orang Semenanjung ke negeri tersebut.

Ada yang datang untuk bertugas sebagai pegawai kerajaan dan ada yang datang untuk perniagaan, pelancongan dan sebagainya. Penghijrahan ini, pada dasarnya, adalah bagi mengasimilasikan antara rakyat Semenanjung dengan rakyat Sabah di dalam usaha mewujudkan integrasi nasional.

Malangnya sebahagian daripada mereka yang membuat penghijrahan itu, termasuk pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli perniagaan, telah tidak dapat menyesuaikan diri mereka dengan sikap dan budaya rakyat di negeri Sabah sendiri.

Umumnya mereka memandang rendah terhadap taraf dan nilai kehidupan rakyat di negeri itu, terutamanya dari segi pendidikan, pemikiran dan sosial. Ramai orang Sabah telah dikelentung dan ditipu oleh mereka ini.

Selain dari itu, sikap dan budaya hidup orang-orang Semenanjung yang tinggal di negeri Sabah juga berbeza dengan sikap dan budaya hidup orang-orang Sabah sendiri.

Rakyat Semenanjung di negeri Sabah amat kurang muhu bergaul dan berjiran dengan rakyat Sabah sendiri,

seolah-olah antara mereka, ada gap pemisahan yang amat ketara, seolah-olah di antara mereka ada nilai status yang memisahkan, kecuali yang berjawatan, yang berpangkat dan berkedudukan. Ini menimbulkan tanggapan bahawa orang-orang Semenanjung seolah-olah bersikap selfish, ego dan bongkak.

Akibat daripada fenomena ini, timbulah bermacam-macam tuduhan yang lain, seperti orang-orang Semenanjung berlagak sebagai penjajah baru di negeri Sabah dengan pegawai-pegawai kerajaan Pusat berkelakuan seperti *The Malay Colonial Masters*.

Inilah sebahagian daripada punca mengapa timbulnya anggapan bahawa orang Sabah 'anti Semenanjung', iaitu suatu anggapan yang sepatutnya tidak timbul setelah 27 tahun negeri itu merdeka melalui Malaysia.

Konflik dan anggapan ini, bagaimanapun, menjadi amat sukar untuk dilebur dan dihapuskan. Ini kerana selepas parti PBS keluar daripada Barisan Nasional dan rancangan pemimpin Pusat mahu membawa parti UMNO ke Sabah, penahanan dan penangkapan beberapa orang pemimpin penting daripada parti itu, menjadikan soal 'anti Semenanjung' ini semakin sukar dan rumit, terutamanya tuduhan rasuah yang dikemukakan kepada Datuk Pairin yang dianggap berbau politik dan rancangan kemasukan UMNO ke Sabah menyebabkan sebahagian besar daripada penyokong-penyokong parti PBS menganggap bahawa langkah ini sebagai perkara yang boleh mengongkong kebebasan politik di negeri itu.

Adalah jelas seperti apa yang didakwa oleh Encik Ghafar Baba dulu bahawa '*Pairin akan menggali kuburnya sendiri*' kini telah terbukti sudah. Penahanan, penangkapan dan perancangan membawa masuk UMNO ke negeri tersebut dilihat sebagai percubaan yang terus menerus untuk menghancurkan pemimpin-pemimpin PBS yang amat yakin dan penuh imbisi itu.

Bab 3

## KEMASUKAN UMNO KE SABAH

UMNO adalah sebuah parti politik yang berjuang mendukung cita-cita Kebangsaan Melayu demi mempertahankan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara. ■

— Perlembagaan UMNO.

**D**ALAM buku terbaru saya berjudul '*Analisis Pilihanraya Umum 90*', saya telah menyebutkan antara lain bahawa rancangan penubuhan UMNO di negeri Sabah juga sebenarnya bukanlah rancangan baru.

Dalam tahun 1985 lalu, ketika parti BERJAYA ditumbangkan oleh parti PBS di dalam Pilihanraya Negeri tersebut, rancangan yang serupa telah pernah ditimbulkan oleh kalangan pemimpin UMNO di Semenanjung, tetapi oleh sebab-sebab tertentu, rancangan membawa parti itu ke negeri Sabah dihentikan begitu saja.

Sebenarnya kalau menurut Tun Datu Mustapha melalui satu Forum di Televisyen Malaysia pada malam 16 Februari lalu, beliau telah pun mencadangkan supaya UMNO ditubuhkan di negeri Sabah sejak tahun 1964 lagi.

Malah menurutnya dalam tempoh 27 tahun lalu, kesemua keempat-empat Presiden UMNO, dari Almarhum Tunku, Tun Razak, Tun Hussein Onn dan kini Dr. Mahathir, beliau telah pun menyuarakan supaya UMNO ditubuhkan di negeri Sabah, tetapi kesemua mereka belum juga bersetuju menubuhkannya.

Tetapi selepas Datuk Pairin mengumumkan PBS keluar daripada Barisan Nasional dan mengisyiharkan partinya menyokong konsep Gagasan Rakyat pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah, Majlis Tertinggi UMNO semacam bertindak balas dengan merancang semula perubahan UMNO di negeri Sabah.

Rancangan perubahan itu yang telah berlangsung pada 21 Februari 1991 yang lalu, tentulah akan memberikan kesan yang besar dan mendatangkan implikasi yang luas terhadap pergolakan politik di negeri Sabah dan hubungannya dengan perkembangan politik di tanah besar Semenanjung juga.

Tun Datu Mustapha tentulah mengalu-alukan rancangan ini, kerana setelah hampir 30 tahun beliau menunggu kehadiran UMNO ke negeri itu baru sekarang telah berhasil. Bagaimanapun setakat ini kita belum melihat lagi kesan dan implikasinya terhadap rancangan tersebut, tetapi dalam jangka panjangnya sudah tentu kesan dan implikasi itu akan dapat kita lihat dengan jelas dan nyata.

Seperti yang saya sebutkan di dalam buku saya itu, dari segi kegiatan politik dan undang-undang negara, sesebuah parti politik boleh ditubuhkan di negara ini asalkan ianya tidak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia dan Rukun Negara.

Ini bermakna bahawa parti UMNO bukan sahaja boleh ditubuhkan di Semenanjung, tetapi juga boleh bergerak di negeri Sabah atau di negeri Sarawak. Apa yang mungkin boleh ditinjau dan dibahaskan ialah sama ada objektif penubuhannya dan struktur perlembagaannya bersesuaian atau tidak dengan kemahuan dan struktur penduduk di negeri Sabah atau di Sarawak itu sendiri. Parti PAS dan DAP juga telahpun menubuhkan ranting dan cawangan mereka di negeri Sabah. MCA, MIC dan Gerakan juga, khabarnya, akan menubuhkan cawangan parti mereka di negeri tersebut.

Sebenarnya bagi kepentingan politik Kebangsaan Malaysia, penubuhan UMNO di Sabah boleh dianggap suatu langkah nasional, kerana dengan wujudnya UMNO di negeri Sabah atau seterusnya di Sarawak, perpaduan nasional melalui parti-parti politik kebangsaan akan dapat diwujudkan di negara ini. Hal yang sama pernah berlaku di Singapura dulu.

Malah secara khusus penubuhan parti UMNO yang menjadi teras kepada pemerintahan Pusat, dikira amat penting bagi mewujudkan interaksi dan kesinambungan antara pemerintahan Pusat dengan pemerintahan Negeri itu sendiri.

Sebelum ini interaksi dan kesinambungan parti-parti politik di Sabah dengan pemerintahan Pusat hanya berasaskan sama ada parti yang memerintah negeri itu bergabung di dalam Barisan Nasional atau tidak.

Sekiranya parti yang memerintah Sabah itu tidak bergabung dengan Barisan Nasional seperti PBS sekarang, maka interaksi dan kesinambungan pemerintahannya menjadi amat sukar.

Dalam lain-lain perkataan, pengwujudan UMNO di negeri Sabah dikira amat relevan kerana mengikut sejarah masa lampau, parti-parti politik yang memerintah Sabah mengikat kontraknya dengan Barisan Nasional berlaku di dalam bentuk yang amat longgar sekali.

Mereka boleh masuk dan mereka boleh keluar dengan begitu mudah sekali. Ini tidak menguntungkan perpaduan nasional yang cuba kita pertahankan itu. Oleh yang demikian apakah wujudnya UMNO di negeri itu, besar kemungkinan parti itu boleh menyelaraskan apa-apa masalah jika berlaku sebarang pergolakan dan konflik kepimpinan di negeri itu.

Dengan wujudnya UMNO di negeri itu juga, kedudukan ekonomi Bumiputera dan kedudukan agama Islam di

Sabah, dijangka akan dapat dipertahankan.

Demikian, antara lain, apa yang dapat saya fahamkan daripada rancangan penubuhan UMNO di negeri Sabah itu.

Objektif rancangan ini, pada dasarnya, dikira menasabah dan cukup baik. Impiannya untuk melihat perpaduan kebangsaan yang lebih luas dan kukuh di antara negeri-negeri di Semenanjung melalui perpaduan politik, adalah impian yang sama, yang dicetuskan oleh Almarhum Tunku ketika beliau mencadangkan penubuhan Malaysia dahulu.

Tetapi impian dan realiti ghalibnya sukar sejalan dan sukar mencapai matlamat jika teori dan praktikal tidak dikaji terlebih dulu secara detail, saksama dan berdasarkan kenyataan semasa yang wujud ketika ini.

Menubuhkan cawangan dan bahagian UMNO di negeri Sabah tidak ada halangannya dari segi apapun juga, tetapi menentukan supaya parti itu berjaya, berwibawa, mendapat sokongan rakyat di samping ianya tidak menimbulkan konflik perpaduan yang lebih luas antara rakyat Sabah dengan pemimpin-pemimpin politik di Semenanjung, mestilah diambilkira dan dikaji dari pelbagai segi dan aspek.

Kajian dan penelitian ini dikira amat penting dan mustahak bagi menjaga supaya kepentingan nasional dan interaksi pelbagai suku kaum di Sabah dan di Semenanjung dapat dipertahankan terus. Dan yang lebih penting lagi ialah supaya maruah dan survival perjuangan parti UMNO tidak menjadi terencat akibat tindakan-tindakan sebahagian besar daripada pemimpin parti yang terlalu ghairah itu.

Jikalau penubuhannya nanti tidak membawa manfaat kepada Bumiputera, orang Melayu dan agama Islam di negeri Sabah, tetapi sebaliknya menimbulkan konflik perpaduan yang lebih luas antara penduduk di negeri itu di satu pihak dengan pemimpin politik Sabah dengan

pemimpin politik di Semenanjung di satu pihak yang lain, maka ada baiknya rancangan tersebut sepatutnya dibekukan sementara kepada suatu masa lain yang lebih sesuai supaya konflik yang wujud itu dapat dipulihkan terlebih dulu.

Saya timbulkan saranan ini bukanlah kerana saya bersikap negatif atau tidak bersetuju UMNO dibawa ke Sabah. Sebagai orang Melayu dan beragama Islam, saya tentulah bersyukur jika UMNO dapat mengembangkan sayapnya bukan saja ke negeri Sabah tetapi juga ke negeri Sarawak. Kemasukan UMNO ke dalam negeri-negeri berkenaan akan membolehkan kepentingan Melayu, kepentingan Bumiputera, kepentingan Islam dan kepentingan kebangsaan dapat dipertahankan.

Inilah asas dan kerjasama antara pelbagai bangsa dan kaum ketika Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan daripada penjajahan British dulu dan inilah juga asas dan kerjasama ketika Malaysia dibentuk dalam tahun 1963 lalu.

Di dalam hubungan ini, sebelum UMNO dapat mengembangkan sayapnya ke Sabah, kedudukan dan struktur batang tubuh UNMO itu sendiri dalam hubungannya dengan kedudukan dan struktur penduduk di negeri Sabah sepatutnya dikaji dan diteliti terlebih dulu berdasarkan suasana dan realiti yang wujud di Sabah ketika ini.

Sebarang muslihat yang timbul berdasarkan perasaan marah, dendam atau demi kepentingan tokoh tertentu, seharusnya bukanlah menjadi sebab yang mendorong kepada penubuhan tersebut.

Apa yang penting ditinjau, ialah sama ada relevan atau tidaknya UMNO ditubuhkan di negeri Sabah ketika ini atau sama ada ia memberi manfaat kepada kepentingan integrasi nasional atau tidak di dalam jangka panjangnya.

Jikalau kita meneliti Perlembagaan UMNO Baru, Fasal 3,

mengenai Asas dan Tujuannya, ia menyebutkan bahawa '*UMNO adalah sebuah parti politik yang berjuang mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mempertahankan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara.*' Fasal 4, mengenai keahlian pula, Perlembagaan UMNO Baru itu menyebutkan:

- 4.1 *Ahli -ahli UMNO adalah dua jenis:*
  - 4.1.1 *Ahli Biasa dan.*
  - 4.1.2 *Ahli Bergabung.*
- 4.2 *Ahli Biasa ialah warganegara Malaysia berbangsa Melayu atau Bumiputera yang berusia 18 tahun ke atas.*
- 4.3 *Ahli Bergabung ialah sebuah pertubuhan politik yang bersetuju bekerjasama dengan UMNO dan menerima syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi.*

Jikalau kita meneliti asas dan tujuannya, kita mendapati perjuangan UMNO ialah mendukung cita-cita Kebangsaan Melayu demi mempertahankan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara. Ini bermakna, secara khusus dan khas, parti itu berjuang untuk kepentingan kebangsaan Melayu sebagai suatu bangsa dan mempertahankan maruah Melayu, agama Islam dan negara Malaysia sebagai tanahairnya.

Jikalau tafsiran ini dapat dipakai, maka adalah jelas bahawa perjuangan UMNO semata-mata untuk kepentingan dan martabat Melayu, agama Islam dan negara Malaysia. Bangsa-bangsa lain yang bukan Melayu dan bukan agama Islam, terkeluar dari asas dan tujuan perjuangannya.

Dalam fasal keahliannya pula kita melihat bahawa yang boleh menjadi ahli UMNO ialah Ahli Biasa, iaitu warganegara Malaysia berbangsa Melayu atau Bumiputera yang berusia 18 tahun ke atas. Dan Ahli Bergabung pula,

ialah sebuah pertubuhan politik yang bersetuju bekerjasama dengan UMNO dan menerima syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi parti.

Dalam fasal ini, ada beberapa kategori yang boleh menjadi ahli UMNO, iaitu orang Melayu, *Bumiputera* warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas dan pertubuhan politik yang bersetuju dengan perjuangan UMNO serta menerima syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi.

Ini bermakna keanggotaan UMNO bukan saja terbuka kepada orang-orang Melayu, tetapi juga terbuka kepada orang-orang bukan Melayu, asalkan ia termasuk di dalam kategori *Bumiputera* sekalipun Melayu dan *Bumiputera* ini bukan beragama Islam.

Di Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak, istilah *Bumiputera* bukan saja termasuk Melayu, tetapi juga orang-orang Asli seperti Sakai, Semang, Jakun, Iban, Murut, Bajau, Dusun/Kadazan, Illanun, Sungi, Jawa, Suluk, Banjar, Tidung, Bisaya, Kedayan dan sebagainya, kecuali Cina, India, Serani dan Eropah.

Mereka yang bertaraf *Bumiputera* ini bukan saja ada yang tidak beragama, beragama Islam, beragama Kristian, Buddha, Hindu dan sebagainya, tetapi juga ada yang bertukar-tukar agama seperti pakaian basahan. Kesemua mereka ini, asalkan warganegara dan berumur 18 tahun ke atas, layak menjadi ahli UMNO.

Berdasarkan Asas dan Tujuan perjuangan UMNO dengan keanggotaan ahlinya sebagaimana yang termaktub di dalam perlumbaan parti baru itu, kita mendapat bahawa kesukaran besar yang dihadapi oleh UMNO apabila ianya ditubuhkan di negeri Sabah, ialah berhubung dengan dasar perjuangannya itu. Perjuangan UMNO ialah untuk kepentingan Kebangsaan Melayu dan mempertahankan maruah dan martabat bangsa Melayu; agama; iaitu agama

Islam dan negara; iaitu negara Malaysia.

Di dalam hubungan ini, signifikasi UMNO di negeri Sabah, hanya terletak kepada dua faktor, iaitu faktor agama dan faktor Melayu. Jikalau faktor agama diambil kira, maka peluang untuk UMNO wujud di Sabah mungkin boleh diterima kerana *Bumiputera Islam* di Sabah terdapat kira-kira 40%, tetapi jikalau faktor Melayu menjadi penentu kepada kejayaan parti itu, maka harapannya adalah sukar kerana jumlah orang-orang Melayu di Sabah lebih kurang 10% sahaja.

Satu perkara yang boleh dipertikaikan ialah sekalipun jumlah *Bumiputera Islam* dan bukan Islam di Sabah melebihi paras 50%, namun adalah sukar bagi mereka menerima UMNO sebagai sebuah parti alternatif yang dapat memperjuangkan kepentingan mereka, terutamanya rupabangsa mereka bukanlah Melayu dan agama mereka bukanlah Islam. Perbezaan zahir yang jelas ini dan perbezaan batin mereka yang amat sentimental itu merumitkan kehadiran UMNO itu sendiri.

Persoalan perbezaan rupabangsa, suku kaum, agama, ideologi politik dan kebudayaan ini menjadi lebih konflik lagi apabila parti UMNO itu diimport daripada Semenanjung dan bukannya lahir daripada negeri Sabah sendiri.

Ini seakan-akan memberi tanggapan bahawa kedatangan UMNO ke Sabah bukan sebenarnya bagi menyelamatkan orang-orang Melayu atau *Bumiputera Islam* di Sabah yang dikatakan tertindas itu, tetapi juga ia lebih merupakan satu gerakan untuk memusnahkan parti-parti politik tempatan di Sabah sendiri, termasuk parti PBS, USNO dan lain-lain.

Sudah tentu tanggapan ini tidak dapat dielakkan kerana pada masa USNO dan BERJAYA memerintah dulu, perkara membawa UMNO ke Sabah ini tidak pernah dipraktikkan walaupun ia telah dicadangkan oleh Tun Mustapha sejak 27 tahun lalu.

Apakah dalam masa 27 tahun dulu soal-soal politik yang bercorak kebangsaan antara Sabah dan Semenanjung masih tidak perlu diwujudkan? Mengapa pemimpin-pemimpin Pusat seperti Almarhum Tunku, Allahyarham Tun Razak, Tun Hussein Onn dan lain-lain pemimpin UMNO tidak komited dengan cadangan Tun Mustapha itu?

Adakah sebelum itu mereka sudah menyedari bahawa oleh sebab perbezaan-perbezaan realiti yang saya sebutkan di atas tadi, menyebabkan mereka enggan untuk menubuhkan UMNO di negeri Sabah? Mengapa selepas PBS memerintah Sabah, baru perkara ini mahu dipraktikkan? Adakah selepas lima tahun PBS berkuasa, baru disedari bahawa Sabah memerlukan sebuah parti politik seperti UMNO untuk menggerakkan kegiatan politik kebangsaan di negeri Sabah sehingga untuk menjadi realiti, UMNO terpaksa membukakan pintu keahliannya kepada kaum Bumiputera yang bukan Melayu dan bukan Islam?

Tidakkah dengan membawa masuk UMNO ke negeri itu ketika PBS berkuasa, menggambarkan seolah-olah Kuala Lumpur mahu menekan Kota Kinabalu kerana pemerintah Sabah ketika ini bertentangan dengan pemerintah Pusat?

Atau adakah pada pandangan UMNO dengan penangkapan Datuk Pairin yang dikatakan melakukan penyalahgunaan kuasa itu, kekuatan dan kewibawaan PBS akan terjejas teruk dan ini akan memberi laluan yang mudah bagi UMNO mengembangkan sayapnya di negeri Sabah?

Kesemua persoalan ini timbul secara mendadak dan amat menarik untuk dilihat dan dibahaskan secara rasional atau emosional – bergantung kepada apa dan bagaimana persoalan ini dapat kita lihat.

Seperkara lain yang perlu ditinjau lebih jauh lagi ialah soal adakah dengan kemasukan UMNO ke negeri Sabah itu, Bumiputera Islam atau tidak Islam di negeri itu mahu

menyertai UMNO? Bukankah faktor sejarah dan realiti politik ketika ini menunjukkan dengan jelas bahawa sebahagian besar daripada rakyat Sabah tidak bersetuju dengan cara dan taktik kepimpinan kerajaan Pusat mengendalikan urusan pentadbirannya dengan kerajaan negeri Sabah?

Adakah pemimpin-pemimpin UMNO menyedari bahawa sebahagian daripada pemimpin-pemimpin politik Sabah yang mahukan kemasukan UMNO ke negeri itu terdiri daripada mereka yang kecewa dan sudah ditolak oleh rakyat, lalu mencuba merebut peluang menjadi pemimpin di dalam UMNO tempatan pula dengan harapan mendapat pangkat dan kedudukan mereka kembali melalui parti baru itu?

Tidakkah kita menyedari bahawa dengan melantik orang-orang yang telah ditolak oleh rakyat ini menjadi pemimpin UMNO tempatan di Sabah, ia akan merosakkan imej dan maruah UMNO itu sendiri dan akibatnya sekali lagi rakyat akan menolak UMNO, seperti juga mereka menolak USNO, BERJAYA, AKAR, PRS dan lain-lain di dalam pilihanraya yang lalu dan yang akan datang?

Tidakkah boleh dijadikan contoh betapa keputusan pilihanraya kecil di Sipitang dan di Sulabayan awal Disember lalu menunjukkan bahawa kehadiran dan usaha Encik Ghafar Baba itu tidak mendatangkan hasil kepada UMNO dan Barisan Nasional?

Segala andaian-andaian ini perlulah dikaji dan diteliti dengan serius dan rasional, kerana ia melibatkan kepekaan, aspek sikap, faktor nasionalisme dan sentimen perkauman serta keyakinan agama. Ia tidak boleh diambil mudah semata-mata kerana kita berfikir UMNO boleh menyatukan Bumiputera Islam atau non Islam di dalam USNO, BERJAYA, AKAR, PRS dan sebagainya di negeri Sabah, sedangkan di Semenanjung sendiri walaupun UMNO sudah berusia lebih 40 tahun ia belum juga berjaya menyatukan

seluruh orang Melayu di dalam parti itu, terutamanya selepas UMNO lama diharamkan.

Dalam bab pertama, saya telah menyebutkan bahawa pergolakan politik di Sabah, pada dasarnya, berkisar kepada isu perkauman, dominan agama dan kepercayaan tradisi.

Barangkali dominan agama boleh kita kesampingkan sementara kerana perjuangan UMNO untuk mempertahankan Islam, tetapi bagaimana dengan soal nasionalisme tempatan yang berteraskan perkauman dan kepercayaan tradisi yang amat unik itu?

Bolehkah kedua-dua persoalan ini kita anggap mudah dan enteng saja? Sudah tentu bahawa kedua-dua persoalan ini boleh menjadi sebab dan faktor dalam yang menghalang kepada dominan agama itu tadi. Ini kerana bagi rakyat yang bukan Islam, apalagi yang beragama Kristian atau mereka yang semasa di bawah pemerintahan USNO dan BERJAYA dulu ditekan begitu rupa, akan berusaha sedaya upaya bagi menghalang kemasukan UMNO ke negeri itu atau menekan potensinya daripada bertapak di negeri tersebut terus menerus.

Perlu diperhatikan bahawa masalah perkauman dan kepercayaan tardisi di kalangan penduduk di negeri Sabah berbeza dengan masalah perkauman dan kepercayaan tradisi di Semenanjung. Di Semenanjung, masalah perkauman hanya berkisar di antara suku kaum yang berlainan bangsa dan kepercayaan agama saja dan bukannya di dalam kesukuan kaum itu sendiri. Masalah perkauman kesukuan atau kepercayaan tradisi yang berbeza hampir-hampir tidak pernah terjadi di kalangan orang Melayu. Pada umumnya ciri-ciri kesukuan, puak, daerah dan kenegerian tidak lagi menjadi faktor utama yang menghalang kepada kerjasama dan perpaduan Melayu sebagai suatu keturunan Melayu inti.

Sebagai contoh di dalam politik UMNO sendiri misalnya, masalah pemilihan pemimpin bagi parti itu tidak lagi berasaskan suku, puak, daerah dan negeri sebagai garis penentu dalam membuat pemilihan.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, ketiga-tiga orang calon Naib Presiden yang berjaya di dalam parti itu terdiri daripada orang-orang utara saja, iaitu Datuk Sri Anwar Ibrahim, Datuk Sri Sanusi Junid dan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi. Malah Anwar dan Abdullah sendiri adalah dari satu negeri yang sama – Pulau Pinang.

Ini menunjukkan bahawa bagi orang-orang Melayu UMNO, sesiapa saja boleh diangkat menjadi pemimpin asalkan mereka yang diangkat itu mempunyai potensi kepimpinan yang baik dan berwibawa.

Soal calon itu mewakili suku mana, puak mana, daerah mana dan negeri mana, tidak lagi menjadi kriteria atau garis penentu bagi kejayaan seseorang calon.

Tetapi di negeri Sabah, fenomena seperti ini belum lagi boleh diterima dan diamalkan. Pemilihan bagi pemimpin-pemimpin politik di negeri itu bukan saja berasaskan kepada faktor suku kaumnya, kawasannya, daerahnya tetapi juga ditentukan oleh sikap perkauman dan kepercayaan tradisi yang ada kepada seseorang calon itu.

Oleh yang demikian kemasukan UMNO ke negeri itu bukan saja akan dianggap asing dan luar biasa bagi kebanyakan penduduk Sabah, malahan kemasukan parti itu akan disifatkan sebagai suatu lagi bentuk penguasaan politik oleh orang-orang Semenanjung ke atas negeri Sabah, walaupun secara relatifnya kepimpinan UMNO di negeri Sabah dipegang oleh pemimpin Sabah sendiri.

Ini akan menambahkan sikap negatif rakyat Sabah terhadap kepimpinan di Semenanjung yang sedia wujud itu. Walaupun dari segi legal dan realitinya, Sabah dan rakyatnya adalah sebahagian daripada Malaysia, namun

secara praktisnya sikap dan rasa 'kekitaan' sebagai sesuatu bangsa di kalangan rakyat Sabah dengan rakyat Semenanjung belum lagi wujud dan masih belum menjadi realiti sepenuhnya.

Berdasarkan sikap dan realiti ini, kemasukan UMNO ke negeri Sabah, walaupun secara automatiknya akan membolehkan parti itu mempunyai 20 bahagian di peringkat Pusat dan seterusnya memberikan kemungkinan kepada pemimpin-kepimpinan UMNO di negeri Sabah berpeluang bertanding sebagai Presiden UMNO dan menjadi Perdana Menteri, namun peluang dan impian ini hanya menjadi semacam pungguk kerinduan bulan saja kerana justeru sikap dan sentimen kedaerahan tidak wujud di dalam parti itu, namun jumlah perwakilan 20 bahagian saja adalah terlalu kecil untuk mempengaruhi lebih 130 Bahagian UMNO yang lain di Semenanjung.

Oleh itu tanggapan bahawa UMNO akan menjaga kepentingan Bumiputera dan agama Islam di Sabah sukar mempengaruhi keseluruhan rakyat Sabah, kecuali kemasukan parti itu hanya akan lebih dianggap sebagai suatu penguasaan politik di negeri itu di samping cuba untuk menghalalkan perjuangan beberapa orang pemimpin Sabah yang sudah bankrup di dalam politik di negeri tersebut melalui parti yang lain.

Berasaskan fenomena ini, sokongan Bumiputera Islam atau non Islam di negeri Sabah terhadap kemasukan UMNO, menjadi amat sukar dan payah. Ini kerana, selain dari sebab-sebab yang saya sebutkan tadi, di negeri Sabah sendiri sudah ada parti-parti politik yang berteraskan kesukuan kaum atau yang berteraskan agama Islam.

Jikalau USNO yang mewakili Bumiputera Islam dan jikalau BERJAYA yang mempunyai dasar perjuangan pelbagai kaumnya boleh ditumbangkan oleh sebuah parti lain yang baru ditubuhkan, apa halnya dengan UMNO yang mempunyai perjuangan yang asing sama sekali daripada

keperluan nasionalisme rakyat di negeri Sabah?

Sudah pasti hasil yang akan kita lihat nanti bukanlah kejayaan UMNO atau pun USNO, tetapi kekalahan dan kejatuhan yang timpa menimpa.

Pandangan dan fikiran ini, bagi setengah-tengah orang mungkin dianggap subjektif atau prejudis. Tetapi hakikat bahawa apa yang kita fikirkan betul di Kuala Lumpur, belum tentu betul pula di Kota Kinabalu.

Bagi mereka yang selalu berulang alik ke Sabah atau bagi orang-orang Semenanjung yang berada di negeri itu, hakikat betul atau tidak betul ini, boleh kita dapat jawapannya daripada mereka. Malah mereka mungkin akan membuat suatu kesimpulan yang melucukan, iaitu sasaran UMNO ke Sabah samalah seperti sasaran peluru berpandu Amerika ke atas bangunan-bangunan penting di Iraq di dalam Perang Teluk, sedang sebenarnya bangunan-bangunan penting itu hanyalah kotak-kotak palsu yang diperbuat daripada papan lapis.

Berdasarkan hipotesis dan realiti ini, saya boleh meramalkan bahawa sementara USNO telah gagal dalam lima kali pilihanraya yang lalu dan sementara BERJAYA pula telah gagal sebanyak tiga kali di dalam pilihanraya yang sama, kemasukan UMNO ke negeri Sabah pada waktu yang kritikal ini hanya akan menambahkan lagi sebuah parti politik dominan Melayu/Bumiputera/Islam yang akan gagal di negeri Sabah.

Kejayaan USNO meraih enam buah kerusi Parlimen dan 12 buah kerusi Dewan Undangan Negeri di dalam pilihanraya yang lalu, sepatutnya boleh dijadikan asas bahawa masa depan bagi parti Islam itu masih ada, tetapi kemasukan UMNO dan perletakan jawatan sebahagian besar daripada pemimpin-pemimpin USNO, termasuk Tun Datu Mustapha sendiri sebagaimana yang diumumkan baru-baru ini, sesungguhnya merupakan satu perjudian

politik yang amat terajis bagi rakyat Melayu dan Bumiputera Islam di negeri Sabah sendiri. (Saya akan bercakap mengenai perletakan jawatan pemimpin USNO ini di dalam bab yang lain).

Fenomena ini mungkin akan menyebabkan timbulnya suatu tanggapan pepatah bahawa '*yang dikehjarn tak dapat, yang dikendung pula keciciran*'.

Kelakuan dan tindakan lompat melompat di dalam parti politik di Sabah, nampaknya, mulai wujud kembali walaupun undang-undang telah diperbuat oleh kerajaan PBS bagi menghalang kelakuan dan perbuatan itu.

Nampaknya beberapa pilihanraya kecil terpaksalah diadakan sekali lagi akibat kelakuan dan tindakan tersebut. Bagaimanapun perkara ini bergantunglah kepada tafsiran undang-undang, kerana menurut Dr. Mahathir, USNO dan UMNO adalah anggota Barisan Nasional. Oleh itu kemasukan Tun Datu Mustapha dan rakan-rakannya ke dalam UMNO daripada USNO tidak menjelaskan mereka di dalam Perlembagaan Negeri Sabah, kerana USNO dan UMNO itu adalah di dalam satu gabungan.

Seperkara lain yang perlu diperhitungkan ialah bahawa kekuatan UMNO di Semenanjung tidak boleh dijadikan model untuk membawa parti itu ke negeri Sabah sewenang-wenangnya, terutamanya ketika parti itu sedang menghadapi kemelut kepimpinan dan krisis kepercayaan menjelang abad ke 21 ini.

Masalah kepimpinan parti dan persoalan batang tubuh UMNO itu sendiri misalannya, jika dikaji dari segi kekuatan dan pengaruhnya sejak dulu sampai sekarang tidaklah segagah mana. Ketahanan parti itu dan keupayaannya untuk terus konsisten di dalam pemerintahannya lebih banyak berdasarkan sikap tolak ansur di dalam gabungannya dengan parti-parti politik kesukuan yang lain seperti MCA dan MIC di dalam Perikatan dan kerjasama

dengan parti-parti politik kesukuan yang lain di Sabah dan Sarawak di dalam komponen Barisan Nasional.

Dalam semua bentuk gabungan dan kerjasama itu, apa yang menguntungkan UMNO ialah bahawa secara mutlak, pemimpin gabungan itu sendiri dipegang oleh Presiden UMNO. Ini dengan sendirinya memberikan digniti yang cukup relevan kepada kekuatan dan pengaruh parti UMNO itu sendiri.

Hal semacam ini tidak dapat dilakukan kerana parti-parti politik yang lain dan yang bergabung di dalam gabungan tersebut tidak mempunyai keupayaan, kekuatan dan pengaruh dominan seperti UMNO.

Jikalau UMNO tidak bergabung di dalam Perikatan atau Barisan Nasional atau bekerjasama dengan parti-parti politik kesukuan yang lain seperti PAS dan DAP, besar kemungkinan keupayaan, kekuatan dan pengaruh parti itu tidak segagah yang kita lihat sekarang.

Bagaimanapun keupayaan, kekuatan dan pengaruh UMNO yang dikatakan gagah itu mulai tercabar sekarang, terutamanya selepas UMNO lama diharamkan dan UMNO Baru ditubuhkan.

Bukti dari cabaran ini dapat kita lihat melalui keputusan Pilihanraya Umum yang lalu di mana prestasi kejayaan UMNO Baru berbanding dengan prestasi UMNO lama di dalam Pilihanraya Umum lama tahun 1986 lalu telah jatuh merosot. Daripada sejumlah 85 orang calonnya yang bertanding, hanya 70 orang saja yang mencapai kejayaan.

Ini bermakna bahawa daripada 180 kerusi Parlimen yang disediakan di bangunan Parlimen itu, kedudukan Melayu UMNO Baru hanya kira-kira lebih kurang 40% saja. Selain dari kemerosotan ini, negeri Kelantan pula telah jatuh ke tangan PAS dan Semangat 46. Ini menunjukkan bahawa akibat daripada perpecahan di dalam parti itu, UMNO kini memerlukan suatu pendekatan baru dan perubahan baru

yang lebih mencabar bagi mengekalkan kewujudannya.

Sebenarnya dalam banyak hal, pendekatan dan perubahan baru di dalam parti itu sudah boleh kita lihat sekarang. Parti UMNO sekarang tidak lagi bersifat sebuah parti politik yang khusus dan khas bagi orang Melayu sebagaimana yang termaktub di dalam Asas dan Tujuan, semangat dan aspirasi asal yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin Melayu UMNO lama dahulu.

Pendekatan dan perubahan yang nyata ini dapat kita lihat melalui keahlian anggota UMNO Baru seperti yang telah saya sebutkan sebelum ini tadi. Dari segi praktisnya, perubahan ini mungkin dibuat berdasarkan perkembangan semasa dan keperluan di dalam UMNO itu sendiri, tetapi dari segi semangat dan survival politik, UMNO Baru sekarang tidak lagi boleh dianggap melambangkan hasrat dan cita-cita perjuangan orang Melayu secara khas dan khusus.

Ciri-ciri dan sifat Melayu yang sepatutnya wujud di dalam parti itu seperti orang Melayu yang beragama Islam, boleh bertutur dan bercakap di dalam bahasa Melayu baku, mempunyai nama Melayu, mengamalkan cara hidup dan budaya Melayu dan bersikap nasionalisme Melayu, namunaknya tidak lagi menjadi prasyarat yang khas di dalam keahlian UMNO.

Sesiapa saja, sama ada dia beragama Kristian, Buddha atau agamaisme, atau sama ada dia boleh bercakap Melayu atau tidak, mempunyai nama Melayu atau tidak, ia boleh menjadi anggota UMNO asalkan ia seorang warganegara, berumur 18 tahun ke atas dan bertaraf *Sumiputra*.

Saya tidak pasti sama ada struktur keahlian UMNO ini dibuat dan ditambah hanya di dalam Perlembagaan UMNO Baru dan tidak di dalam UMNO lama. Saya menjadi sukar mendapat salinan Perlembagaan UMNO lama untuk tujuan membuat perbandingan sama ada Perkataan 'Sumiputra'

ini memang sudah lama diwujudkan di dalam fasal 4 perlombagaan lama parti itu atau ditambah di dalam Perlombagaan UMNO Baru. Yang saya pasti, undi subsidi yang baru diwujudkan oleh perlombagaan parti.

Bagaimana pun sebagaimana yang difahamkan, UMNO sebenarnya adalah kepunyaan dan hak orang-orang Melayu sendiri secara khusus dan khas. Sebab itulah pertubuhan itu diberi nama penuh: *Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu*, dengan tambahan 'baru' di depannya. Ini bermakna milik sebenarnya parti itu adalah kepunyaan orang-orang Melayu. Tetapi sekarang, dengan membolehkan Bumiputera lain yang bukan Melayu dan bukan beragama Islam menyertai parti itu, kedudukan dan pengertian 'Melayu' itu sudah berubah. Perubahan ini, secara realitinya, memberi kesan dan implikasi yang luas, bukan sahaja terhadap parti UMNO itu sendiri, tetapi juga kepada orang-orang Melayu UMNO itu juga.

Apa yang saya maksudkan dengan perubahan relatif ini ialah bahawa jikalau ramai orang yang bertaraf Bumiputera ini diterima menjadi ahli UMNO, sedangkan jiwa dan semangat mereka tidak bersifat Melayu serta sikap dan falsafah perjuangan mereka juga bercanggah dengan kepentingan Melayu dan agama Islam, maka apa guna dan faedahnya mereka menjadi ahli UMNO?

Adakah keahlian UMNO sekarang terbuka kepada dua kelas, iaitu kelas satu untuk orang-orang Melayu Islam dan kelas dua untuk orang-orang Bumiputera bukan Islam? Mahukah bumiputera bukan Islam di Sabah menjadi ahli kelas dua di dalam UMNO? Atau tidakkah pada suatu masa nanti, misalnya, apakala lebih ramai kaum Bumiputera menjadi ahli UMNO daripada orang-orang Melayu sendiri, kerana orang Melayu UMNO telah masuk PAS dan Semangat 46, maka mereka tidak akan mengubah Asas dan Tujuan UMNO yang bertentangan dengan kepentingan mereka itu?

Sebagai contoh misalnya, katakanlah Datuk Pairin atau Datuk Bernard Giluk Dompok atau Joseph Kurup menyahut seruan Dr. Mahathir membubarkan PBS, lalu memasuki parti UMNO. Katakanlah takdirnya ketiga-tiga mereka ini, oleh kerana mempunyai pengaruh, kedudukan dan kewangan yang kuat, telah berjaya mempengaruhi perwakilan UMNO Sabah untuk mencalonkan mereka menjadi presiden, timbalan presiden dan naib presiden di dalam satu Perhimpunan Agung UMNO.

Katakanlah Datuk Pairin mendapat 10 pencalonan untuk jawatan Presiden UMNO, Datuk Bernard juga mendapat 10 pencalonan untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO, dan Joseph Kurup pula mendapat sebanyak 20 pencalonan untuk jawatan Naib Presiden UMNO. Kesemua pencalonan ini datangnya dari 20 Bahagian UMNO Sabah. Takdirnya juga Datuk Pairin dan Datuk Bernard mendapat pencalonan sebanyak 50 bahagian tiap-tiap seorang daripada Bahagian-bahagian UMNO di Semenanjung untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO menjelang Perhimpunan Agung UMNO itu. Berdasarkan undi subsidi yang diperuntukkan kepada Presiden dan Timbalan Presiden UMNO sebanyak 10 undi bagi setiap pencalonan, ini bermakna Datuk Pairin dan Datuk Bernard secara otomatis mendapat sebanyak 600 undi bagi tiap-tiap seorang. Bagaimana kalau di dalam Perhimpunan Agung UMNO itu, Datuk Pairin dipilih sebagai Presiden UMNO, Datuk Bernard Giluk Dompok dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Joseph Kurup dipilih sebagai salah seorang Naib Presiden UMNO?

Tidakkah dengan pemilihan mereka ini, kedudukan Asas dan Tujuan perjuangan UMNO akan berubah? Adakah tidak munasabah, jika ketiga-tiga tokoh Bumiputera yang bukan Melayu dan Islam ini mengambil tindakan merombak dan mengubah struktur Perlembagaan UMNO Baru itu daripada perjuangan mendukung cita-cita kebangsaan Melayu dan martabat Islam di negara ini, kepada corak dan

## KEMASUKAN UMNO KE SABAH

haluan perjuangan UMNO yang lebih terbuka, bebas dan menyeluruh kepada bangsa dan agama yang lain, melalui satu Perhimpunan Agung Khas UMNO, di mana ketika itu kebanyakannya perwakilannya terdiri daripada Bumiputera bukan Islam?

Jikalau keadaan seperti ini terjadi, maka parti Melayu manakah lagi yang boleh memperjuangkan kebangsaan Melayu bagi mempertahankan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara? Tidakkah apakala perkara ini berlaku, maka UMNO itu akan menjadi seperti BERJAYA, PBS, GERAKAN, DAP dan sebagainya dan ia tidak lagi boleh berupaya untuk mempertahankan maruah dan martabat kebangsaan Melayu dan agama Islam?

Dipandang secara relatif, maka andaian yang saya kemukakan di atas akan sukar menjadi kenyataan. Tetapi dari segi teori dan jangka panjangnya, fenomena yang semacam ini bukanlah mustahil tidak boleh berlaku, terutamanya apabila parti ini dibawa masuk ke Sabah di mana rakyat Bumiputera di negeri itu begitu didorong untuk berpolitik. Ia akan berlaku secara mudah, apabila parti UMNO itu sendiri boleh dijadikan alat untuk kepentingan sesuatu pihak. Mereka boleh berpura-pura mendukung cita-cita Kebangsaan Melayu dan agama Islam, tetapi apabila mereka mendapat kuasa di dalam parti atau kerajaan, nawaitu mereka sendiri akan menentang dasar dan perjuangan UMNO itu.

Sekarang pun sudah ada orang-orang Melayu sendiri yang mempergunakan UMNO sebagai alat kepentingan mereka, sedangkan semangat dan jiwa Melayu/Islam mereka itu terlalu goyah.

Kesan dan implikasi lain yang boleh kita lihat nanti, ialah andainya pada suatu masa nanti, majoriti ahli UMNO dikuasai oleh Bumiputera yang bukan Islam, apa akan jadi kepada UMNO dan apa akan jadi kepada perjuangan orang-orang Melayu?

Tidakkah pada masa itu nanti, UMNO tidak lagi boleh menjadi '*payung*' kepada orang-orang Melayu, di mana pada masa itu juga, oleh kekuatan dan majoriti ahli, Presiden UMNO dan Perdana Menteri sendiri tidak lagi dipegang oleh orang-orang Melayu?

Jikalau andaian ini boleh berlaku, maka bukan saja Asas dan Tujuan UMNO akan dipinda, tetapi pengertian Bumiputera itu juga akan dipinda dengan mentakrifkan bahawa orang-orang bukan Melayu dan bukan Bumiputera juga akan diberi pengertian *Bumiputera*, asalkan ia dan keluarganya lahir di negara ini. Gejala ini sudahpun terbayang, apabila beberapa tahun lalu berlaku pergeseran antara Datuk Lim Kim Sai dengan Pemuda UMNO mengenai isu ketuanan Melayu, di mana Encik Ghafar Baba sendiri kemudiannya telah membuat kenyataan yang mengejutkan bahawa orang Cina dan India yang lahir di negara ini tidak lagi boleh dianggap keturunan '*imigran*'.

Demikianlah tafsiran yang boleh kita buat berdasarkan pendekatan dan perubahan baru yang dijalankan oleh UMNO menjelang tahun-tahun abad ke 21 ini.

Pendekatan dan perubahan ini, secara langsung atau tidak, membayangkan perubahan fizikal dan spiritual yang ketara di dalam batang tubuh UMNO itu sendiri. Dari satu segi, perubahan ini boleh menguntungkan kemantapan parti itu, terutamanya dari segi menambahkan jumlah keahlian UMNO. Dengan terbukanya kerangka keanggotaan parti itu, jumlah keahlian UMNO akan bertambah besar lagi. Tetapi dari segi tujuan, semangat dan aspirasi rakyat Melayu, dasar keterbukaan itu akan menghakiskan secara beransur-ansur perjuangan mendukung cita-cita Kebangsaan Melayu dan agama Islam di negara ini.

Inilah salah satu puncanya mengapa berlaku pergeseran di dalam UMNO semasa parti itu di bawah kepimpinan Datuk Onn Jaafar dulu, sehingga akhirnya beliau terpaksa

meninggalkan UMNO. Sekarang nampaknya perubahan ini tidak lagi menjadi persoalan yang besar kepada parti UMNO yang baru itu.

Inilah agaknya mengapa setengah-tengah - orang menuduh bahawa UMNO Baru sekarang tidak lagi mencerminkan hasrat dan cita-cita bangsa Melayu. Mereka mendakwa UMNO sekarang adalah UMNO ciptaan Dr. Mahathir Mohamad sendiri.

Berdasarkan pendekatan dan perubahan baru inilah juga, mengapa UMNO merasa wajar mengembangkan sayapnya di negeri Sabah secepat yang boleh. Berpandukan sikap keterbukaan keahlian partinya inilah, dimensi UMNO di Sabah perlu dibangunkan segera, terutamanya ketika beberapa orang pemimpin PBS telah ditangkap dan ditahan di bawah beberapa kesalahan penyelewengan kuasa, rasuah dan Akta ISA.

Ini akan memberikan kesempatan kepada beberapa orang pemimpin politik lain di dalam USNO, BERJAYA, AKAR dan sebagainya untuk mencuba membangunkan semula dimensi politik mereka yang dulunya telah jatuh itu. Sejauh manakah strategi ini dapat digerakkan di dalam kemasukan UMNO itu, hanya masa dan keadaan sajalah yang akan menentukannya.

Bagaimanapun di tengah-tengah percubaan untuk menghidupkan UMNO di negeri Sabah itu, satu perkara lain yang perlu diambilkira ialah sikap kepimpinan politik rakyat Sabah sendiri terhadap kemasukan UMNO itu dan terhadap kepimpinan Pusat itu sendiri.

Sikap ini ialah sikap yang berbau negatif yang sekian lama bersarang di tengah-tengah kemelut politik di negeri itu. Sikap negatif inilah yang menimbulkan tanggapan buruk sehingga mendorong wujudnya apa yang saya sebutkan di awal rencana ini tadi, iaitu sikap '*anti Semenanjung*', sikap '*anti kerajaan Pusat*' dan anggapan '*penjajahan bentuk baru*'.

Sikap dan tanggapan-tanggapan buruk itu ialah: Pertama, perasaan anti Semenanjung atau anti kerajaan Pusat adalah akibat daripada sebahagian besar tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh kerajaan PBS kepada kerajaan Pusat, sehingga ini belum lagi dipenuhi. Saya akan bercakap tentang isu tuntutan PBS ini di dalam bab yang akan datang.

Kedua, kepimpinan PBS menganggap bahawa sekalipun PBS dan USNO dulunya menjadi komponen Barisan Nasional, namun kepimpinan Barisan Nasional Pusat lebih banyak memihak kepada kepentingan USNO.

Contohnya, dalam Pilihanraya Umum 1986 lalu, USNO dibenarkan menggunakan gambar Dr. Mahathir untuk kempen-kempen pilihanraya mereka. Ketiga, kedudukan PBS di dalam Barisan Nasional lebih banyak menguntungkan kerajaan Pusat sendiri daripada faedahnya kepada negeri Sabah.

Contohnya, pembahagian hasil bumi dan laut Sabah yang diperolehi oleh kerajaan Pusat, lebih banyak daripada peruntukan yang diberikan oleh kerajaan Pusat kepada negeri Sabah itu sendiri. Dan keempat, kepimpinan Pusat lebih banyak mendengar hasutan dan fitnah daripada kepimpinan parti-parti pembangkang bahawa kepimpinan PBS dikatakan menjalankan pentadbiran secara tidak adil, rasuah dan menekan kepada keturunan Islam.

Keempat-empat perkara ini menjadi sebab mengapa kepimpinan PBS bertindak keluar daripada Barisan Nasional dan memberi sokongan kepada konsep Gagasan Rakyat.

Tindakan ini mempunyai risiko yang besar kepada kepimpinan PBS, tetapi di dalam situasi yang menekan ketika Datuk Pairin menemui Dr. Mahathir di Kota Kinabalu lima hari sebelum Pilihanraya Umum yang lalu, pilihan yang ada bagi Datuk Pairin ketika itu ialah dengan

mengisyiharkan PBS keluar daripada Barisan Nasional, walaupun tindakannya itu tidak akan menjelaskan kedudukan PBS dan kedudukannya sendiri kerana parti PBS sudahpun berkuasa di negeri Sabah. Malah dengan tindakannya itu, beliau bersedia menghadapi kemungkinan di dalam Pilihanraya Parliment. Bagaimanapun nampaknya, apa yang dilakukannya itu telah dipersejutui oleh rakyat apabila keputusan Pilihanraya Parliment ini menunjukkan kesemua 14 orang calon PBS telah mencapai kejayaan yang besar.

Sebagai sebuah parti yang mendapat sokongan majoriti rakyat, sikap dan tindakan PBS itu seharusnya diteliti dan dikaji oleh Barisan Nasional sendiri.

Alasan bahawa kemenangan parti itu disebabkan oleh sokongan, bantuan dan penggunaan jentera-jentera kerajaan Negeri, bukanlah alasan yang kuat. Di Semenanjung sendiri, Barisan Nasional juga mempergunakan pelbagai kemudahan yang ada untuk memperoleh kemenangan di dalam pilihanraya.

Oleh itu elemen-elemen ini tentulah bukan alasan yang konkrit dan tidak boleh dipertikaikan. Tuduhan bahawa kerajaan PBS lebih banyak memihak kepada suku kaum Kadazan daripada suku kaum Melayu/Islam yang lain dan tuduhan bahawa pemimpin PBS dikatakan mencetuskan semangat '*Sabah untuk rakyat Sabah*' saja tanpa memperdulikan semangat nasionalisme Malaysia, haruslah diteliti sebab dan akibatnya secara lebih mendalam lagi, terutamanya mencari sebab mengapa semangat itu boleh timbul dan adakah ia berpuncak daripada wujudnya jurang pemisahan yang ketara di antara kepimpinan kerajaan Pusat dengan pemimpin kerajaan Negeri selama ini.

Di dalam hubungan ini, satu perkara yang perlu dipertimbangkan oleh kepimpinan politik di Kuala Lumpur ialah bahawa kerajaan Pusat tidak boleh melihat atau menganggap negeri Sabah, dalam kebanyakannya fizikal dan spiritualnya, sama dengan negeri-negeri lain di Semenanjung.

Jika penglihatan dan anggapan ini kita anggap sama, maka ia adalah satu kesilapan yang besar dan perlu dibetulkan segera.

Adalah perlu diperhatikan bahawa kesediaan Sabah untuk merdeka di dalam Persekutuan Malaysia, melalui beberapa persetujuan pokok yang perlu dipatuhi. Sebagai contoh misalnya, dalam laporan Suruhanjaya Lord Cobbold dulu, terdapat satu kenyataan yang menyebut bahawa rakyat Borneo (termasuk Sarawak dan Sabah) diberi kebebasan untuk menyuarakan pendapat dalam perkara-perkara yang mereka rasakan perlu bagi kepentingan negeri-negeri yang berkenaan selepas Malaysia dibentuk.

Berasaskan laporan inilah barangkali pihak kepimpinan PBS di Sabah menyuarakan apa yang mereka rasakan perlu, tetapi malangnya oleh kerana kita tidak bersedia untuk mendengar dan mempertimbangkannya, maka konflik dan pergeseran itu mudah terjadi.

Dari segi geografi, politik dan sosio-budayaannya pula, kita mempunyai masalah dan kelainan yang amat ketara, apalagi jikalau kita mengkaji sejarah dan politik persekitaran, kita akan dapati bahawa Sabah seperti juga dengan Sarawak terletak di sebuah pulau yang sama dengan Kalimantan Indonesia dan Brunei serta berhampiran pula dengan Filipina.

Dalam hubungannya dengan Semenanjung yang lebih jauh, tentulah perbezaan-perbezaan yang ketara ini boleh dilihat di dalam struktur sosio-budaya, suasana politik dan faktor ekonomi. Suasana dan iklim yang berbeza ini mempunyai kesan dan implikasi yang besar di dalam pengaruh mempengaruhi di kawasan persekitaran ini.

Tidak dapat tidak, jika kita menyamakannya dengan negeri-negeri lain di Semenanjung, atau jika kita tidak mahu melihat dan memberikan beberapa kebebasan tertentu seperti mana yang disebutkan di dalam laporan

Cobbold itu, maka konflik yang sedang kita hadapi dengan Sabah sekarang, tidak mungkin dapat kita kendurkan begitu mudah.

Jika sesuatu langkah dan pendekatan baru tidak diusahakan untuk menyelesaiannya, konflik yang terjadi itu akan menjadi busung dan kudis yang parah di dalam struktur perpaduan di Malaysia, sama hanya dengan busung dan kudis yang pernah berlaku sebelum Singapura dikeluarkan daripada Malaysia dahulu. Peristiwa ini juga telah berlaku di India menyebabkan lahirnya negara Bangladesh yang baru. Gejala ini perlulah diberi perhatian yang serius oleh pemimpin-pemimpin kita sebelum nasi menjadi bubur.

Pemisahan Singapura di dalam Malaysia sesungguhnya menyedihkan kita. Segumpal tanah milik warisan Melayu inti itu telahpun terlepas ke tangan orang lain. Ia telah menjadi milik imigran yang lain.

Tentulah peristiwa yang menyedihkan ini tidak patut berulang lagi bagi negeri Sabah. Kita lebih bersetuju Brunei tidak menyertai Malaysia kerana ia masih terus menjadi milik Melayu inti. Tetapi kita tentulah tidak bersetuju jika Sabah menjadi Singapura atau Brunei semata-mata kerana kita gagal menghayati sejarah dan politik pemerintahan.

Anak cucu kita nanti akan mengutuk kita kerana gagal mempertahankan hak warisan dan kekuasaan Melayu nusantara yang kita miliki ini hanya disebabkan oleh kepentingan-kepentingan yang tidak hakiki oleh beberapa orang pemimpin politik yang tamakkan kuasa.

Apabila saya bercakap tentang perpaduan Melayu inti di dalam nusantara yang lebih luas ini, saya tidak bermaksud untuk menyalahkan atau membenarkan pemimpin UMNO, USNO atau pemimpin PBS.

Nawaitu saya adalah jelas dan simple, iaitu saya hanya bercakap tentang betapa pentingnya warisan Melayu di

nusantara ini dikekalkan dan dipertahankan. Di dalam masa yang sama, pemahaman dan penghayatan yang berasaskan kepada kepentingan dan kerjasama dengan kaum-kaum yang lain perlulah pula dilaksanakan. Sikap dan tanggungjawab ini amat penting bukan saja untuk kesinambungan sejarah rumpun Melayu itu sendiri, tetapi juga untuk memupuk dan mengekalkan integrasi nasional sebagaimana yang menjadi dasar kepada pembentukan Malaysia dulu.

Sementara di kawasan-kawasan lain di mana Jerman Timur dan Jerman Barat boleh bersatu dan sementara Korea Utara dan Korea Selatan sedang cuba mengasimilasikan kedudukan kedua-dua negara itu, adalah menyediakan pula jika lau di dalam negara Malaysia sendiri terdapat percubaan untuk bertelingkah dan mewujudkan konflik dan suasana yang tegang di kalangan pemimpin politik untuk mengecil dan memisahkan kuasa yang diberikan oleh rakyat, secara tidak sihat dan tidak demokratik.

Sikap dan tindakan yang tidak rasional ini mestilah dihentikan. Atas nama demokrasi dan perpaduan nasional, kesedaran untuk mewujudkan penyelesaian berdasarkan tolak ansur dan pengertian hendaklah dibuat.

Kesediaan untuk mencari formula keadilan dan kesaksamaan bagi setiap negeri berasaskan perjanjian dan kepentingan pelbagai suku kaum rakyat di dalamnya mestilah diusahakan. Usaha-usaha ini mestilah melangkaui batas-batas ideologi politik, sentimen perkauman, kefanatikan agama dan nasionalisme yang sempit dan taksub.

Perlulah diperingatkan bahawa pembentukan Malaysia mengalami suatu pengalaman pahit yang mengharukan kita. Tokoh-tokoh nasionalisme kita telah memperjuangkan konsep perpaduan ini dengan penuh kesukaran dan kepayahan. Janganlah kerana sebab '*nila setitik... susu sebelanga kita musnahkan.*'

Demi perpaduan negara, kita tidak mempunyai pilihan lain untuk mempertahankan konsep nasionalisme kita ini, kecuali dengan kerjasama, tolak ansur dan kesepakatan bagi sementara kepentingan nasional dapat dipelihara, kepentingan-kepentingan pelbagai suku kaum yang lain juga dapat diwujudkan.

Bagi mencapai objektif ini, kita sepatutnya dapat mengelakkan daripada bercakap tentang perpaduan nasional di suatu tempat dan mempersendakan perpaduan nasional itu sendiri di tempat yang lain pula. Ini bukan saja suatu kelucuan dan ironis, tetapi juga ia amat menyediakan bagi kita semua.

Kesimpulan dari bab ini, saya suka menyatakan pendapat saya bahawa perubahan fizikal di dalam UMNO itu, iaitu dasar keterbukaan bagi keahliannya tidak banyak diketahui oleh orang-orang Melayu sendiri. Sejak UMNO lama ditubuhkan oleh 41 buah pertubuhan-pertubuhan Melayu dalam bulan Mei 1946 lalu dan sejak UMNO Baru ditubuhkan pada tahun 1988 lalu, inilah baru kita mengetahui bahawa keanggotaan UMNO tidak lagi khas dan khusus untuk orang-orang Melayu sahaja, tetapi juga terbuka kepada *Bumiputera yang bukan Melayu dan bukan Islam*.

Tidaklah diketahui sama ada perubahan ini disedari, diketahui dan dipersetujui oleh seluruh ahli Melayu UMNO seluruhnya atau tidak. Selama ini saya tidak pernah mendengar persoalan ini dibahaskan, kecuali undi subsidi presiden dan timbalan presiden yang dibangkitkan.

## Bab 4

# SIKAP DAN PERJUANGAN RAKYAT SABAH

● Kami menuntut semula hak-hak ke atas Pulau Labuan itu kerana kami merasakan telah kehilangan sebahagian daripada milik kami punya .

— Datuk Pairin

**D**IBANDINGKAN dengan kemajuan yang dicapai oleh negeri-negeri lain di Semenanjung, negeri Sabah masih terbelakang kira-kira sepuluh atau lima belas tahun. Perbandingan ini tidak bermakna bahawa negeri Sabah masih mundur dalam semua aspek pembangunan dan pemodenan seperti yang dilihat sebelum negeri itu mencapai kemerdekaan dahulu.

Sebagai sebuah negeri yang sudah merdeka sejak 27 tahun lalu, Sabah sebenarnya sudah mencapai pembangunan yang pesat, seakan-akan pembangunan fizikal di negeri tersebut tidak dapat diikuti oleh sebahagian penduduknya yang masih di pinggir yang terikat oleh pelbagai sikap konservatif dan tradisi yang turun temurun.

Bagaimanapun pembangunan dalam erti yang lebih bermakna bukanlah pembangunan yang bersifat fizikal dan material semata-mata. Pembangunan dalam erti yang lebih canggih dan bermakna ialah pembangunan yang diselaraskan dengan kepentingan moral dan spiritual. Inilah pembangunan sebenarnya yang dikehendaki oleh sesuatu bangsa yang merdeka.

Dalam zaman pemerintahan USNO dan BERJAYA, pembangunan yang bercorak fizikal dan material lebih

banyak ditekankan sehingga kepentingannya dengan pembangunan yang bercorak moral dan spiritual tadi tidak dipedulikan langsung. Akibatnya struktur penghidupan rakyat menjadi kacau bilau dan tidak menentu. Pembangunan yang seperti ini menjadi amat kabur dan tidak berorientasi kepada konsep pembangunan yang sebenar.

Apa yang berlaku di Sabah, lebih banyak bergantung kepada apa yang patut diarahkan dari Kuala Lumpur. Sebenarnya pergantungan yang serupa ini bukanlah luar biasa dan ganjil. Hampir kesemua negeri di Semenanjung juga bergantung kepada apa yang patut diarahkan dari Kuala Lumpur.

Tetapi bagi Sabah, seperti juga dengan Sarawak, pergantungan yang terus menerus di dalam keadaan iklim politik yang berbeza dan geografi yang jauh, memungkinkan timbulnya tanggapan negatif bahawa seolah-olah Sabah hanya bergantung kepada Kuala Lumpur saja dan bahawa seolah-olah adalah benar bahawa KL menjajah KK dalam bentuk baru seperti yang didakwa oleh Presiden dan Sukarno itu.

Tanggapan inilah yang menyebabkan di dalam zaman USNO dan BERJAYA dulu, orang menganggap bahawa pembangunan dan politik di negeri Sabah lebih banyak bergantung kepada KL daripada kepimpinan dari Sabah sendiri, seolah-olah apa yang patut dibuat di Sabah harus ditentukan oleh KL terlebih dulu. Sebenarnya pun anggapan ini tidak dapat dielakkan kerana pengalaman dan pengetahuan kedua-dua pemimpin Sabah ketika itu amat jauh kekurangan berbanding dengan pengalaman dan pengetahuan pemimpin-pemimpin di Kuala Lumpur.

Berasaskan tanggapan ini dan berasaskan fakta pengalaman dan pengetahuan tadi, timbulah tuduhan lain bahawa kedua-dua pemimpin Sabah itu tidak mengamalkan dasar kepimpinan yang adil dan wajar bagi semua suku kaum di Sabah. Oleh kerana kedua-duanya beragama Islam,

mereka lebih mementingkan Bumiputera Islam semata-mata, sedangkan suku kaum Kadazan, Murut, Bajau dan sebagainya yang bukan Islam tidak dipedulikan. Keturunan yang bukan Islam ini diberikan layanan yang buruk dengan menghasut, menggertak dan memaksakan mereka supaya memberikan sokongan kepada kedua-dua pemimpin Islam itu saja.

Dalam merancang dan menyusun pembangunan, kepimpinan Sabah masa lalu telah banyak melakukan kesilapan dan lebih banyak memperlihatkan kelemahan di dalam pentadbiran. Apa yang lebih ditekankan ketika itu ialah langkah-langkah membuat keuntungan daripada hasil yang tidak dikerjakan akibat kesilapan dan kelemahan tadi.

Semua kelakuan dan tindakan ini mendapat sorotan yang luas di kalangan rakyat. Mereka mula melihat bahawa pemborosan perbelanjaan, pembangunan yang tidak teratur dan menguntungkan dan sikap diktatorship yang ditonjolkan, tidak akan menghasilkan faedah kepada rakyat, malah sebaliknya ia menimbulkan kekacauan dan ketidaktentuan di kalangan rakyat. Fenomena ini, lama kelamaan, menyebabkan timbulnya kebencian rakyat kepada kepimpinan yang tidak berdedikasi ini.

Di dalam masa yang sama, sikap surung tarik antara KL dan KK mulai kelihatan. Datuk Harris, dalam segi yang lain, seolah-olah menjadi kuda tunggangan bagi Kuala Lumpur dan dianggap sebagai pemimpin yang "kow-tow" kepada Kuala Lumpur.

Kompleksiti daripada semua fenomena ini menyebabkan wujudnya kerenggangan di dalam integrasi nasional antara Sabah dengan Semenanjung. Orang Sabah menganggap orang Semenanjung sebagai penjajah, sementara orang Semenanjung pula menganggap orang Sabah sombong dan anti Semenanjung. Fenomena ini berlaku berterusan sehingga ke saat ini.

Sejak 27 tahun Sabah merdeka di dalam pembentukan Malaysia, penghayatan nasionalisme Malaysia, nampaknya, semakin tidak mudah untuk kita bentuk dan kita canaikan. Pengwujudan sikap 'kekitaan' yang berasaskan serumpun bangsa dan negara, menjadi semakin sukar dan sulit untuk diintegrasikan dan dipertahankan. Perpaduan dan kepentingan nasional sering dilihat dan dicari penyelesaian di dalam konteks siapa yang lebih untung dan siapa yang rugi.

Nampaknya perbezaan sejarah politik zaman lampau, sikap perkauman yang sempit dan tindakan siapa yang berkuasa di dalam politik pemerintahan, menjadi garis pemisah yang amat luas di dalam integrasi nasional. Unsur gangguan yang menyulitkan hubungan bersama sejak dulu sampai sekarang masih berlaku dan tindih menindih. Jaluran Islam yang menembusi wilayah ini sehingga ke selatan Filipina dan jaluran Kristian yang juga wujud di wilayah ini sampai ke timur Indonesia dan percampuran kebudayaan 'pra Islam' dan 'pra Kristian' yang berlaku sejak beratus tahun yang lampau masih menjadi konflik yang cukup ketara.

Semua unsur gangguan ini telah mencetuskan pelbagai sikap, perbezaan pandangan dan perbezaan falsafah perjuangan. Gejala ini, bagaimanapun, tidak terasa jikalau kita bandingkan antara rakyat Semenanjung dengan rakyat Indonesia, terutamanya dalam hubungan dengan agama. Ini kerana dari segi politik, sekalipun rakyat Indonesia lebih daripada 85% terdiri daripada golongan Islam, namun agama Islam di negara itu bukan menjadi agama rasmi. Masalah agama di Indonesia tidak menjadi masalah dominan yang besar dan berterusan. Setiap orang boleh saja menganut apa-apa agama dan boleh saja melakukan apa yang dikehendakinya, hatta orang Islam boleh berkahwin dengan orang Kristian. Presiden Suharto dan isterinya adalah contoh yang cukup dominan.

Hubungan rakyat Malaysia dengan rakyat Indonesia lebih banyak diasaskan kepada hubungan sejarah rumpun bangsa

Melayu zaman lampau. Kesedaran sejarah ini merupakan kesedaran 'kebudayaan' yang lebih luas dan tidak dihubungkaitkan dengan unsur politik dan militer.

Sebab itulah sekalipun, pada 3 Mei 1964 Presiden Sukarno pernah memerintahkan 21 juta Komando Aksi '*Pengganyangan Malaysia*' dilancarkan terhadap Malaysia, namun atas nama ikatan persaudaraan rumpun Melayu yang wujud lebih lima ratus tahun yang lalu, perintah Presiden itu akhirnya telah gagal. Ini menunjukkan bahawa ikatan persaudaraan serumpun tidak boleh dimusnahkan oleh seseorang eksekutif pemerintah saja. Ia harus tercetus oleh rakyat itu sendiri.

Tetapi bagi rakyat Semenanjung dengan rakyat Sabah, unsur persaudaraan yang semacam ini seolah-olah tidak wujud dan sukar diwujudkan. Konsep hubungan serumpun, sama ada di kalangan rakyat atau kepimpinan politik, lebih banyak didasarkan kepada sama ada wujud atau tidak 'faedah' kepada satu pihak daripada satu pihak yang lain. Jikalau ada faedah dan kepentingan, maka konsep perpaduan dan kerjasama boleh diwujudkan. Sebaliknya jika faedah-faedah tadi tidak ada, konsep hubungan perpaduan itu boleh menjadi tidak perlu.

Sudah tentulah konsep perpaduan dan kerjasama yang diasaskan kepada faedah dan kepentingan diri semacam ini, bukanlah suatu konsep hubungan sebangsa dalam erti yang lebih luas dan bermakna. Konsep seperti ini lebih bersifat 'kepura-puraan' saja. Ia tidak dominan dan tidak bermakna kepada erti penyatuan bangsa yang berdasarkan sejarah rumpun tadi. Ia hanya suatu sikap egoistik melulu, tidak hakiki dan lambat laun ia akan menampakkan belang kita sendiri.

Inilah antara lain, fakta dan realiti politik yang membezakan hubungan antara rakyat Malaysia dengan rakyat Indonesia dan antara rakyat Semenanjung dengan rakyat Sabah. Seperti yang saya katakan, fenomena ini

terus menerus berlaku sejak dulu sampai sekarang tanpa sebarang usaha bagi memecahkan kebuntuan dan kesulitan ini. Malah sebaliknya, sikap yang keras, yang diambil oleh KL dan KK menyebabkan masalah ini menjadi semakin kusut.

Seperti yang saya sebutkan di dalam bab yang kedua tadi, bahawa kerajaan Pusat tidak boleh menyamakan kedudukan Sabah sama dengan kedudukan negeri-negeri yang lain di Semenanjung. Perspektif tentang Sabah haruslah dilihat dari pelbagai sudut yang lebih luas.

Ini bermakna bahawa kerajaan Pusat tidak boleh mengandaikan kerajaan PBS sama seperti kerajaan PAS di Kelantan. PAS diwujudkan untuk menentang Barisan Nasional bagi mewujudkan negara Islam, sementara pengwujudan PBS hanya untuk menumbangkan parti BERJAYA dan mengambil alih perintahan negeri Sabah.

Ini membawa makna bahawa sekurang-kurangnya sikap dan perspektif Barisan Nasional harus memandang bahawa kerajaan PBS di Sabah, sama seperti pentadbiran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di mana walaupun jumlah wakil DAP lebih banyak daripada wakil Barisan di dalam kawasan tersebut, namun struktur pembangunannya tidak boleh diabaikan kerana Kuala Lumpur menjadi ibu negara.

Demikian juga dengan Sabah. Ia menjadi rakan kongsi di dalam Malaysia dan dengan demikian ia tidak boleh dianaktirikan.

Dalam perspektif ini, kedudukan Sabah juga mestilah dilihat dari pelbagai sudut dan kepentingan. Sudut dan kepentingan yang utama ialah bahawa Sabah, seperti juga dengan Sarawak, telah membentuk Malaysia bersama-sama dengan 11 negeri yang lain di Semenanjung. Sekalipun politik mengenai pembentukan itu datangnya dari Tunku dan persetujuan pembentukan Persekutuan Malaysia itu adalah hasil penyiasatan Suruhanjaya Cobbold dengan

pengesahan Bangsa-bangsa Bersatu, namun penyertaan Sabah di dalam Persekutuan Malaysia itu hendaklah diterima sebagai sesuatu yang amat murni.

Oleh yang demikian sebarang masalah yang dibangkitkan dan disuarakan oleh pemerintah Sabah, hendaklah diberi perhatian yang serius, bukannya meletakkan negeri itu di dalam keadaan yang serba salah. Perhatian yang serius amat perlu, terutamanya mengingatkan struktur penduduk Sabah dengan struktur penduduk Semenanjung mempunyai perbezaan dan kelainan yang banyak dari segi suku kaum, kebudayaan, sikap dan falsafah perjuangan mereka.

Pembentukan Malaysia hanya berdasarkan faktor sejarah rumpun Melayu semata-mata, sedangkan faktor realiti politik, aspek perkauman dan perbezaan kebudayaan kurang diambil kira.

Oleh sebab itu, sikap dan peranan pemimpin kerajaan Pusat hendaklah berasaskan lebih banyak kepada realiti semasa yang saya sebutkan tadi, iaitu jika majoriti rakyat Sabah memilih parti PBS sebagai parti pemerintah dan menolak parti-parti politik yang lain pada masa kini, maka kerajaan Pusat terpaksalah mengakui dan menerima hakikat bahawa itulah parti yang mewakili rakyat Sabah sekarang.

Untuk mengakui dan menerima hakikat ini, kerajaan Pusat hendaklah bersifat *flexible* dan realistik untuk menyesuaikan dirinya dengan iklim politik parti yang memerintah itu, kerana sebagai sebuah parti yang pragmatis, Barisan Nasional sepatutnya tidaklah sukar melakukan peranannya ini walaupun dasar regional antara BN dan PBS itu bercanggah satu sama lain.

Penyesuaian ini dikira amat penting kerana, pertama: kepentingan Sabah di dalam Malaysia perlu dipertahankan. Kedua: peranan kepimpinan kerajaan Pusat di dalam usaha mewujudkan integrasi nasional, tidak lagi sekadar mewakili parti-parti politik tertentu yang diwakilinya saja. Ini bermakna

bahawa sebagai Perdana Menteri Malaysia yang memerintah lebih daripada 17 juta rakyatnya, Dr. Mahathir Mohamad tidak lagi boleh bercakap sebagai Presiden UMNO atau Pengurus Barisan Nasional saja.

Sebagai Perdana Menteri, sikap dan tindakan beliau haruslah mencerminkan kehendak dan hasrat majoriti rakyat dari pelbagai suku kaum, agama dan kepercayaan. Dan ketiga: sebagai pemimpin kerajaan Pusat, beliau juga perlulah bersikap lebih terbuka, meneliti kemahuan dan citacita rakyat Sabah seperti diperlihatkan melalui sokongan mereka kepada PBS itu secara rasional dan realistik berdasarkan konsep politik dan kebebasan rakyat.

Jikalau kerajaan Pusat enggan mahu menerima dan mengakui hakikat ini dan jikalau pemimpin-pemimpin Pusat tidak juga mahu mengiktiraf keputusan rakyat dengan mendengar segala sungutan dan tuntutan rakyat di negeri itu yang disuarakan oleh PBS, maka ia bukan saja menjadi lebih sukar untuk mengekalkan keharmonian kaum yang pelbagai itu, tetapi juga ia menjadi lebih sulit untuk memantapkan kerjasama pelbagai parti politik di dalam kerajaan.

Fenomena ini akan terus berlanjut jika sebarang usaha tidak dibuat bagi mengurangkan politiking yang tidak menguntungkan ini.

Dalam sejarah kemasukan Sabah di dalam pembentukan Malaysia, kita boleh melihat bahawa kegagalan sebahagian daripada aspek integrasi nasional antara Sabah dengan Semenanjung berpunca daripada sikap dan tindakan yang tidak rasional dan nasionalistik ini.

Apa yang terjadi kepada Tun Datu Mustapha dan Datuk Harris Saleh adalah dua contoh yang boleh kita perhatikan. Kedua-duanya menjadi bukti yang boleh kita kemukakan tentang siapa mahu menjatuhkan siapa, apa jadi akhirnya dan bagaimana kedudukan mereka sekarang.

Tindakan PBS keluar daripada Barisan Nasional dan menyokong konsep perjuangan Gagasan Rakyat, sebahagian besarnya berpunca daripada kegagalan pemimpin Pusat dan pemimpin Negeri yang gagal memahami hasrat dan dasar kepimpinan politik serta aspirasi rakyat. Dalam beberapa hal, sikap dan tindakan mereka tidak melambangkan ciri-ciri perjuangan yang berasaskan perpaduan dan kepentingan kebangsaan, tetapi lebih banyak ditekankan kepada ciri-ciri perjuangan yang berteraskan kekuasaan dan fahaman parti-parti politik tertentu saja.

Hal ini boleh kita lihat melalui kenyataan-kenyataan terutamanya pemimpin UMNO dan peranan media cetak dan media elektronik yang mengecam kepimpinan PBS dan menggunakan isu agama sebagai platform untuk menjatuhkan kepimpinan parti itu menjelang Pilihanraya Umum yang lalu.

Isu pemakaiam sigah oleh Tengku Razaleigh Hamzah dijadikan isu yang besar dari segi agama, seolah-olah isu 'sigah' itu boleh mencetuskan huru haru antara Islam dengan pihak Kristian.

Seiknya selepas pilihanraya, isu itu tenggelam begitu saja. Imi bermakna bahawa semua isu yang dibangkitkan sebelum pilihanraya itu bersifat politik semara-mata dan ia bukanlah sesuatu yang dominan untuk dipertikaikan.

Sercakap tentang penyesuaian dengan kehendak rakyat Sabah ini, di bawah ini mari kita lihat apa sebenarnya tuntutan parti PBS terhadap kerajaan Pusat itu. Tuntutan ini dibuat oleh parti PBS semasa parti itu mengadakan kempen Pilihanraya Negeri buatan Julai 1990 lalu. Antara tuntutan PBS itu ialah:-

1. *PBS akan meminta supaya Perlembagaan Persekutuan Mengatai Hukum Berkaitan Dengan Sabah, termasuk penawuhan Sabah dalam Parlimen Malaysia sebaik Singapura mengundurkan diri*

*daripada Persekutuan Malaysia dalam tahun 1965, dikaji semula.*

2. *PBS akan meminta kajian semula ke atas Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk melindungi hak asasi dan kebebasan rakyat.*
3. *PBS akan meminta kajian semula Perlindungan Sabah seperti yang terkandung dalam Dua Puluh Perkara (20 points).*
4. *PBS akan meminta pembahagian royalti minyak yang saksama dan berunding semula perjanjian yang sedang wujud tentang pengagihan pendapatan hasil minyak.*
5. *PBS akan terus memperjuangkan pelaksanaan Dasar Borneonization seperti yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Bersama (IGC), supaya lebih banyak rakyat Malaysia tempatan berpeluang memegang jawatan-jawatan penting dalam jabatan-jabatan dan agensi-agensi Persekutuan di Sabah.*
6. *PBS akan terus meminta supaya tindakan bersama dan terbuka diambil oleh kerajaan Persekutuan untuk menghantar balik semua pendatang haram ke negeri asal mereka. Kerajaan PBS akan terus berusaha mendapatkan peranan yang sah bagi menyelesaikan masalah pendatang haram ini.*
7. *PBS akan terus berusaha ke arah mengembalikan pentadbiran Labuan kepada negeri Sabah tanpa sebarang syarat. Memandangkan tiada kemajuan di Pulau Labuan dan perhatian yang berterusan kepada saudara-saudara di situ, cadangan menjadikan Labuan sebagai tempat perniagaan yang bebas dari cukai, haruslah dilaksanakan secepat mungkin.*
8. *PBS akan berusaha menentukan agar cadangan Undang-undang dalam Senarai Bersama dan Senarai Kerajaan Negeri dalam Perlembagaan*

*Persekutuan dikemukakan kepada satu Jawatankuasa Parlimen yang dianggotai oleh ahli-ahli dari Sabah dan Sarawak untuk tapisan dan pandangan sebelum dibentangkan di dalam Dewan Parlimen.*

9. *PBS akan berusaha untuk mendapatkan kerjasama kerajaan Persekutuan memberi kuasa kepada kerajaan Negeri untuk mengendalikan stesen tambahan Radio dan Televisyen di Sabah.*
10. *PBS akan bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan untuk mencapai kemajuan ekonomi dan kestabilan politik di Sabah. PBS akan berusaha mendapatkan peranan dan akan bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan tuntutan Filipina terhadap Sabah.*
11. *PBS akan terus berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi pembangunan yang lebih besar dan saksama daripada hasil kutipan kerajaan Persekutuan daripada Sabah untuk membangunkan negeri Sabah sendiri.*

Sebelas tuntutan yang menjadi perjuangan PBS ini, nampaknya, telah mendapat sokongan daripada rakyat Sabah sendiri. Ini terbukti daripada hasil pilihanraya itu PBS telah memenangi 36 kerusi daripada 48 kerusi yang dipertandingkan. Ini bermakna bahawa kemenangan PBS itu seharusnya mendapat perhatian yang serius daripada kerajaan Pusat.

Malangnya sebahagian besar daripada tuntutan-tuntutan tersebut bukan saja tidak mendapat perhatian kerajaan Pusat, sebaliknya segala tuntutan tersebut dianggap melampau dan keterlaluan.

Saya bersetuju bahawa adalah tidak mungkin untuk mencapai semua tuntutan yang dikemukakan oleh parti PBS itu, terutama mengenai perkara (2), perkara (4), perkara

(5), perkara (7) dan beberapa perkara lain yang sensitif dan perlu kepada persetujuan bersama.

Tetapi menolak kesemua tuntutan tersebut mencerminkan sikap prejudis dan anti kepada sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Saya tidak bersetuju dengan sebuah rencana yang ditulis oleh seorang sahabat saya Dr. Wan Hashim Wan Teh dalam akhbar Mingguan Malaysia terbitan 15 Julai 1990 bahawa '*nilai demokrasi yang kita sanjung, yang memberi kebebasan sepenuhnya kepada rakyat memilih sesbuah parti politik untuk menubuhkan kerajaan, tidak menjamin tercapainya sesuatu yang dihajatkan seperti integrasi nasional dan penghayatan idealisme negara – bangsa Malaysia seperti yang kita bina.*'

Hujah ini sukar kita terima kerana jikalau jaminan untuk tercapainya idealisme ini tidak menjadi visi di dalam perjuangan kita, maka apakah maknanya nilai demokrasi dan tujuan perpaduan yang hendak kita bentuk itu?

Saya lebih bersetuju bahawa jaminan untuk mencapai integrasi nasional ini memang agak sukar, tetapi kita tidak boleh menolak penghayatan kita untuk mencapai idealisme tersebut kerana ia menjadi dasar dan matlamat perjuangan bangsa kita sendiri.

Masalah terbina atau tidak terbinanya integrasi nasional itu bergantung kepada apa yang boleh kita lakukan, tetapi berjuang untuk menghayati matlamat tersebut adalah menjadi dasar perjuangan kita semua.

Sebenarnya sebahagian daripada tuntutan PBS itu boleh dilaksanakan jika kerajaan Pusat mahu melaksanakannya, terutamanya mengenai perkara 4 sehingga ke perkara 11. Tidak ada perkara besar yang boleh menyekat tuntutan tersebut. Ia boleh dirundingkan di mana-mana yang boleh dilaksanakan dan di mana-mana yang tidak boleh dilaksanakan.

Pendeknya, seperti kata ahli bijak pandai, tidak ada perkara yang tidak boleh diselesaikan dan tidak ada yang buruk dan baik, melainkan cara kita membezakannya yang menimbulkan perbezaan tersebut.

Oleh kerana Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia, maka faktor memberi dan menerima, tidak harus dilihat dari kacamata kerugian dan keuntungan semata-mata kerana kedua-duanya adalah satu dan kesatuan itu amat penting untuk mewujudkan ketahanan integrasi nasional secara lebih luas dan kekal.

Jikalau kita meneliti tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh PBS itu, kita mendapati bahawa sebahagian besarnya adalah untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat Sabah sendiri. Dan jikalau rakyat Sabah boleh mencapai kemajuan hasil daripada tuntutan tersebut tanpa menjelaskan kepentingan kepada negeri-negeri lain, maka ini bermakna bahawa bukan saja rakyat dan negeri Sabah mencapai kemajuan, tetapi Malaysia juga mendapat kemajuan yang sama.

Tuntutan PBS supaya dikaji semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) misalnya, patutlah dipertimbangkan. Ini kerana kajian yang diminta itu bukanlah untuk penghapusan akta tersebut, tetapi menentukan supaya orang-orang yang ditangkap dan ditahan itu tidak diperlakukan semacam 'pencolekan' layaknya. Saya kira ini untuk faedah semua orang. Tindakan menangkap dan menahan mereka yang disyaki terlibat di dalam kes seumpama ini, seharusnya dilakukan menurut tamadun dan berperikemanusiaan.

Royalti minyak yang diberikan sebanyak 5% kepada Sabah, masih boleh dipertimbangkan jika kita bersikap rasional dan simpatik. Ini kerana pendapatan daripada penjualan minyak di negeri itu amat besar berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Adalah tidak menjelaskan mana-mana pihak jika peratus royalti itu dinaikkan sedikit lagi bagi membolehkan kerajaan negeri itu memesatkan

pembangunannya selaras dengan negeri-negeri lain di Semenanjung. Lagipun tuntutan ini sudah lama dikemukakan oleh kerajaan Sabah, iaitu sejak tahun 1974, ketika Tun Datu Mustapha masih menjadi Ketua Menteri lagi. Malah ancaman beliau hendak mengeluarkan Sabah daripada Malaysia pun, salah satu sebabnya kerana tuntutan terhadap royalti minyak inilah juga.

Lagi pun tuntutan ini bukan saja dibuat oleh Tun Mustapha dan Datuk Sri Pairin saja. Dalam tahun 1974 dulu, Datuk Rahman Yaacub dan Datuk Taib Mahmud juga pernah mempertikaikan kuasa Petronas mengambil alih pendapatan minyak ini daripada kerajaan negeri. Sebelum Petronas ditubuhkan di bawah Akta Syarikat bagi membolehkan kerajaan-kerajaan negeri menurunkan segala hak pengeluaran minyak kepadanya, kerajaan negeri Sarawak pernah hendak menubuhkan sebuah perbadanan yang diberi nama HIKMA bagi bertanggungjawab terhadap pengeluaran minyak di perairan laut di negeri tersebut.

Malangnya rancangan tersebut telah gagal walaupun kerajaan negeri Sarawak pernah hendak mengambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan Pusat ketika itu. Persoalan ini tidak pula menimbulkan kehebohan di kalangan kita sendiri.

Saya bersetuju bahawa sesebuah negeri yang mengeluarkan minyak, tidak boleh menuntut pembahagian royalti yang lebih kepada kerajaan Pusat. Ini kerana kerajaan Pusat terpaksa bertanggungjawab mengagih-agihkan pendapatan daripada hasil jualan minyak itu kepada negeri-negeri lain yang tidak mengeluarkan minyak. Pengagihan ini penting bagi membolehkan semua negeri mendapat faedah yang sama. Tetapi hujah dan alasan ini tentulah tidak praktikal, sebab sebagai sebuah negeri yang masih rendah prestasi pembangunannya, tuntutan PBS itu tentulah dikira wajar. Ini kerana hasil pendapatan minyak dari negeri itu jauh lebih besar daripada negeri-negeri yang lain.

Oleh yang demikian jika kerajaan Pusat boleh memberikan royalti yang lebih sedikit kepada Sabah, ini bukanlah bermakna kerajaan Pusat melakukan ketidakadilan kepada negeri-negeri yang lain. Sebenarnya atas nama keadilanlah maka PBS membuat tuntutan tersebut supaya di samping Sabah dapat menyumbangkan hasil buminya kepada negeri-negeri lain di Semenanjung, ia juga dapat membangunkan negerinya sendiri hasil dari galian di dalam perut buminya sendiri.

Dua perkara lain yang menarik untuk kita lihat ialah mengenai tuntutan perkara (5) dan perkara (6) di dalam Manifesto PBS itu. Perkara (5) mengenai dasar Borneonization yang melibatkan jawatan-jawatan penting di dalam kerajaan Persekutuan, samada di Sabah atau di Semenanjung yang melibatkan anak-anak tempatan Sabah dan perkara (6) mengenai masalah pendatang haram di negeri Sabah sendiri.

Mengenai perkara (5) ini, saya melihat sejak Sabah merdeka 27 tahun yang lalu, kedudukan dan peluang anak negeri Sabah memegang jawatan-jawatan penting di dalam kerajaan Persekutuan hampir-hampir tidak ada dan kalau adapun amat kurang sekali. Ini bukan saja berlaku di Kuala Lumpur tetapi juga di Sabah sendiri.

Di Kuala Lumpur misalnya, saya belum pernah berjumpa dengan seorang anak negeri Sabah yang memegang jawatan tertinggi di dalam sesuatu jabatan awam atau swasta, kecuali konstebal Polis. Di Sabah sendiri, kebanyakannya ketua jabatan di dalam jabatan kerajaan Persekutuan masih dipegang oleh pegawai-pegawai daripada Semenanjung. Ini berbeza dengan rakyat Sarawak. Sekurang-kurangnya terdapat seorang anak negeri Sarawak yang menjawat jawatan tertinggi sebagai ketua Pengarah Pos di Kuala Lumpur dan Timbalan Ketua Polis di Pulau Pinang.

Saya bersetuju bahawa seseorang yang diamanahkan

memegang sesuatu jawatan tertinggi (bukan Menteri dan Timbalan Menteri), bukan saja mesti mempunyai kelayakan akademik yang berkaitan dengan jawatannya, tetapi juga ia harus mempunyai potensi kerja yang baik dan boleh dipercayai.

Dalam masa 27 tahun yang lalu, keperluan akademik dan kebolehan kerja yang seperti ini, barangkali belum ada di kalangan rakyat Sabah, dan kalau ada pun hanya seorang atau dua orang saja. Tetapi sekarang, sejak Yayasan Sabah ditubuhkan 20 tahun lalu, banyak rakyat Sabah yang sudah pun mempunyai kelayakan akademik dan kebolehan kerja yang tinggi.

Mereka telahpun mempunyai diploma, ijazah dan kelayakan profesional lainnya dan mereka ini mempunyai kemampuan yang tinggi untuk berkhidmat di dalam pelbagai sektor awam dan swasta.

Dari segi perbandingan kelayakan akademik dan kebolehan, ramai rakyat Sabah yang setaraf dengan pegawai-pegawai dan kakitangan divisyen satu di Semenanjung.

Datuk Sri Pairin, Datuk Dr. James Ongkili dan beberapa orang tokoh Sabah yang lain, adalah generasi muda Sabah yang mempunyai kemampuan dan kelayakan ini. Sekadarkan contoh, kedua-dua orang tokoh ini adalah intelektual Sabah yang lahir daripada Yayasan Sabah sendiri. Tentulah mereka ini telah melihat wujudnya ketidakadilan di dalam sistem birokrasi di negara ini, terutamanya yang berhubung dengan pindaan Perlembagaan yang wujud di dalam perkara (M) *Perkhidmatan Awam* yang dipersetujui di dalam Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) itu.

Soal mengapa anak-anak tempatan Sabah tidak mendapat peluang atau tidak diberi kesempatan untuk memegang jawatan-jawatan penting di dalam kerajaan

Persekutuan, menjadi persoalan di dalam perjuangan parti PBS itu. Persoalan ini sepatutnya tidak harus timbul lagi kerana kelayakan dan kebolehan seseorang tidak lagi harus diukur dari mana dia datang dan siapa dia sebenarnya.

Sebagai contoh dan perbandingan, di Semenanjung Malaysia tidak wujud persoalan yang seperti ini. Soal pilih kasih, pilih bulu dan sentimen perkauman dan kedaerahan sudah lama berlalu. Siapa saja yang mempunyai kelayakan dan kebolehan, dia akan diberi peluang untuk memberikan perkhidmatan di mana-mana saja.

Jika seseorang itu mempunyai kelayakan dan mutu kerja yang bagus dan cemerlang, dia akan dinaikkan pangkat menjadi ketua di mana-mana jabatan, sama ada di dalam kerajaan Negeri mahu pun di dalam kerajaan Persekutuan. Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Dato' Elyas Omar misalnya, bukanlah anak Wilayah Persekutuan. Dia anak Pulau Pinang, tetapi oleh kerana potensi kerjanya yang baik, dia menjadi Datuk Bandar.

Sikap kerajaan Persekutuan terhadap anak-anak Sabah, nampaknya, berbeza dengan sikapnya terhadap anak-anak negeri yang lain. Integrated di dalam perkhidmatan awam berasaskan kemampuan dan kelayakan antara anak-anak Sabah dengan anak-anak negeri lain di Semenanjung, nampaknya belum wujud secara meluas..

Ini menyebabkan timbulnya rasa tidak puas hati di kalangan rakyat Sabah sendiri, dan inilah juga yang menyebabkan PBS menuntut supaya dasar Borneonization ini diperjuangkan terus. Saya rasa tuntutan yang seperti ini tidak keterlaluan dan ia boleh dilaksanakan tanpa merugikan pihak lain.

Perjuangan dasar Borneonization ini tidak harus dilihat dari kacamata yang sempit. Ia harus dilihat dari perspektif yang lebih luas berasaskan objektiviti penubuhan Malaysia itu sendiri. Dalam kata lain, perjuangan PBS di dalam dasar

ini ialah untuk memelihara kepentingan anak tempatan di dalam perkhidmatan mereka dan memenuhi keperluan dasar Perlindungan Sabah di dalam Persekutuan Malaysia sendiri.

Mengenai isu pendatang haram pula, kerajaan PBS berharap supaya kerajaan Pusat segera bertindak menghantar balik pendatang-pendatang itu ke negeri asal mereka. Permintaan ini terpaksa dibuat kerana urusan imigrasi adalah terletak di tangan kerajaan Persekutuan.

Masalah pendatang haram di Sabah menjadi isu yang paling hangat sejak akhir-akhir ini, terutamanya menjelang pilihanraya Negeri yang baru lalu. Menurut pemerhati-pemerhati politik, terdapat hampir setengah juta pendatang haram yang berada di negeri Sabah. Mereka datang dari Filipina dan Indonesia. Kebanjiran mereka ke negeri tersebut, dikatakan, kerana mudahnya mendapat kad Pengenalan Biru dan ada pula dakwaan bahawa terdapat kira-kira 50 000 orang pendatang haram telah dibenarkan membuang undi di dalam pilihanraya yang lalu.

Sejauh mana benar tidaknya anggapan ini masih perlu dipersoalkan, tetapi yang lebih jelasnya ialah bahawa kebanjiran pendatang-pendatang haram tersebut telah menimbulkan dua implikasi yang besar kepada rakyat negeri Sabah. Pertama, dalam masa lima tahun lagi jika kebanjiran tersebut tidak disekat oleh kerajaan Persekutuan, jumlah penduduk negeri Sabah dengan jumlah pendatang haram akan menjadi sama banyak, atau malah jumlahnya akan bertambah lagi. Dan kedua, besar kemungkinan selepas tempoh lima tahun nanti, rakyat Sabah sendiri akan menjadi pendatang haram di negerinya sendiri.

Kebimbangan terhadap kebanjiran pendatang haram ini telah menjadi satu sebab terpenting mengapa PBS mahu mengambil peranan yang sah bagi menyelesaikan masalah ini secara bersendirian walaupun peranan yang sah itu amat sukar diperolehi kerana ia melibatkan Undang-undang Imigrasi dan Keselamatan yang terletak di bawah bidang

kuasa kerajaan Persekutuan.

Apa yang menimbulkan persoalan di sini ialah mengapa kebanjiran pendatang haram itu boleh berlaku dan mengapa kononnya mereka boleh mendapat kad Pengenalan Biru dengan mudah? Adakah kerana muka mereka seperti Melayu atau kerana sebahagian daripada mereka beragama Islam, maka mereka menjadi mudah untuk menjadi Bumiputera pendatang haram 'sementara' mendapatkan kad Pengenalan Biru lalu boleh membuang undi?

Dari segi agama dan keturunan, saya mungkin boleh menyatakan simpati kepada mereka, tetapi sebagai rakyat negeri, saya tidak bersetuju orang luar boleh menghuni di negeri saya secara tidak sah dan bertentangan dengan Undang-undang Kerakyatan dan Keselamatan Negara.

Salah satu isu lain yang barangkali boleh kita bahaskan ialah isu mengenai perkara (7) iaitu yang berhubung dengan pentadbiran Pulau Labuan. Seperti yang diketahui, Pulau Labuan yang terletak berhampiran dengan Kota Kinabalu itu telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada bulan April 1984 oleh kerajaan Pusat setelah diserahkan oleh parti BERJAYA yang memerintah Sabah ketika itu justeru ditentang oleh pemimpin USNO.

Pengambilan pentadbiran pulau itu bertujuan untuk pada mulanya menjadi pelaburan bebas cukai, tetapi sekarang tujuan-nya bertukar menjadikannya sebagai Pusat Kewangan Pesisir Pantai (IOFC) yang memainkan peranan sebagai pintu masuk pelaburan asing ke negara ini. Bila pusat ini siap kelak, Labuan boleh memainkan peranan penting dalam membangunkan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Serantau. Demikian apa yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Tetapi untuk menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan yang berdaya maju, Pulau Labuan memerlukan

pembangunan infrastruktur yang bukan saja harus pesat dibangunkan tetapi juga harus fantastik dan modenistik. Ini memerlukan kos perbelanjaan yang besar dan tenaga pembangunan yang profesional.

Malangnya pembangunan infrastruktur yang melibatkan fizikal pulau itu amat lambat dirancang, disusun dan dibangunkan. Ini menyebabkan rakyat Sabah merasa bahawa kerajaan Pusat tidak serius untuk membangunkan pulau itu, sedangkan dalam masa yang sama kerajaan Pusat begitu pesat pula membangunkan Pulau Langkawi sebagai suatu kawasan perdagangan Bebas Cukai.

Soalnya ialah mengapa Pulau Langkawi boleh dibangunkan dengan pesat sedangkan Pulau Labuan terpaksa melalui proses pembangunan yang amat perlahan? Adakah kerana Langkawi berada di bawah kuasa negeri Perdana Menteri, maka pulau itu perlu dibangunkan secepat yang boleh sedangkan kelambatan pembangunan di Labuan disebabkan oleh kurangnya tenaga kerja? Sesiapa saja yang arif boleh mencari jawapannya sendiri. Tetapi suatu kesimpulan tentulah boleh kita buat, iaitu jika kerajaan Pusat merasa bahawa membangunkan Pulau Labuan merupakan satu beban, apa salahnya ia dikembalikan semula kepada Sabah.

Jikalau Pulau Jerjak di Pulau Pinang boleh dikembalikan kepada kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak lama lagi, maka tidak ada sebab pemulangan Pulau Labuan itu kepada Sabah tidak boleh dilakukan oleh kerajaan Pusat.

Peruntukan kewangan yang disediakan itu boleh digunakan untuk pembangunan di tempat lain. Inilah sebab dan alasan mengapa kerajaan PBS menuntut pulau itu dikembalikan kepada Sabah semula, "*kami menuntut semula hak-hak ke atas Pulau Labuan itu kerana kami merasakan telah kehilangan sebahagian daripada milik yang sepatutnya kami punya,*" kata Datuk Pairin ketika mengadakan satu sidang akhbar pada 6 Julai 1990 lalu.

Saya percaya dengan adanya perancangan seperti yang diumumkan oleh Dr. Mahathir baru-baru ini itu, pembangunan di Pulau Labuan akan dipesatkan kembali.

Demikianlah sekurang-kurangnya perkara (2), perkara (4), perkara (5), perkara (6) dan perkara (7) boleh kita bahas dan kita pertikaikan sekurang-kurangnya, bagi menentukan bahawa sebahagian daripada tuntutan PBS itu masih boleh dirundingkan jika kita mahu mencari penyelesaian bagi mengurangkan politiking dan '*perang dingin*' antara KK dengan KL. Dialog dan rundingan mengenai perkara ini perlulah diadakan bagi mengurangkan dakwaan bahawa beberapa prinsip di dalam Perjanjian 20 Perkara, semasa Malaysia dibentuk dulu itu masih belum dilaksanakan sampai sekarang.

Selagi persoalan ini dibiarkan berlarutan selagi itulah gejala buruk sangka ini akan tetap menjadi kudis dan busung di antara pemimpin kerajaan Sabah dengan pemimpin kerajaan Pusat. Kita tidak bersetuju bahawa sikap dan ideologi politik tertentu menjadi faktor penghalang kepada usaha kita membentuk integrasi nasional di mana perpaduan dan keamanan hanya boleh ditegakkan di atas elemen-elemen persamaan sikap dan persamaan ideologi politik tertentu semata-mata, sedangkan kita menyedari bahawa perpaduan dan keamanan tetap boleh diwujudkan sekalipun kita berlainan sikap dan berlainan ideologi politik.

Oleh yang demikian bagi mewujudkan kestabilan politik, perpaduan dan keamanan di kalangan kita, konsep kesetiaan kepada negara antara rakyat Sabah dengan rakyat Semenanjung haruslah dibina di atas unsur persamaan hak, amalan keadilan yang berdasarkan kebenaran. Jikalau di antara satu pihak merasakan haknya dicabuli, keadilan tidak diamalkan dan kebenaran tidak diwujudkan, maka pihak yang lain perlulah membantu dan membetulkannya. Sebagai pemimpin, kebahagiaan yang dicarinya bukan saja untuk haknya, untuk keadilannya dan untuk kebenarannya saja,

tetapi juga untuk kebaikan rakyat. Pemimpin yang baik ialah apakala kehidupan rakyatnya aman damai.

Di dalam hubungan ini saya melihat bahawa sementara parti PBS telah cuba memperjuangkan beberapa perkara yang ada hubungkait dan kepentingannya dengan rakyat Sabah yang mengundi parti itu, Dr. Mahathir pula mempertahankan kuasa Pusat yang dimilikinya itu. Kedua-duanya cuba bertelingkah dan mempertikaikan kepentingan masing-masing, sedang pada hakikatnya, apa yang dipertelingkah dan dipertikaikan oleh kedua-duanya itu mempunyai maksud yang sama, iaitu memajukan kepentingan rakyat dan mempertahankan kestabilan pemerintahan.

Sudah pasti kedua-dua pemimpin ini mempunyai tujuan dan matlamat yang tidak berlawanan, kecuali cara dan arah pelaksanaannya saja yang mungkin berlainan.

Kelainan cara dan arah pelaksanaan ini perlulah dikaji dan diteliti semula, supaya tujuan dan matlamat yang sama tadi dapat diselaraskan dengan baik dan berkesan. Ini amat penting kerana setiap pemimpin yang menerima tanggungjawab kepimpinan dari rakyat, mestilah dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan jujur, ikhlas, adil dan saksama.

Bab 5

## PEMULIHAN INTEGRASI NASIONAL

• Rakyat Borneo diberi lebih kebebasan untuk menyuarakan pendapat mereka dalam perkara-perkara yang mereka rasa amat perlu disuarakan. •

– Suruhanjaya Cobbold

**S**ECARA umumnya saya telah menyentuh dan mengulas secara rambang tentang beberapa perkara pokok dan dasar mengenai pergolakan politik di negeri Sabah. Perkara-perkara pokok yang telah saya bahaskan, termasuklah sejarah rumpun Melayu; cita-cita penyatuan Dunia Melayu, penjajahan Eropah, pergolakan nasionalisme, iklim politik, ciri-ciri kepimpinan politik di negeri Sabah, penubuhan Malaysia, konflik kepimpinan Negeri dengan pemimpin Pusat, isu integrasi nasional, tindakan PBS keluar daripada Barisan Nasional dan yang paling utama ialah rancangan kemasukan UMNO ke negeri Sabah, kesan dan akibatnya terhadap pembentukan perpaduan nasional itu sendiri.

Sudah pasti masih ada perkara-perkara lain lagi yang boleh saya sentuh dan tulis di sini, tetapi saya tidak mahu menyentuh dan menuliskannya atas sebab-sebab tertentu. Bagaimanapun, pada dasarnya, perkara-perkara pokok yang telah saya bangkitkan ini, boleh dianggap inti dan penting dikaji dan dibahaskan secara rasional oleh mereka yang terlibat dan bertanggungjawab terhadap kestabilan politik, perpaduan nasional, keselamatan negara dan kesejahteraan hidup rakyat di dalam konteks pembinaan satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu.

Mengkaji dan meneliti sejarah dan pergolakan politik di negeri Sabah di dalam konteks penubuhan Malaysia secara keseluruhannya, kita boleh membuat beberapa rumusan dan andaian seperti berikut:

1. *Penyatuan Rumpun Melayu di Asia Pasific seperti yang dicetuskan oleh beberapa orang tokoh nasionalis di Filipina, Indonesia dan Malaysia tidak dapat dilaksanakan akibat perbezaan iklim politik, sosio-budaya dan melitir yang dikawal dan dijaga oleh penjajahan Eropah seperti Perancis, Belanda, Portugis, Amerika dan British. Penyatuan yang diasaskan kepada rumpun Melayu inti saja tidak memadai, kerana sekalipun unsur-unsur agama dan budaya Melayu boleh menyatukan mereka, namun kehadiran kelompok-kelompok imigran dari China dan India serta kemasukan agama-agama lain seperti Buddha, Hindu, Kristian oleh kelompok-kelompok tadi, terutamanya penjajahan Eropah, maka penyatuan itu tidak lebih merupakan satu impian masa lampau yang melunakkan, tetapi sukar menjadi kenyataan.*
2. *Gagasan penubuhan Malaysia seperti yang dicetuskan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman itu, tidak mencerminkan persetujuan semua pihak, terutamanya di negeri Sabah sendiri. Gagasan tersebut diasaskan hanya atas faktor keturunan Melayu semata-mata, sedangkan elemen-elemen lain yang bersifat realiti politik semasa dan akan datang di kawasan tersebut tidak diambilkira.*

*Penubuhan Malaysia dirancang dan dilaksanakan begitu rupa, sehingga waktu yang disediakan bagi mengkaji keseluruhan kehendak rakyat, dibuat dan diputuskan di dalam masa yang amat singkat. Persetujuan dan peranan yang dicapai dan dilaksanakan oleh dua buah jawatankuasa, iaitu*

*Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) dan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia, bukan saja tidak memberatkan kajian mengenai implikasi masa depan akibat pembentukan Malaysia itu, tetapi kedua-dua jawatankuasa itu juga hampir-hampir gagal memenuhi kehendak asas dan dasar yang terkandung di dalam persetujuan bersama itu.*

3. *Akibat daripada kurangnya wawasan yang diberikan berhubung dengan kedua-dua perkara di atas, maka gagasan pembentukan Malaysia menjadi tempang, tidak memenuhi obligation yang diharapkan. Gagasan tersebut telah mencetuskan perrusuhan Indonesia, Filipina dan pemberontakan Brunei. Akibatnya Brunei tidak bersetuju menyertai Malaysia dan Singapura terpaksa dikeluarkan.*
4. *Kemasukan UMNO ke negeri Sabah, dari segi semangat dan cita-cita kebangsaan boleh dianggap bukan sesuatu yang relevan, bahkan juga dari segi cara kemasukan tersebut yang dilaksanakan ketika situasi politik yang gawat dan konflik kepimpinan politik yang meluas terjadi antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu, maka kemasukan tersebut lebih dilihat sebagai sesuatu yang tidak menguntungkan perpaduan kebangsaan dan integrasi nasional di kalangan pelbagai kaum.*

Berdasarkan rumusan dan andaian ini, maka jalan keluar yang boleh diambil bagi mengatasi dan menjernihkan suasana yang tidak tenteram sekarang, perlulah dicari dan diusahakan. Kegelohan dan kesilapan politik masa lampau, tidak sepatutnya menjadi sebab untuk meneruskan sentimen perkauman, penentangan agama dan konflik kepimpinan antara kerajaan Pusat dengan kerajaan Negeri.

## KEMASUKAN UMNO KE SABAH

Kepimpinan politik tidak seharusnya mementingkan kekuasaan politik semata-mata tanpa melihat bahawa perpaduan rakyat dan penyatuan antara kaum menjadi lebih penting daripada elemen-elemen politik tadi.

Bagi mencari jalan penyelesaian terhadap krisis ini, maka satu dialog atau pun satu perundingan, hendaklah diadakan segera oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) bagi membincang dan merumuskan sama ada segala masalah dan tuntutan yang berbangkit berkaitan dengan hubungan yang buruk antara kerajaan Pusat dengan kerajaan Negeri itu boleh dilaksanakan atau tidak.

Jawatankuasa ini hendaklah mengkaji pelbagai aspek dalaman dan luaran berhubung dengan soal politik, ekonomi, sosial, keselamatan dan integrasi dan mencari jalan bagaimana supaya konflik politik dan ketegangan kuasa antara KL dan KK itu dapat dikurang atau dipulihkan.

Jawatankuasa ini hendaklah menimbang, sama ada syor-syor yang pernah dikemukakan oleh Suruhanjaya Lord Cobbold yang berhubung dengan aturan perlombagaan yang menyebutkan antara lain, '*rakyat Borneo diberi lebih kebebasan untuk menyuarakan pendapat mereka dalam perkara-perkara yang mereka rasa amat perlu disuarakan*' itu, perlu atau tidak dilanjutkan.

Jikalau syor-syor tersebut masih dianggap perlu, maka Jawatankuasa Antara Kerajaan patutlah memberikan pertimbangan yang wajar kepada semua atau sebahagian daripada tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh pemerintah PBS sebagaimana yang saya sebut dan huraikan di dalam Manifesto PBS '90 itu.

Mungkin tidak semua tuntutan itu boleh ditunaikan, tetapi menimbangkannya, mendengar segala macam pendapat dalam perkara-perkara yang mereka rasa perlu disuarakan, tidak sepatutnya dianggap sebagai menentang kerajaan Pusat. Jikalau ini tidak dapat dilakukan, maka apakah makna

kebebasan yang disebut dan dipersetujui di dalam laporan Cobbold itu?

Selain dari Jawatankuasa Antara Kerajaan ini, Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia seperti yang pernah dibentuk dulu, pertulah dihidup dan digerakkan semula bagi membantu dan mencari jalan mewujudkan semua perpaduan kepimpinan sama ada di peringkat kerajaan mahupun di peringkat politik.

Dalam usaha menyelesaikan krisis kepimpinan ini, usaha pokok yang harus ditekankan ialah pencapaian ke arah pengwujudan integrasi nasional yang lebih kukuh dan bersepadu antara rakyat pelbagai keturunan di negeri Sabah dengan rakyat pelbagai kaum di Semenanjung.

Penekanan ke arah ini dikira cukup relevan, kerana jika asas ini tidak dapat ditekankan, usaha-usaha untuk mengintegrasikan perpaduan Kebangsaan sukar mencapai kejayaan.

Dialog atau perundingan ini boleh dijalankan melalui dua peringkat. Peringkat pertama melalui Jawatankuasa Antara Kerajaan tadi, iaitu antara kerajaan Pusat dengan kerajaan Negeri Sabah. Peringkat kedua ialah melalui Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia, iaitu antara tokoh-tokoh politik dan tokoh-tokoh kenamaan di dalam masyarakat yang diterima oleh umum. Sebuah Jawatankuasa Tertinggi yang mewakili kedua-dua jawatankuasa tadi hendaklah dibentuk bagi memperku dan melaksanakan persetujuan-persetujuan yang dicapai oleh kedua-dua jawatankuasa itu.

Jawatankuasa Antara Kerajaan boleh merundingkan perkara-perkara detail yang berkaitan dengan perjanjian dan kerjasama antara kerajaan Pusat dengan kerajaan Negeri, peruntukan-peruntukan kewangan, rancangan-rancangan pembangunan yang berhubungkait dengan ekonomi, sosial, pelajaran, kesihatan, keselamatan dan sebagainya. Sementara Jawatankuasa Perunding

Perpaduan pula boleh merundingkan perkara-perkara detail yang berkaitan dengan persetujuan perpaduan antara kaum di peringkat tempatan dan kebangsaan, ideologi politik, agama, sosio-budaya, ketinggian akhlak dan akal budi, tradisi keilmuan dan sikap dan falsafah perjuangan sebagai rakyat yang cintakan perpaduan, budaya hidup dan kesetiaan kepada negara.

Kesemua keputusan-keputusan dan persetujuan-persetujuan yang dicapai oleh kedua-dua jawatan ini, hendaklah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tertinggi tadi secara adil, ikhlas dan jujur dengan meletakkan kepentingan perpaduan negara sebagai objektif yang utama.

Perkara-perkara yang remeh temeh, kepentingan peribadi dan keutamaan kepada satu-satu kaum tertentu tanpa sebab dan alasan yang kuat dan konkret, hendaklah dielakkan. Ini penting dilakukan bagi mengelakkan berulangnya sikap prejudis, monopolii, penganiayaan dan sebagainya di kalangan pelbagai kaum.

Saranan ini saya kira adalah *flexible* dan tidak menyentuh digniti mana-mana pihak dan golongan tertentu. Ia seharusnya boleh dijadikan satu asas bagi merangka satu cara penyelesaian yang boleh diterima oleh semua pihak bagi kepentingan integrasi nasional secara keseluruhannya dan bagi kepentingan politik antara KK dengan KL sendiri.

Jikalau saranan ini dapat dijalankan secara ikhlas dan jujur berasaskan persaudaraan sebangsa, senegara dan serumpun, maka masalah-masalah yang bersifat *racial enclave*, *prejudis*, kepentingan peribadi, haluan politik yang berbeza, perbezaan suku kaum dan agama, serta penentangan budaya seperti yang saya sebutkan sebelum ini, dapatlah dikurangkan sekalipun tidak dapat dihapuskan sepenuhnya di kalangan pemimpin dan rakyat.

Dan dengan adanya kesediaan untuk mencari penyelesaian dan kesediaan untuk bekerjasama dan

bertolak ansur, berasaskan perpaduan bersama tadi, dapatlah pula segala masalah dan kerumitan yang timbul, seperti tuntutan PBS, isu anti Semenanjung dan tanggapan penjajahan bentuk baru, dapatlah kita hapuskan menurut asas mesyuarah dan semangat kesetiakawanan dan kecintaan kepada negara.

Jikalau ini dapat dijalankan dan dilaksanakan, maka bukan saja ketegangan antara KK dan KL dapat diredukan, manipulasi politik dapat dikendurkan dan tindakan-tindakan politik dapat dikurangkan, tetapi juga ia boleh memulihkan hubungan yang lebih baik dan mesra antara kerajaan Pusat dengan kerajaan Negeri dan antara rakyat Sabah dengan rakyat Semenanjung. Inilah sebenarnya inti dan visi bagi cita-cita rakyat Malaysia seluruhnya. Inti dan visi ini tentulah jauh lebih penting daripada missi parti-parti politik tertentu yang melihat bahawa visi mereka adalah kepentingan kekuasaan politik semata-mata.

Sudah tentulah inti dan visi ini lebih penting dipelihara dan dipertahankan oleh seluruh rakyat. Dan bukannya ketegangan harus dilawan dengan ketegangan dan pertentangan harus dilawan dengan pertentangan, kerana jika perlakuan ini yang menjadi pilihan akhir, kita boleh melihat nanti bahawa Peperangan Teluk hanya menghasilkan kemasuhan manusia dan kemanusiaan semata-mata sedangkan peperangan itu sendiri tidak memberikan apa-apa pun kepada tamadun dunia dan keintelektualisme manusia.

Berasaskan gejala inilah saya berpendapat bahawa kemasukan UMNO ke negeri Sabah, di tengah-tengah situasi yang gawat ini tidak mencerminkan kehendak sejarah dan realiti politik semasa yang wujud di kawasan tersebut.

Jikalau pembentukan Malaysia menimbulkan perselisihan dan ketegangan pelbagai pihak, termasuk di dalam dan di luar negeri, maka kehadiran UMNO di negeri Sabah itu sendiri nanti akan menimbulkan pula pelbagai ketegangan

yang lebih buruk lagi di negeri itu dan ini tentulah kontradik dengan inti dan visi yang saya sebutkan tadi.

Kita tentulah tidak bersetuju bahawa dengan kehadiran UMNO di negeri itu, peristiwa pertikaian antara kerajaan Negeri dengan kerajaan Pusat seperti yang berlaku dalam tahun 1966 lalu berulang kembali.

Begitu juga kita tentulah tidak mahu melihat tragedi rusuhan kaum seperti yang berlaku di dalam tahun 1985 itu berulang semula di Kota Kinabalu. Kita tidak mahu kerajaan Barisan Nasional dituduh berkelakuan seperti penjajah British dulu, iaitu pecah dan perintah, kerana kita sendiri telah menentang konsep pemerintahan yang serupa itu.

Sementara dasar keahlilan UMNO ini kini tidak lagi khas dan khusus untuk orang-orang Melayu saja dan sementara kepimpinan UMNO kini sampai pada stau peringkat akhir menjelang abad yang ke 21, tindakan membawa UMNO ke Sabah itu lebih dilihat sebagai satu langkah menyelamatkan parti itu buat sementara daripada kongkongan pelampau-pelampau Melayu yang kecewa dengan reputasi UMNO yang semakin goyah sekarang tetapi tindakan sementara ini tentulah boleh mendatangkan implikasi yang lebih buruk, bagi kepimpinan politik dan generasi yang akan mengambil alih kepimpinan negara yang akan datang. Sementara PAS dan Semangat 46 menarik sebahagian besar penyokong-penyokong UMNO kepada kedua-dua parti itu, UMNO merasa bahawa dengan terbukanya pintu keahlilan kepada kaum Bumiputera yang lain, UMNO akan dapat diselamatkan dan dipertahankan terus menerus atau buat sementara.

Tetapi hakikat bahawa kemasukan UMNO ke Sabah dan terbukanya pintu keahlilan kepada pelbagai suku kaum yang lain berasaskan *Bumiputera* tetapi tidak bercirikan Melayu dan Islam, maka dasar dan asas perjuangan UMNO itu sendiri pada suatu masa nanti mungkin akan mengalami perubahan. Sementara perubahan ini tidak menguntungkan Melayu, maka orang-orang Dusun/Kadazan, Murut, Bajau

dan lain-lain suku kaum Bumiputera yang bukan Islam tentulah terlalu sedikit yang mahu menyertai parti itu, kerana dasar UMNO tidak langsung bercirikan pembelaan terhadap kesukuan kaum mereka, kecuali Melayu dan Islam.

Kesediaan Presiden USNO Tun Datu Mustapha dan empat orang ahli Parlimen yang lain meninggalkan USNO dan menyertai UMNO, tidak harus ditafsirkan sebagai satu tanda bahawa UMNO akan mencapai kejayaan di negeri Sabah.

Sudah pasti selepas UMNO dirasmikan penubuhannya di negeri itu, ramailah lagi pemimpin-pemimpin politik dari USNO, BERJAYA, AKAR, PRS dan sebagainya akan menyertai UMNO. Ini adalah petanda baik bagi UMNO itu sendiri.

Keanggotaannya akan terus bertambah dan jikalau dakwaan Presiden USNO itu bahawa seramai lebih daripada 200 000 orang ahli USNO akan menyertai UMNO, maka menjelang akhir tahun ini keahlian UMNO mungkin akan meningkat ke paras hampir 2 juta orang.

Tetapi haruslah diingat bahawa dakwaan-dakwaan yang serupa ini bukanlah faktor penentu yang boleh dipegang. Sebelum Pilihanraya Negeri dan Parlimen diadakan dulu pun, dakwaan-dakwaan yang meramalkan USNO akan menang, AKAR akan menang dan PRS akan menang telah juga dicetuskan. Tetapi hasil pilihanraya itu menunjukkan dengan jelasnya bahawa hanya parti PBS yang mendapat kepercayaan rakyat, sementara USNO hanya diberi hak sebagai pembangkang saja walaupun parti itu adalah anggota Barisan Nasional.

Parti-parti politik yang lain seperti AKAR, PRS dan BERJAYA boleh dianggap telah berkubur terus. Berdasarkan keputusan itu, adalah jelas bahawa impian dan ramalan hanya bisa menjadi '*mimpi kesiangan*' bila realiti dan kenyataan menjadi bahan bukti.

Menyentuh mengenai rancangan kemasukan UMNO ke Sabah dan keputusan pilihanraya tadi, saya menjadi terperanjat apabila membaca laporan bahawa Tun Datu Mustapha telah melepaskan kedudukannya sebagai ADUN USNO di kawasan Usukan dan jawatannya sebagai Presiden USNO. Serentak dengan pelepasan jawatan-jawatannya itu, beliau terus mengumumkan penyertaannya di dalam UMNO dan mahu menjadi pemimpin politik Sabah yang pertama untuk memimpin UMNO di negeri itu.

Pengumuman hasratnya itu sungguh memerlukatkan. Adakah kerana setelah hampir 30 tahun beliau menunggu kehadiran UMNO di negeri Sabah itu, maka beliau tidak sabar-sabar lagi mahu menjadi pemimpin parti itu? Adakah beliau percaya bahawa orang Islam di Sabah masih memerlukan kepimpinannya, sehingga apabila UMNO Pusat melantik Encik Ghafar Baba menjadi PR sementara UMNO Sabah, beliau lalu melenting marah.

Mengapa beliau begitu mudah diberi kepercayaan mengendalikan UMNO Sabah? Apakah UMNO tidak menyedari bahawa reputasi politik orang tua itu sudah jauh merosot dan kerana itu relevansinya terhadap kewibawaan UMNO di Sabah akan sukar dicapai.

Sejarah masa lampau tidak boleh menyembunyikan fakta bahawa bekas Ketua Menteri dan Presiden USNO itu telah banyak melakukan kesilapan semasa pemerintahannya. Selain dari bersifat feudal, autokrasi dan memusnahkan kepercayaan rakyat terhadap kepimpinannya dan USNO, beliau juga pernah mencadangkan supaya Sabah keluar daripada Malaysia dan menentang penyerahan Pulau Labuan kepada Wilayah Persekutuan.

Kelakuan dan tindakannya ini, sepatutnya sudah boleh menamatkan kerier politiknya itu, dan pemimpin UMNO Pusat sepatutnya tidak begitu tergesa-gesa berfikir untuk melantiknya menjadi pemimpin UMNO di negeri Sabah.

Nampaknya jika UMNO meletakkan kepercayaan kepada orang tua itu, ini tidak mencerminkan tindakan yang bijaksana. Tindakan itu dengan sendirinya membolehkan beliau mengulangi semula kelakuan-kelakuan politik yang bercorak pilih kasih, autokrasi dan dynasti politik di dalam UMNO negeri Sabah. Ini boleh diramalkan berdasarkan cara beliau bertindak keluar daripada USNO sementara 11 ADUN yang lain tidak dibenarkan keluar. Mengapa hanya beliau seorang saja bertukar ADUN, sedangkan ahli-ahli lain tidak?

Adakah 11 orang ADUN USNO yang lain itu bimbang untuk meletakkan jawatan mereka kerana takut mengalami kekalahan dengan calon-calon PBS bila diadakan pilihanraya semula? Bukanakah, kalau menurut pandangan Dr. Mahathir, perletakan jawatan mereka tidak akan menjelaskan kedudukan mereka sebagai ADUN, kerana mereka adalah anggota Barisan Nasional atau adakah mereka merasa tidak selamat sebagai ADUN UMNO kerana ada pihak yang berpendapat bahawa kelayakan mereka sebagai calon Barisan Nasional tidak boleh diterima, kerana ketika mereka bertanding dulu, mereka menggunakan lambang USNO dan bukannya lambang Barisan Nasional.

Dalam hubungan ini, soal sama ada mereka boleh menjadi wakil Barisan Nasional atau tidak, sepatutnya tidak penting. Kalau dengan meletakkan jawatan di dalam USNO dan memasuki UMNO, kelayakan ADUN mereka tidak terjejas, syukur Alhamdulillah. Tetapi jikalau kedudukan dan taraf ADUN mereka boleh terjejas akibat perletakan jawatan itu, mereka harus menerimanya. Ini kerana apabila seseorang ketua atau presiden sesebuah parti menarik diri dari parti yang diwakilinya, sepatutnya pengikut-pengikutnya haruslah mengikut jejaknya juga atau parti itu harus dibubarkan. Inilah sumpah perjuangan namanya – *kalah jadi abu, menang jadi arang*. Inilah namanya *gunung sama didaki, lurah sama dituruni*.

Tentulah ironis dan menganehkan, bila seorang ketua boleh mengarahkan anak buahnya meneruskan perjuangan parti yang dipimpinnya, sedangkan ia meletakkan jawatan dan meneruskan perjuangan di dalam parti yang lain.

Sudah pasti dengan cara dan tindakan yang serupa ini, orang boleh membuat kesimpulan bahawa Tun Datu Mustapha telah membuat suatu tindakan yang terburu-buru dan tidak melambangkan patriotisme seseorang pemimpin. Atau orang boleh juga mengandaikan bahawa beliau mempunyai muslihat dan kepentingan-kepentingannya sendiri melalui cara dan tindakannya itu.

Kesimpulan dan andaian ini boleh dengan mudah menjadi mangsa jaringan. Ini kerana selepas Tun Datu Mustapha mengumumkan perletakan jawatannya sebagai Presiden USNO, anaknya Datuk Amirkahar pula menawarkan dirinya bertanding sebagai Presiden USNO.

Dari segi demokrasi, tawaran Datuk Amirkahar itu tidak ada salahnya. Sesiapa pun boleh menjadi calon jika ada kesanggupan, kelayakan dan diterima oleh majoriti ahli. Hanya majoriti ahli partilah yang akan menentukan seseorang calon itu layak atau tidak menjadi presiden. Tetapi dengan cara tawaran itu dibuat sebelum sebarang ahli parti membuat cadangan dan pencalonan, ia terlihat seolah-olah dynasti politik keluarga Tun Mustapha itu tidak akan berhenti setakat ini saja. Dynasti itu, secara psikologinya, akan turun kepada anaknya pula walaupun kelayakan, kebolehan dan potensinya sebagai pemimpin belum terbuktii dan terserlah.

Saya percaya bahawa dari segi material dan pengaruh, tawaran Datuk Amirkahar itu boleh diterima. Tradisi menurunkan kepimpinan dari seorang bapa kepada anaknya boleh dianggap suatu fenomena dalam budaya hidup manusia. Tetapi sesuatu tradisi klasik yang serupa ini tidak sepatutnya wujud lagi di zaman teknologi ini. Darjah dan darah yang menjadi warisan kasta sudah lama berkubur apabila *pengetahuan empiris* mengambil tempat yang wajar

di dalam patukan akal fikiran manusia moden.

Oleh yang demikian, di dalam sesuatu kelompok masyarakat moden, kepimpinan sering diasaskan kepada faktor kebolehan, bakat, akhlak, kewibawaan dan keamanahan daripada ciri-ciri yang lain. Soal keturunan dan darah bukan sesuatu yang bersifat alternatif lagi.

Ini bukan bermakna Datuk Amirkahar tidak boleh menjadi calon atau Presiden USNO. Jikalau beliau mempunyai asas-asas yang disebutkan tadi, beliau layak diberi pencalonan. Apa yang penting ialah jikalau beliau diterima menjadi presiden, penerimaannya itu bukanlah kerana ia anak Tun Datu Mustapha – tetapi berdasarkan kepada data-data kelayakan yang saya sebutkan tadi dan yang ada kepadanya sendiri.

Berbalik kepada tindakan Tun Datu Mustapha tadi, saya masih perlu membuat singungan soalan: Apakah muslihat dan maksud tersembunyi di dalam hatinya melepaskan tanggungjawabnya sebagai Presiden USNO lalu menyertai UMNO?

Apakah pada fikirannya UMNO boleh mengambil tempat USNO di dalam situasi dan kondisi politik di Sabah sekarang? Adakah beliau berkeyakinan bahawa majoriti Bumiputera Islam di Sabah boleh menerima UMNO sebagai wadah perjuangan mereka sedangkan asas perjuangan, tujuan dan matlamat parti itu lebih banyak berorientasikan Melayu Islam daripada Bumiputera bukan Islam?

Dan soalan yang akhir, tidakkah dengan langkahnya meninggalkan USNO, tidak memungkinkan USNO akan berkubur dan masa depan politiknya akan menjadi kacau bilau seperti dulu atau petanda zaman kegemilangannya sudah berakhir?

Memandang bahawa beliau begitu tergesa-gesa mahu melepaskan jawatan Presiden USNO dan terus pula menuntut kepercayaan menjadi Ketua Perhubungan UMNO

negeri Sabah, saya seakan-akan boleh mengesan dan mengandaikan bahawa cara dan langkah yang dilakukannya itu boleh menjerat dirinya sendiri.

Cara dan langkahnya yang diumpamanya seperti '*dengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan*' boleh menjelaskan kewibawaan politiknya. Bagaimana kalau UMNO membatakan niat dan hasratnya untuk bertapak di Sabah? Apa akan jadi kepada beliau? Tidakkah ini bermakna beliau telah menggali kuburnya sendiri?

Menyentuh tentang konsep politik dan kelakuan Tun Datu Mustapha yang tidak berpandangan jauh itu, saya patut menyentuh kembali mengenai apa yang dilakukan oleh Tun Fuad Stephens dulu sebagai suatu pelajaran, iaitu tindakannya membubarkan UPKO dan menyeru ahli-ahlinya menyokong USNO sebagai suatu langkah bagi mengelakkan ketegangan perkauman dan bagi faedah dan kebaikan orang-orang Dusun/Kadazan sendiri.

Ternyata hasil dari apa yang dilakukan oleh Tun Fuad itu telah memberikan faedah yang besar kepada kaum Dusun/Kadazan sendiri, di mana akhirnya apabila USNO dan BERJAYA ditolak oleh majoriti rakyat Sabah, parti PBS yang berteraskan Dusun/Kadazan dan dipimpin oleh kaum Kadazan sendiri telah berjaya muncul sebagai pemerintah dan memulihkan kembali kepercayaan dan penyatuan orang-orang Dusun/Kadazan yang dulunya menyokong parti PASOK MOMOGUN dan UNKO (UPKO) itu.

Apakah pengalaman sejarah dan realiti politik orang-orang Dusun/Kadazan itu tidak boleh dijadikan iktibar atau pengajaran kepada pemimpin-pemimpin USNO dan Bumiputera Islam yang lain di Sabah bahawa jika sokongan kepada kepimpinan USNO sudah tidak ada dan jika parti USNO sudah dianggap sebuah parti perkauman yang sempit dan tidak diterima lagi, maka apakah tidak perlu kedudukan dan masa depan parti itu dikaji semula? Adakah dengan membawa masuk UMNO di negeri itu,

Bumiputera Islam boleh diselamatkan?

Tidakkah boleh misalnya parti USNO dibubarkan seperti UPKO dulu, lalu kesemua ahlinya diserapkan ke dalam PBS? Atau jika tindakan ini dianggap buruk, memalukan atau tidak praktis, apa salahnya USNO dan PBS membentuk kerjasama politik dan pemerintahan seperti PAS dengan UMNO dulu atau seperti parti PBDS dengan PBB, SUPP dan SNAP di Sarawak?

Bukankah dengan cara kerjasama USNO + PBS dianggap lebih sesuai diamalkan di negeri Sabah daripada mengimport parti lain dari luar Sabah yang jelas asas dan perjuangannya berbeza dengan apa yang wujud di negeri itu?

Dengan membubarkan USNO atau dengan bekerjasama dengan PBS, perpaduan Bumiputera Islam dan bukan Islam bukan saja dapat disatukan dan digembelingkan kembali, tetapi juga pembahagian kuasa, pembahagian jawatan dan pembahagian kerja-kerja pembangunan di negeri Sabah dapat diagih-agihkan berdasarkan nisbah dan persetujuan mesyuarah dan kerjasama seperti yang dilakukan oleh komponen Barisan Nasional di peringkat Pusat.

Sudah tentu tujuan dan matlamat yang baik ini akan disokong oleh rakyat. Kesediaan kepimpinan PBS untuk bekerjasama sebagaimana yang diperakurkan oleh lima orang pemimpin PBS yang diketuai oleh Datuk Sri Pairin kepada Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad pada 3 Februari 1991 lalu di Kuala Lumpur, membuktikan bahawa kepimpinan parti tersebut menyedari bahawa inilah satu-satunya jalan yang lebih baik dilaksanakan di negeri Sabah, daripada membawa masuk UMNO ke negeri tersebut.

Perdana Menteri sendiri, nampaknya, tidak keberatan menerima dan menyokong cadangan seperti itu asalkan ia dapat mengikut semangat kerjasama berasaskan prinsip Barisan Nasional. Perbezaan-perbezaan yang kecil mungkin

#### KEMASUKAN UMNO KE SABAH

terpaksa dihadapi, umpamanya PBS adalah kerajaan pembangkang pula bagi kerajaan Pusat, sementara USNO pula adalah pembangkang bagi kerajaan negeri.

Tetapi demi kepentingan rakyat Sabah seluruhnya, perbezaan-perbezaan kecil itu tentulah boleh diatasi.

Masalahnya ialah apabila kita bersedia untuk bekerjasama dengan sebuah parti pemerintah, kita janganlah begitu tamak menuntut pembahagian kuasa dan jawatan yang lebih besar daripada orang lain. Sudah tentu sikap dan tindakan ini bukan saja tidak akan memberi faedah kepada USNO sendiri dan parti PBS juga, tetapi juga ia tidak akan memberi faedah kepada Bumiputera Islam dan rakyat Sabah seluruhnya.

Jika kerjasama dua parti ini dapat dilaksanakan, ia bukan saja dapat menyatukan dua buah parti politik yang bertentangan di Sabah dan membatalkan rancangan UMNO ke Sabah, sebaliknya ia merupakan satu lagi sejarah penting dalam perkembangan politik di negeri Sabah itu sendiri. Kerjasama seperti ini pernah dijalankan di dalam tahun 1985 lalu, tetapi ia tidak dapat bertahan lama. Saya fikir usaha-usaha murni ini patutlah diteruskan juga walaupun ada pihak-pihak yang mula melihatnya bahawa konsep kerjasama ini menjadi semakin payah sekarang akibat adanya ketidak sefahaman.

Jikalau cadangan ini dikira tidak praktikal dan menguntungkan Bumiputera Islam, maka langkah lain yang boleh diambil ialah bahawa parti USNO haruslah membuat suatu transformasi yang menyeluruh di dalam batang tubuhnya.

Parti itu haruslah mewujudkan satu corak kepimpinan yang baru, yang lebih komited, intelek, berakhlik, berbudaya dan tunduk kepada harakah Islamiah. Sikap dan pendirian kepimpinannya hendaklah tidak bersifat melampau dan keras dengan mengamalkan method tradisional yang beku atau modenisme yang tidak jelas.

Mewujud dan menentukan sekumpulan pemimpin Islam yang berpotensi dan berwibawa di Sabah memang agak payah. Tradisi kepimpinan yang berbentuk pelapis seperti yang diamalkan oleh UMNO, hampir-hampir tidak diamalkan di Sabah. Ini bukan saja berlaku di dalam USNO dan BERJAYA, tetapi juga di dalam parti PBS.

Sebab itulah sehingga ini USNO tidak pernah mengemukakan seorang pemimpin pelapis yang berpotensi dan berwibawa. Demikian juga BERJAYA, sehingga parti itu dibubarkan pun, pengganti Datuk Harris Salleh tidak pernah tertonjol, kecuali Datuk Mohd. Noor Mansor.

Kesediaan Tun Datu Mustapha untuk keluar daripada pimpinan USNO dikira cukup baik untuk mewujudkan transformasi kepimpinan yang baru.

Seorang pemimpin Islam yang intelek, berwibawa, aktif dan boleh diterima oleh semua pihak, termasuk Bumiputera bukan Islam, patutlah dicari dan ditonjolkan semula bagi mengembalikan kegemilangan masa lampau USNO.

Pencarian dan pengwujudan kepimpinan Islam yang semacam ini dikira amat mendesak di Sabah. Ini kerana perubahan yang perlu wujud di dalam parti itu tidak harus semata-mata bergantung kepada '*sesuatu itu harus berubah*' sebagaimana yang dicatitkan di dalam teori perubahan sosial di Barat, sebaliknya sebagai umat Islam, kita patutlah mencuba untuk '*mengubah sesuatu*' di dalam lingkungan yang tidak bertentangan dengan norma dan '*elan*' Islam. Ini termasuklah mengubah bentuk dan struktur kepimpinan USNO itu sendiri, supaya ia lebih kuat, mantap dan diterima oleh umum. Sumbangan Datuk Amirkahar di sini tentulah amat berguna bagi USNO.

Kaum Bumiputera Islam di Sabah haruslah menyedari bahawa 'tidak ada sesiapa yang boleh mengubah nasib mereka, melainkan mereka sendirilah yang harus mengubahnya'. Kepimpinan USNO yang ada sekarang tidak

boleh lagi dijadikan tempat pergantungan kerana pendirian dan sikap perjuangan pemimpinnya kini sudah diikat oleh satu bentuk perjuangan yang bersifat skular.

Kesediaan parti PBS untuk bekerjasama dan membentuk sebuah kerajaan campuran dengan USNO, seharusnya diterima dengan fikiran terbuka, tidak bersyak wasangka dan tidak dianggap '*ada udang di sebalik batu*' seperti yang diperingatkan oleh pemimpin PAS, MCA dan MIC itu.

Saya lebih bersetuju dengan kenyataan Encik Ghafar, bahawa "*kalau kita ingin berbaik, kita tidak boleh menaruh perasaan syak wasangka, kerana kalau ini yang diutamakan, kerjasama itu tidak akan dapat berjalan berpanjangan.*"

Kesediaan PBS untuk bekerjasama dengan USNO itu bukanlah berasaskan kepada kepentingan parti atau kepentingan kepimpinannya semata-mata. Kesediaan itu lebih diasaskan kepada demi masa depan integrasi nasional di negeri Sabah sendiri.

Asas ini lebih penting daripada kepentingan yang lain. Ini kerana sebagai sebuah parti yang mempunyai mandat dan majoriti dua pertiga ahli di dalam Dewan Undangan Negeri, parti PBS sebenarnya tidak perlu bekerjasama atau membentuk sebuah kerajaan campuran dengan sebuah parti lain seperti USNO. Tetapi mengingatkan bahawa integrasi nasional tidak mungkin dapat diwujudkan di negeri Sabah selagi ada parti pembangkang dan selagi ada rancangan pihak UMNO mahu mengembangkan sayapnya ke negeri itu, maka pengorbanan PBS untuk mewujudkan perpaduan rakyat melalui kerjasamanya dengan USNO dikira satu pengorbanan yang cukup besar.

Pengorbanan begini bukan saja sesuatu yang sukar diberikan, tetapi juga sesuatu yang amat pahit ditelan.

Dalam sejarah politik di Malaysia, belum ada terjadi sebuah parti politik yang mempunyai kuasa majoriti dua pertiga, menawarkan perkongsian kuasanya dengan sebuah

politik lain yang menjadi pembangkang kepadanya. Apa yang pernah terjadi ialah kerjasama antara UMNO dengan PAS di dalam Kerajaan Campuran di Kelantan pada 1 Januari 1973 sehingga menjelang pilihanraya tahun 1974. Demikian juga dengan Parti Gerakan di Pulau Pinang, di mana akhirnya kerjasama itu terbentuk melalui apa yang dinamakan Barisan Nasional.

Saya tidak bersetuju dengan persoalan setengah-tengah pihak, mengapa PBS tidak bersedia bekerjasama dengan UMNO, tetapi lebih bersedia bekerjasama dengan USNO? Dan saya juga hairan mengapa orang harus mengandaikan bahawa persetujuan PBS untuk bekerjasama dengan USNO itu sebagai taktik untuk menolak kemasukan UMNO ke negeri Sabah.

Persetujuan PBS untuk bekerjasama dengan USNO dikira lebih tepat dan sesuai daripada persetujuannya untuk bekerjasama dengan UMNO. Pertamanya USNO adalah sebuah parti politik tempatan Sabah. Ketepatan dan kesesuaian itu berdasarkan, dalam banyak hal, kerjasama itu boleh disepadukan melalui toleransi dan persefahaman, kerana kedua-dua parti itu memahami hasrat dan aspirasi rakyat negeri Sabah itu sendiri. Dan kedua, dengan bekerjasama secara terus dengan parti politik tempatan sendiri, karenah birokrasi tidak banyak menimbulkan halangan. Ini berbeza jika PBS bekerjasama dengan UMNO.

Dengan bekerjasama dengan USNO juga, parti PBS dan parti USNO boleh bekerjasama menarik perhatian pemimpin Pusat terhadap perkara-perkara tuntutan PBS yang dibuatnya dahulu. Kerajaan Pusat tentulah tidak akan membuat banyak karenah jika tuntutan yang serupa itu dibuat oleh kedua-dua parti politik yang berkenaan. Ini akan mewujudkan kembali kesinambungan sejarah dan interaksi kepimpinan Pusat dan Negeri.

Dengan adanya kerjasama PBS – USNO ini juga, masalah dan isu tekanan agama dan penindasan antara kaum, seperti

yang didakwa oleh setengah-tengah pihak itu akan dapat dihapuskan.

Sebaliknya jika PBS mahu bekerjasama dengan UMNO, ia akan menjadi rumit dan payah. Ini kerana kewujudan UMNO di Sabah, ketika tawaran kerjasama itu dibuat, belum dirasmikan lagi. Lagi pun bagaimanakah kerjasama atau kerajaan campuran itu hendak dilaksanakan, sedangkan 11 orang ADUN USNO di Sabah masih belum menjadi ADUN UMNO, kecuali Tun Datu Mustapha saja?

Bagaimana UMNO hendak mengadakan kerjasama dengan PBS sedangkan ia sendiri tidak mempunyai anggota Dewan Undangan Negeri?

Sebaliknya pula sekiranya kesemua 12 orang ADUN USNO meletakkan jawatan dan memasuki UMNO, mereka belum tentu boleh secara automatik terus kekal sebagai ADUN UMNO. Ini kerana Perlembagaan Sabah belum tentu boleh membenarkan penukaran begini dilakukan, kecuali melalui proses pilihanraya atau perbicaraan mahkamah.

Sekiranya perletakan jawatan mereka itu melibatkan pilihanraya baru, bolehkah kesemua ADUN USNO itu berjaya sebagai calon UMNO? Kesemua persoalan-persoalan ini perlu diambil kira, sebelum masalah kerjasama PBS dengan UMNO ini didesak dan dipaksakan kepada PBS.

Seperkara lain yang perlu diteliti ialah bahawa UMNO itu bukanlah sebuah parti politik yang bersifat regional seperti USNO atau PBS. Sebagai sebuah parti politik yang bukan menjadi teras kepada kerajaan pusat di Kuala Lumpur, PBS mungkin tidak berupaya meletakkan dirinya setaraf dengan UMNO. Kerjasama dengan UMNO itu mungkin lebih menguntungkan parti itu daripada PBS sendiri. Ini kerana Presiden UMNO adalah Perdana Menteri, sementara Presiden PBS hanya Ketua Menteri. Sudah pasti kuasa dan pengaruh antara keduanya boleh memainkan peranan dan kuasa yang berbeza.

Mengenai andaian bahawa persetujuan PBS untuk bekerjasama dengan USNO itu sebagai taktik untuk menolak kemasukan UMNO ke negeri Sabah, mungkin merupakan satu andaian yang menarik untuk dibahaskan. Saya tidak menentang andaian ini. Ia mungkin benar dan mungkin juga tidak.

Tetapi satu perkara yang harus kita lihat ialah bahawa di samping pelbagai alasan yang saya kemukakan sebelum ini tentang betapa tidak perlunya UMNO dibawa ke Sabah dalam suasana yang gawat dan kritikal ini, kita harus juga menimbangkan keperluan perpaduan antara kaum di Sabah dengan pengorbanan yang diberikan oleh PBS di dalam statusnya sebagai pemerintah.

Jika PBS boleh mengorbankan maruah dan dignitinya hanya semata-mata untuk perpaduan rakyat Sabah dan perpaduan di peringkat Kebangsaan dengan menawarkan kerjasamanya dengan USNO, apakah kita perlu pula menentangnya terus, hanya berasaskan sejarah konflik dan perselisihan masa lampau?

Adakah patut kita mengandaikan jika parti Semangat 46 mencapai kemenangan di dalam Pilihanraya Umum yang lalu, parti PBS tidak akan menawarkan kerajaan campurannya dengan USNO? Untuk apakah persoalan seperti ini dibangkitkan sedang kita menyedari bahawa pemikiran politik, seperti juga dengan sebarang pemikiran lain, hanya difahami sepenuhnya dengan mengaitkannya di dalam konteks semasa, pesonaliti dan tempat di mana ia berlaku.

Ini bermakna bahawa kesempatan terbaik bagi sesuatu pemikiran politik hanya akan diajukan pada ketika atau di dalam suasana dan saat yang amat kritikal. Oleh itu untuk apakah persoalan ini dibangkitkan ketika kita sedang mencuba untuk memulihkan perpaduan integrasi nasional antara Sabah dengan Semenanjung? Bukankah andaian ini tidak akan membantu mewujudkan konsep integrasi nasional itu?

Meneliti ucapan Perdana Menteri selaku Presiden UMNO ketika merasmikan penubuhan UMNO di Sabah pada 21 Februari lalu, saya berkeyakinan bahawa ucapannya itu tidak ubahnya seperti sikap Presiden Amerika George Bush yang menolak tawaran damai Presiden Saddam Hussein di dalam krisis Perang Teluk.

Jika Perdana Menteri Malaysia itu tidak bersetuju atas perbuatan Amerika dan sekutunya memusnahkan Iraq di dalam peperangan itu, maka saya juga tidak bersetuju dengan cara beliau menyerang kepimpinan PBS secara terbuka dan amat keras itu.

Sebagai pemimpin kerajaan Pusat yang amat saya hormati, beliau sewajarnya tidak perlu menimbulkan hal-hal yang amat sensitif begitu di dalam sebuah negeri di bawah naungannya, sekalipun tidak di bawah kuasanya, kerana walaupun kita tidak menyukai kepada setengah-tengah pemimpin politik di negeri tersebut, namun sebagai pemimpin Pusat, apa yang kita lakukan hari ini bukan saja akan dicontohi oleh pengikutnya tetapi juga boleh menimbulkan implikasi yang buruk kepada penentang-penentangnya yang lain di masa yang akan datang.

Apa yang diucapkan oleh Presiden UMNO itu, dilihat dari pelbagai segi, tidak mengundang masa depan yang terbaik bagi perpaduan di Malaysia. Ini sesungguhnya sesuatu yang amat menyedihkan.

Seperti yang saya katakan di dalam bab yang terdahulu dari ini bahawa Dr. Mahathir Mohamad bukan saja sebagai Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional, tetapi yang lebih penting daripada itu beliau juga adalah seorang Perdana Menteri.

Dalam sebuah negara demokrasi di mana perdana menterinya menjadi arkitek perpaduan rakyat, ucapan dan tindakannya haruslah melambangkan aspirasi rakyat secara keseluruhannya. Bukannya bersikap memihak kepada suatu

pihak dan mengecam kepada pihak lain yang tidak bersetuju dengan cara pentadbirannya.

Tindakan ini tentulah tidak membantu mewujudkan integrasi Nasional secara lebih luas. Saya terpaksa menyebutkan ini kerana, seperti yang telah Dr. Mahathir sendiri katakan bahawa '*UMNO tidak wujud untuk pemimpinnya. Semua pemimpin adalah sementara. Mereka akan pergi dan akan diganti oleh pemimpin baru.*' Tetapi negara dan rakyat tidak harus menjadi korban kebencian dari seorang atau beberapa orang pemimpin kepada seorang atau beberapa orang pemimpin yang lain.

Saya bangkitkan perkara ini secara khusus untuk negeri Sabah ialah kerana dalam sejarah pergolakan politik di negeri itu, kita boleh melihat secara perbandingan, bagaimana Allahyarham Tun Abdul Razak menggunakan taktik memencilkan kedudukan dan pengaruh Tun Mustapha di dalam politik di negeri itu apabila beliau (Tun Mustapha) cuba merancangkan pemisahan Sabah daripada Malaysia. Allahyarham Tun Razak tidak menggunakan taktik menyerang secara terbuka dan berterang-terangan kepada Tun Mustapha. Sebaliknya beliau memanggil Donald Stephens dan Datuk Harris Salleh menubuhkan parti BERJAYA dan menumbangkan Tun Mustapha di dalam suatu proses pilihanraya (1976) berdasarkan konsep demokrasi.

Demikian juga apabila Datuk Harris hendak dijatuhkan oleh parti PBS di bawah pimpinan Datuk Pairin, Datuk Musa Hitam tidak juga menyerang Datuk Harris secara terbuka dan berterang-terangan. Sebaliknya menyerahkan kepada rakyat untuk menolak Datuk Harris melalui pilihanraya juga dan memilih Datuk Pairin sebagai pemimpin Sabah atas nama parti PBS.

Malangnya dalam zaman Mahathir, beliau tidak menggunakan cara yang diamalkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan Datuk Musa Hitam itu. Setelah beliau

gagal menaja parti AKAR untuk menumbangkan PBS, beliau mengambil tindakan menangkap, menahan dan menyerang kepimpinan parti PBS itu secara terbuka dan terang-terangan.

Tindakan menyerang musuhnya secara terbuka dan terang-terangan begini mungkin sesuai dilakukan di zaman USNO dan BERJAYA dulu. Ini kerana pada ketika itu, kedua-dua pemimpin itu telah melakukan tindakan-tindakan kepimpinan yang bercorak autokrasi, feudal, kepentingan diri sendiri, rasuah, diktatorship dan kuku besi. Majoriti rakyat tentulah bersetuju apabila Allahyarham Tun Abdul Razak dan Datuk Musa Hitam menyingkirkan Tun Mustapha dan Datuk Harris Salleh. Tetapi demi perpaduan dan keharmonian rakyat, Tun Razak dan Datuk Musa tidak juga berkasar kepada kedua-dua tokoh politik Sabah itu. Mereka dijatuhkan melalui proses demokrasi, iaitu pilihanraya.

Tetapi di bawah kepimpinan parti PBS, alasan untuk menyingkirkan kepimpinan parti itu tidaklah begitu kuat. Tindakan membawa masuk UMNO ke negeri Sabah atas alasan semata-mata kerana PBS keluar daripada Barisan Nasional bukanlah alasan yang bersifat rasional dan nasionalistik. Begitu juga alasan penyelewengan Datuk Pairin atau tindakan Dr. Jeffery Kitingan dan Dr. Maximus Ongkili yang dituduh mahu membawa keluar Sabah daripada Malaysia dan menuduh Dr. Jeffery mahu menjadi Presiden Sabah, juga lebih banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur sentimen politik daripada sentimen undang-undang dan keselamatan negara.

Saya bersetuju bahawa tindakan-tindakan politik lebih bersifat keputusan yang menyangkut dengan kepentingan majoriti rakyat dan selalunya bersifat mengikat kepada kepentingan konsep politik itu sendiri. Keputusan-keputusan politik seperti ini dapat diibaratkan seperti sebilah pisau yang bermata dua: Yang satu menghiris jantung satu pihak, sementara satu yang lain menikam pula pihak yang lagi

satu. Oleh yang demikian, keputusan politik begini tidak bersifat kompromi sosial daripada pelbagai aspirasi yang tumbuh di dalam masyarakat dan dengan demikian, usaha untuk mewujudkan integrasi nasional, mengikut cara ini, sukar akan mencapai kejayaan.

Perlulah disedari bahawa majoriti rakyat Sabah pada umumnya sekarang tidak lagi bergantung kepada arahan dan tindakan politik para pemimpinnya saja. Kebanyakan rakyat Sabah yang terdidik, mulai bangun dan mewujudkan suatu era baru di mana mereka tidak lagi menekankan pengamatannya kepada unsur persamaan saja tetapi lebih terarah kepada perbezaan-perbezaan yang berlaku di hadapan mereka dengan menentukan jaringan-jaringan siapa yang boleh dipercayai dan siapa yang lebih komited dengan sukubangsanya di samping mereka tidak terlalu prejudis kepada sukubangsa yang lain.

Mana-mana pemimpin yang dianggap sudah lesu, tidak boleh dipercayai dan tidak boleh lagi dijadikan tempat sandaran dan harapan kepada bangsanya akan ditolak terus dari mengambil tempat kepimpinannya semula. Sebab itulah kebanyakan pemimpin Sabah masa lalu seperti Tun Datu Mustapha, Datuk Harris, Datuk James Ongkili (Datu James telah memasuki parti PBS sekarang), Datuk Mohd. Noor Mansor, Datuk Mark Koding dan lain-lain pemimpin, telah kalah dalam pilihanraya yang lalu. Kepimpinan generasi baru yang terdidik dan mempunyai visi dan misi yang tinggi telah terus dipilih untuk memerintah negeri Sabah.

Malangnya oleh kerana kepimpinan baru ini mencetuskan pelbagai rupa reformasi yang bercanggah dengan kepentingan segelintir kepimpinan elit yang berkuasa sebagai pemerintah di peringkat pusat, mereka itu lalu dianggap penentang dan perosak kepada keutuhan negara dan integrasi nasional. Akibatnya atas nama kekuasaan politik, kepimpinan elit ini mahu memperbuat apa saja bagi menghancurkan kepimpinan baru yang cuba menunjukkan

taring kekuasaan politiknya itu tanpa memperdulikan samada tindakan-tindakan itu boleh menjelaskan kepentingan nasional atau tidak.

Saya bersetuju bahawa pengetahuan empiris tidak dapat memproduksikan jangkauan apa yang wujud di dalam kebatinan manusia selain dari sekadar ramalan hipotesis dan jangkaan, namun satu hakikat perlulah disedari bahawa apabila sesuatu pihak merasakan perlunya diwujudkan semula persahabatan dan kerjasama dengan satu pihak yang lain, maka keengganannya pihak lain untuk sedia kembali menjalin persahabatan dan kerjasama dengan pihak berkenaan itu, menunjukkan bahawa pihak lain itu tidak gentlemen dan tidak mengamalkan sikap tolak ansur.

Menimbulkan kecurigaan dan kesangsian di atas 'salam persahabatan' itu semata-mata tanpa memberi peluang kepada pihak berkenaan menunjukkan kejujuran dan keikhlasannya selepas itu, mencerminkan sikap keangkuhan dan kerakusan kuasa pihak lain itu.

Apa salahnya persahabatan dan kerjasama ini diterima sebagai asas perpaduan sementara. Bukankah ini menjadi penting bagi meredakan suasana yang gawat sementara kita melihat nanti sejauh mana kejujuran dan keikhlasan itu dapat dibuktikan oleh pihak yang berkenaan?

Bukankah langkah ini suatu langkah 'genjatan senjata' bagi mengelakkan peperangan yang amat kita sedari tidak akan membawa keuntungan kepada sesiapa pun itu? Tidak bolehkah kita mengambil contoh bahawa peperangan di Teluk itu tidak menguntungkan Iraq dan Amerika, kecuali kemusnahan harta benda dan kematian nyawa manusia yang tidak berdosa?

Dalam hubungan ini, saya mempunyai keyakinan penuh bahawa langkah kerjasama yang ditawarkan oleh PBS kepada USNO itu, harus merupakan satu kesempatan yang terbaik bagi parti Islam itu sendiri. Langkah kerjasama ini

bukan saja mempunyai signifikasi yang amat luas dari segi perpaduan tempatan, tetapi juga amat relevan dengan kepentingan sejarah masa lampau dan kepentingan kebangsaan Malaysia. Ini kerana, pertama: dengan bekerjasama dengan parti PBS, krisis kepimpinan dan konflik perkauman dan agama di Sabah akan dapat dihindarkan. Kedua, dengan kerjasama itu juga, perselisihan dan ketegangan yang terjadi antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu dapat dihentikan. Dan ketiga, dengan kerjasama ini juga, bumiputera Islam dan non Islam akan dapat bersama-sama kembali membangunkan pembangunan ekonomi di negeri Sabah dengan lebih pesat lagi tanpa gangguan kecurigaan, kesangsian dan kebimbangan yang tidak berasas.

Di sinilah pentingnya peranan tiga buah jawatankuasa yang saya cadangkan tadi. Jawatankuasa ini, terutamanya Jawatankuasa Tertinggi, boleh menentukan haluan dan garis panduan yang penting bagi merangka, menyusun dan melaksanakan tujuan dan maksud kerjasama tadi.

Dengan adanya rangka kerjasama yang praktikal seperti ini, adalah diharap supaya semua masalah, kesulitan dan perselisihan yang mungkin terjadi di masa depan dapat dibuat penyelesaian melalui majlis Jawatankuasa Tertinggi ini. Majlis ini hendaklah dijadikan kuasa pemutus bagi membuat sebarang keputusan yang dianggap terpenting tetapi tidak melebihi had kuasanya dengan Perlembagaan Negeri, Perlembagaan Negara, kemuliaan Parlimen dan undang-undang. Sebarang campur tangan politik hendaklah dielakkan daripada mencampuri urusan majlis Jawatankuasa Tertinggi ini.

Sudah tentulah dengan adanya sebuah jawatankuasa tertinggi seperti ini, kemasukan dan peranan UMNO di Sabah menjadi tidak relevan lagi pada waktu ini. Ini kerana jika jawatankuasa ini dapat menyelesaikan masalah-masalah pokok yang menjadi konflik kepimpinan politik antara KK

dan KL itu, maka kerumitan integrasi nasional tentulah mudah diatasi.

Satu perkara yang wajar dikaji oleh kepimpinan UMNO dan USNO pada waktu ini ialah betapa UMNO dan USNO itu sebenarnya dapat bekerjasama antara satu sama lain tanpa mengorbankan identiti sesuatu pihak.

Dalam Perlembagaan UMNO baru, Fasal 4 yang berkaitan dengan keahlian bab 4.3 menyebutkan bahawa *Ahli Bergabung ialah sebuah pertubuhan politik yang bersetuju bekerjasama dengan UMNO dan menerima syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi*. Mengapa Fasal 4 Perlembagaan UMNO ini tidak digunakan oleh USNO untuk bekerjasama dengan UMNO tanpa mengorbankan asas, tujuan dan kepentingan USNO yang sudah diwujudkan sejak hampir-hampir 30 tahun itu? Dan mengapa pemimpin-pemimpin USNO begitu tergesa-gesa benar muh meninggalkan parti itu lalu memasuki UMNO, seolah-olah pilihanraya Negeri akan diadakan sekali lagi?

Mengapa mereka sanggup meninggalkan 11 orang orang wakil rakyat USNO yang terkuntang-kuntang tanpa sokongan daripada ahli-ahli USNO lagi?

Meneliti dan mengkaji cara kemasukan UMNO dan cara pembubaran USNO itu akan dibuat mencerminkan seolah-olah baru sekarang kesedaran perpaduan USNO + UMNO itu perlu dilaksanakan, sedangkan hasrat pengwujudan UMNO di Sabah itu sudah lebih 27 tahun disuarakan oleh Tun Mustapha. Seolah-olah penukaran huruf 'M' di dalam USNO kepada UMNO itu terasa perlu ditukar dan digantikan segera bagi menghadapi satu kemungkinan pilihanraya yang lain seperti yang berlaku di zaman BERJAYA tolak USNO dan PBS tolak BERJAYA dahulu. Bolehkah andaian ini kita kemukakan? Apakah penglibatan Pairin + Jeffery + Maximus di dalam beberapa kes tertentu, kemungkinan satu lagi Pilihanraya Negeri akan diadakan seperti yang berlaku di dalam tahun 1985 dan tahun 1986 yang lalu itu?

Saya berpendapat bahawa jikalau andaian-andaian di atas boleh dirumuskan sebagai benar, saya percaya bahawa keupayaan UMNO Sabah untuk mengulangi kejayaan BERJAYA menumpaskan USNO atau kejayaan PBS menumpaskan BERJAYA seperti yang berlaku di dalam tahun 1976 dan tahun 1985 itu agak sulit dan sukar.

Seperti yang saya katakan tadi, rakyat Sabah sekarang tidak lagi bergantung kepada arahan dan tindakan politik para pemimpinnya saja. Mereka tidak lagi akan berpegang kepada pendapat *Vilfredo Pareto* bahawa semua masyarakat adalah diperintah oleh *kumpulan elit*, oleh *kelompok terpilih daripada rakyat semata-mata*. Mereka muhu supaya amalan syura yang bermakna kepimpinan yang diberi kuasa memerintah haruslah peka dan prihatin terhadap suara dan aspirasi rakyat.

Seperti kata sdr Anwar Ibrahim, *mereka hendaklah bersedia merumuskan cara dan kaedah dalam mendapatkan sokongan dan penyertaan rakyat dengan lebih berkesan lagi*.

Oleh yang demikian, jikalau pilihanraya Negeri segera diadakan, UMNO Sabah tidak akan berupaya mencapai kemenangan kerana majoriti rakyat Sabah yang Kristian dan yang Cina akan tetap memihak kepada parti PBS, sekurang-kurangnya untuk sementara ini bagi memperjelaskan betapa mereka tidak berkenan dengan cara dan tindakan yang dibuat dan dijalankan oleh kepimpinan Pusat sekarang.

Pendapat ini akan sukar disanggah kerana jikalau UMNO Sabah boleh mencapai kejayaan, maka 11 orang ADUNnya tentulah bersedia untuk meletakkan jawatan dan bertanding semula di dalam pilihanraya.

Dalam keadaan seperti sekarang, kita boleh melihat bahawa kedudukan Bumiputera Islam Sabah pada masa ini berada di dalam keadaan terumbang ambing. Sementara

PBS masih terus berkuasa dan UMNO mula menapak di negeri itu, golongan Islam masih terus memberi kepercayaan kepada kepimpinan lama yang sudah pun ditolak oleh majoriti rakyat.

Dari segi teorinya, UMNO Sabah mungkin mendapatkan sedikit simpati daripada kepimpinan UMNO Pusat dan ini bukanlah sesuatu yang luar biasa kerana dari segi faktualnya, politik dan politiking itu berkembang menjadi pertempuran pelbagai ideologi untuk merebut kuasa. Dan menurut fahaman *Machiavellian*, seseorang ahli politik yang mahu mencapai kejayaan politiknya, dia akan menggunakan dua cara, iaitu penggunaan cara undang-undang atau penggunaan cara kuasa.

Penggunaan cara undang-undang itu dianggap semula jadi manusia, tetapi penggunaan cara kuasa itu dianggap cara semula jadi haiwan. Oleh kerana cara pertama itu biasanya tidak mencukupi, maka seseorang ahli politik itu akan menggunakan cara kedua, iaitu mengikut cara haiwan, untuk mempertahankan kuasanya.

Di dalam hubungan ini kita patut menyedari bagaimana ahli-ahli politik itu, dalam usaha mempertahankan kuasanya, bertindak seperti seekor haiwan, belajar dari musang dan singa. Sebab singa itu tidak berdaya membela dirinya dari perangkap, sementara musang pula tidak berdaya membela dirinya dari serigala. Oleh itu mereka akan mempunyai sifat seekor musang untuk mengecam perangkap dan sifat seekor singa untuk menakutkan serigala.

Dalam usaha untuk mengembalikan kuasa golongan Islam Sabah itu, Bumiputera Islam di negeri itu seharusnya tidak terperangkap oleh golongan politik yang bersifat musang dan singa ini, kerana kita tidak mahu sejarah lama berulang lagi, iaitu mereka yang keluar dari mulut harimau dan mulut buaya, masuk pula ke dalam mulut naga. Ini perlu diperhatikan kerana, sekalipun UMNO, dari beberapa segi boleh membantu golongan Islam di Sabah, tetapi dari segi-

segi yang lain, dasar parti itu sebahagiannya berlainan dengan konsep perjuangan rakyat Sabah sendiri.

Ini membawa makna bahawa parti itu bukanlah satu-satunya parti politik yang boleh menyelamatkan golongan Islam di Sabah. Hanya orang-orang Sabah sendiri yang boleh menyelesaikan masalah dan kekusutan mereka, bukannya orang lain. Dan untuk menyelesaikan masalah dan kekusutan mereka ini, kita memerlukan generasi kepimpinan yang lain daripada yang ada sekarang.

Zaman pemahaman konsep politik yang *Machiavellian* di Malaysia berdasarkan politik musang dan singa itu akan berakhir menjelang abad kedua puluh satu ini. *Insya Allah!*

Satu generasi baru yang lebih terdidik, peka, prihatin dan bertanggungjawab terhadap pembangunan material, moral dan spiritual rakyat yang berorientasikan perpaduan nasionalisme Malaysia, dijangka akan lahir menjelang tahun 2000 ini.

Generasi baru ini yang dibekalkan dengan kekuatan ilmu yang sudah teruji, tidak saja akan menjadi ilmuwan yang berotak besar, berjiwa besar dan bermoral tinggi di dalam tanggungjawab sosial masyarakatnya, tetapi juga mereka akan bertindak memecahkan masalah-masalah perkauman, politik, keagamaan, pemerintahan dan integrasi nasional di dalam konteks sejarah masa lampau dan masa kini, dengan mengambilkira realiti politik di masa kini dan di masa depan sebagai asas kepimpinan mereka. Inilah yang kita tunggu dan inilah yang kita nantikan sekarang!

Siapa generasi kepimpinan baru itu?

## BIBLIOGRAFI

1. Amat Johan Moain, *Sejarah Nasionalisme Maphilindo*, Penerbit Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1969.
2. Jujun S. Sunasumantri, *Ilmu Dalam Perspektif: Moral, Sosial dan Politik*, DBP Kuala Lumpur, 1990.
3. David Thomson, *Political Ideas*, BBC London, 1964.
4. R.S. Milne and Diane K. Mauzy, *Politik and Government In Malaysia*, Boston, Houghton Mifflin, 1967.
5. Dr. James P. Ongkili, *Modernization In Malaysia 1960-1967*, Kuala Lumpur.
6. Mohd Noor Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke Dalam Persekutuan Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, K. Lumpur, 1976.
7. Mohd. Yusof Jalil, *Matinya Parti Berjaya*, Kuala Lumpur, 1979.
8. Yahaya Ismail, *Berjaya di Tengah-tengah Politik Malaysia*, Dinamika Kreatif, Kuala Lumpur, 1978.
9. Bruce Ross-Larson, *The Politics of Federalism*, Singapura, 1976.
10. Lembaga Penyelidikan Undang-undang, *Perlembagaan Persekutuan*, International Law Book Services, K. Lumpur.
11. Dr. Paul Tan, *Human Rights In Malaysia*, Democratic Action Party, Kuala Lumpur, 1985.
12. Ainol Jamal, *Islam di Sabah Tertindas*, Penerbitan Tinta, Kota Kinabalu, 1989.
13. Ranjit Gill, *Razaleigh - Cita-cita dan Perjuangan*, Pelanduk Publications, Kuala Lumpur, 1987.
14. Ismail Hussein, *Koleksi Ismail Hussein*, Perpustakaan Awam Negeri Kedah, 1988.
15. Anak Sabah, *Agama Islam Tetap Terpelihara di Sabah*, Parti Bersatu Sabah, Kota Kinabalu, 1990.
16. Zakry Abadi, *Analisis Pilihanraya Umum 90*, MYZ Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1990.
17. Ismail Hussein, *Antara Dunia Melayu Dengan Dunia Kebangsaan*, Penerbit UKM, Bangi, 1990.
18. Chamil Wanya, *Pergolakan Antarabangsa*, AMK Interaksi Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1989.
19. Anwar Ibrahim, *Menangani Perubahan*, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1989.
20. *Manifesto PBS 90*, Parti Bersatu Sabah, Kota Kinabalu, 1990.
21. Jujun S. Sunasumantri, *Ilmu Dalam Perspektif*, DBP, K. Lumpur, 1990.
22. Tan Sri Hashim Aman, *Negara Kita*, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1983.

# INDEKS

## A

- Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Datuk, 65  
A.M. Azahari, 34, 35  
Abdul Razak Hussein, Tun, 13, 14, 15, 17, 19, 47, 54, 62, 126, 127  
Amirkahar Datu Mustapha, Dato', 115, 116, 120  
Anwar Ibrahim, Datuk Sri, 65, 132  
Apolinario Mabini, 29, 33  
Ahmad Baharom Titingan, Datuk, 48  
Abang Haji Mustapha, 34

## B

- Benazir Bhutto, 45  
Bernard Giluk Dompok, Datuk, 24, 72

## D

- Donald Stephens, Tun Fuad, 3, 4, 9, 10, 13, 14, 15, 16, 17, 22, 34, 51, 117, 126

## E

- Edward Sinsua, 9  
Elias Omar, Tan Sri, Dato', 98

## G

- Ghazali Shafie, Tan Sri, 14  
Ghafar Baba, 53, 63, 74, 121  
G.S. Sundang, Datuk, 3, 13, 51  
George Bush, Presiden, 125

## H

- Harris Salleh, Datuk, 5, 9, 14, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 44, 45, 46, 51, 84, 89, 120, 126, 127, 128  
Harun Haji Idris, Datuk, 14, 15  
Herman Luping, Datuk, 24  
Hussein Onn, Tun, 19, 47, 54, 62

## I

- Ibrahim Yaakub, 29, 33  
Ignatius Malanjun, 9  
Ismail Hussein, Datuk, Prof, 30, 31

## KEMASUKAN UMNO KE SABAH

### J

- James Ongkili, Datuk, Dr, 9, 14, 17, 22, 50, 97, 128  
Jefferi Kittingan, Dr, 24, 50, 131  
Joseph Kurup, 24, 72  
Jose Rizal, 29, 33  
Joseph Pairin Kitingan, Datuk Sri, 9, 12, 24, 45, 46, 50, 53, 55, 72, 76, 95, 97, 101, 118, 126 127, 131

### K

- Kadoh Agundong, 24

### L

- Lajim Haji Okin, Datuk, 48  
Lawrence Gimbang, 24  
Lee Kuan Yew, 33, 34  
Lee Kim Sai, Datuk, 74  
Lim Guang Sing, 18  
Lord Brassey, 29, 33  
Lord Cobbold, 36, 37, 41, 42, 78, 79, 87, 107, 108

### M

- Mahathir Mohamad, Dr Datuk Sn, 51, 54, 64, 72, 75, 76, 89, 100, 102, 103, 114, 118, 125, 126  
Machiavellian, 133, 134  
Malcolm MacDonald, 33  
Margaret Thatcher, 45  
Marcos, Presiden, 19  
Mark Koding, Datuk, 9, 21, 22, 128  
Maximus Ongkili, Dr, 24, 50, 127, 131  
Mohd. Yusof Jalil, 11, 12  
Mustapha Datu Harun, Tun, Datu, 3, 4, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 20, 22, 32, 34, 44, 45, 46, 51, 54, 55, 61, 62, 67, 68, 89, 112, 113, 115, 116, 117, 120, 123, 126, 127, 128  
Mohamad Noor Mansor, Datuk, 14, 15, 17, 120, 128  
Muhammad Yamin, 29, 33  
Musa Hitam, Datuk, 126, 127

### O

- Onn Jaafar, Datuk, 74  
Ong Kee Hui, 34  
Osmeña, 35

### P

- Paul Tan, Dr, 7  
Peter Lo, 3, 4, 13, 14, 17  
Peter Mojuntin, 9, 14, 15, 17, 51

### R

- Rahman Yaacob, Datuk, 95  
Rozhan Kuntom, 9

KEMASUKAN UMNO KE SABAH

**S**

- Salleh Sulong, 15  
Saddam Hussein, Presiden, 125  
Sanusi Junid, Datuk Sri, 65  
Suharto, Presiden, 19, 85  
Steven Kutai, 24  
Sulaiman Pelastin, Haji, 19  
Sukarno, Presiden, 35, 86  
Syed Kechik Syed Mohd, 9, 10  
Stephens Kalong Ningkan, 34

**T**

- Taib Mahmud, Datuk, 14, 95  
Tunku Abdul Rahman Putera, 28, 29, 32, 33, 34, 41, 47, 54, 57, 62, 87, 105  
Tengku Razaleigh Hamzah, 55, 90

**V**

- Vilfredo Bareto, 132

**W**

- Wenceslao Q. Vinzon, 29, 33  
Wan Hashim Wan Teh, Dr., 93

**Z**

- Zaini Haji Ahmad, 35  
Zaki Gusmiah, 48  
Zulkifli Hj. Abdul Hamid, Datuk, 9